# KOLEKSI SKEMA PEP. PERCUBAAN NEGERI, PENGAJIAN AM 3 (900/3), STPM 2019

**Isi Kandungan :**


| BIL | PERKARA (NAMA SEKOLAH/NEGERI) | MUKA SURAT | CATATAN |
|---|---|---|---|
| 1. | Muka depan PAM3 | 2 | |
| 2. | Panduan permarkahan Bahagian B dan C | 3 | |
| 3. | SMJK JIT SIN, P.PINANG | 5 | |
| 4. | KOLEJ TINGKATAN ENAM SERI IPOH, PERAK | 24 | |
| 5. | MUAR,JOHOR | 36 | |
| 6. | SMKTKB | 51 | |
| 7. | SSIJB | 62 | |
| 8. | SMK INFANT JESUS CONVENT MELAKA | 83 | |
| 9. | PAHANG | 102 | |
| 10. | ? | 117 | |
| 11. | | | |
| 12. | | | |
| 13. | | | |
| 14. | | | |
| 15. | | | |

NamaCalon : ........................................................ Tingkatan: .............................

**900/3** **STPM 2019**

# PENGAJIAN AM
# KERTAS 3
# (Dua jam)

# PEPERIKSAAN PERCUBAAN

**SMK …**

## SIJIL TINGGI PERSEKOLAHAN MALAYSIA
## (MALAYSIA HIGHER SCHOOL CERTIFICATE)

**Arahan kepada calon :**

**JANGAN BUKA KERTAS SOALAN INI SEHINGGA ANDA DIBENARKAN BERBUAT DEMIKIAN.**

*Kertas ini mengandungi tiga bahagian iaitu bahagian A, Bahagian B, dan Bahagian C.*

*Calon dikehendaki menjawab* ***semua*** *soalan dalam Bahagian A,* **satu** *soalan dalam Bahagian B, dan* ***dua*** *soalan dalam Bahagian C.*

*Ada* **lima belas** *soalan dalam Bahagian A. Tiap-tiap soalan diikuti oleh* **empat** *pilihan jawapan. Pilih* **satu** *jawapan yang betul dan tandakan jawapan itu pada Borang Jawapan Aneka Pilihan yang berasingan. Baca arahan pada Borang Jawapan Aneka Pilihan itu dengan teliti.*

*Gunakan helaian jawapan bagi menjawab soalan dalam Bahagian B dan C. Mulakan setiap jawapan anda pada helaian kertas yang baharu dan susun jawapan anda mengikut tertib berangka. Ikat helaian jawapan anda bersama dengan kertas soalan ini.*

*Markah untuk tiap-tiap bahagian soalan dan soalan diberikan dalam tanda kurung [ ]*

| Untuk kegunaan pemeriksa | |
|---|---|
| *Bahagian A* | |
| **15 soalan** | |
| *Bahagian B* | |
| | |
| *Bahagian C* | |
| | |
| | |
| Jumlah | |

**Kertas Soalan ini terdiri daripada ....... halaman bercetak**

Disediakan oleh :- Disemak dan disahkan :-

**PANDUAN PERMARKAHAN PA3** ,

**Bahagian B:Soalan Alih Bentuk Komunikasi**

Markah penuh : 15 markah

Pemarkahan

| | | |
|---|---|---|
| Idea/isi (I) | - | 4 markah |
| Huraian dan penjelasan (H) | | -8 markah |
| Kebahasaan (B) | | -1 markah |
| Rumusan/kesimpulan/pendapat (R) | | -2 markah |
| | | Jumlah – 15 markah |

**Bahagian C: Karangan**

Markah penuh: 50 markah

**Pemberian markah karangan akan berasaskan kepada perkara-perkara berikut:**

| | |
|---|---|
| Isi dan Idea (I) | 10 markah |
| Hujah (H) | 10 markah |
| Kemahiran Kebahasaan (B) | 4 markah |
| Format | 1 markah |
| | **25 markah** |

Catatan:

**Pembahagian markah untuk Isi dan Idea**

| | | |
|---|---|---|
| : Baik | : | 8-10 markah |
| Sederhana | : | 6 markah |
| Lemah | : | 2-4 markah |

**Pembahagian markah untuk Huraian (H**):

| | |
|---|---|
| Baik | :7-10 markah |
| Sederhana | :5 - 6 markah |
| Lemah : | 1 - 4 markah |

**Pembahagian Markah untuk kebahasaan(B):**

| | |
|---|---|
| Baik | :4 markah |
| Sederhana | :2-3 markah |
| Lemah : | 1 markah |

**Pembahagian markah untuk Format (F) :**

Memenuhi format :1 markah Penulisan (Pengenalan, Isi dan penutup)

Tidak memenuhi :0 markah format

**Cara Pemberian Markah Pemarkahan bahasa (4)**

Bagi 8 kesalahan ejaan atau tanda baca, potong 1 markah. Bagi 4 kesalahan struktur ayat potong 1 markah dengan mengambil ingatan apa-apa kesalahan yang terdapat di dalamnya tidak diambilkira.

Kesalahan yang sama dan diulang tidak dipotong markah , demikian juga ejaan yang sejenis.

Contoh ejaan yang sejenis:
Batuk, patuk – dikira sejenis Suluh, buluh - dikira sejenis

Markah minimum diberi untuk markah bahasa dan juga bagi jawapan yang terdiri daripada satu ayat bagi setiap perenggan

**Kepanjangan karangan**

Karangan hendaklah tidak melebihi **400** patah perkataan. Karangan yang selebihnya tidak perlu diperiksa. markah maksimum untuk bahasa berdasarkan kepada kepanjangan karangan adalah seperti berikut:

| | |
|---|---|
| Lebih daripada 250 patah perkataan | : 4 markah |
| 151 hingga 250 patah perkataan | : 3 markah |
| 101 hingga 150 patah perkataan | : 2 markah |
| Kurang daripada 100 perkataan | : 1 markah |

Mencatat kesalahan bahasa dan markah

Catat kesalahan bahasa di ruang kiri skrip jawapan. Setiap kesalahan dicatat dengan angka 1.
Kesalahan struktur ayat ditandai dengan cara : (        ) – ditandai S diruang kiri skrip jawapan
Kesalahan bahasa kali pertama bagi tatabahasa, ejaan, tanda baca ditandai dengan cara:



Kesalahan yang sama tidak dikira dan ditandai dengan cara:



Tidak relevan (TR) dan Tidak Jelas (TJ)

Karangan yang tidak langsung membincangkan tajuk beri markah 1 ( 1/25)

Perhatikan bahawa markah tidak diberi untuk butiran yang berulang-ulang.
Adakalanya, anda akan bertemu dengan karangan yang daripada awal lagi sudah menyeleweng tetapi kemudian pada bahagian akhirnya barulah terdapat butiran-butir yang jitu. Oleh sebab itu anda hendaklah membaca seluruh karangan itu walaupun separuh daripadanya menyeleweng supaya kita dapat berlaku adil terhadap calon. Anda juga akan bertemu dengan karangan yang pada mulanya menjawab dengan jitu tetapi kemudiannya menyeleweng daripada tajuk. Dalam hal ini, berilah markah kepada jitu sahaja.

Calon layak diberi markah impak/persembahan (1 markah) jika jawapannya sempurna dari segi format penulisan karangan, iaitu ada bahagian pengenalan, isi dan penutup.

Mencatat pemberian markah karangan.
Catat markah pada ruang kanan skrip. Jumlah markah akhir setiap jawapan perlu diletakkan dalam bulatan
Tanda I – Idea, H – Huraian, B – Bahasa, F – Format
Nyatakan di bahagian akhir karangan sekiranya karangan itu menyeleweng.

**SOALAN PEPERIKSAAN PERCUBAAN PENGAJIAN AM 3(900/3), STPM 2019**

# SMJK Jit Sin (SKK)

**Bahagian A** [15 *markah*]

*Jawab* **semua** *soalan.*

1. Yang manakah urutan yang paling tepat untuk menggambarkan perkembangan dasar luar Malaysia?

   I. Sekatan tarif
   II. Mengadakan Suruhanjaya Selatan-Selatan
   III. Hubungan dagangan dengan negara-negara Barat
   IV. Mengembangkan agenda kesederhanaan pada peringkat global

   A. IV, I, II, III
   B. IV, I, III, II
   C. III, I, II, IV
   D. I, II, III, IV

2. Yang manakah benar tentang sebab Malaysia mengamalkan dasar pro-Barat era pasca kemerdekaan?

   I. Kebangkitan komunis
   II. Kemelut Perang Dingin
   III. Konfrontasi daripada negara jiran
   IV. Tekanan daripada negara bekas penjajah

   A I dan II B I dan III
   C II dan III D III dan IV

3. Bentuk kerjasama dalam kalangan anggota ASEAN + 3 ialah

   I. Kesepakatan dalam ketenteraan
   II. Pembangunan maritim dan perkapalan
   III. Kerjasama dari segi saintifik dan teknikal
   IV. Pembangunan sosial dan sumber manusia

   A I dan II B I dan III
   C II dan IV D III dan IV

4. Yang manakah manfaat pelaksanaan Kawasan Perdagangan Bebas ASEAN (AFTA) kepada Malaysia?

   A. Peningkatan kutipan duti import
   B. Pertambahan nilai pelaburan langsung asing
   C. Peningkatan persaingan dalam produk terpilih
   D. Peningkatan aliran intra dagangan dengan negara-negara Asia Tenggara

5. 

   | Mahkamah Jenayah Antarabangsa (ICC) |
   |---|

   Yang manakah kes diadili oleh badan kehakiman di atas?

   I. Perang genosid terhadap kaum minoriti
   II. Pencerobohan ketenteraan terhadap negara jiran
   III. Pertikaian pilihan raya bebas pembentukan negara bangsa baharu
   IV. Pertindihan tuntutan wilayah kepulauan Senkaku atau Diaoyu

A I dan II B I dan III
C II dan III D III dan IV

6.

- Menggalakkan perkongsian pengalaman pembangunan
- Malaysia di bawah Kerjasama Selatan-Selatan untuk membangunkan keupayaan negara-negara membangun

Pernyataan di atas berkaitan dengan
A. Rancangan Colombo
B. Dialog Antarabangsa Langkawi
C. Kerjasama Ekonomi Asia Pasifik
D. Program Kerjasama Teknikal Malaysia

7. Yang manakah merupakan matlamat utama Negara-Negara Dunia Ketiga membentuk Kerjasama Selatan-Selatan?
A. Untuk menyelaraskan sistem tarif
B. Untuk membentuk kerjasama ekonomi
C. Untuk menyelaraskan eksport komoditi
D. Untuk meningkatkan pasaran barangan industri

8.

Kumpulan Lapan Negara Membangun (D8)

Yang manakah yang menunjukkan komitmen Malaysia dalam hubungan antarabangsa di atas?
I. Memajukan sektor kewangan dan perbankan Islam
II. Mengadakan dialog perdagangan dengan negara maju
III. Mengatasi masalah dalaman negara-negara Islam melalui perundingan
IV. Mengadakan program latihan pengurusan syarikat takaful dalam kalangan negara anggota
A I dan III B I dan IV
C II dan III D II dan IV

9. Yang manakah yang benar tentang tujuan penglibatan Malaysia dalam Suruhanjaya Selatan-Selatan?
I. Merundingkan kerjasama teknologi dengan negara maju
II. Meningkatkan teknologi keselamatan negara membangun
III. Memperjuangkan pembangunan bersama-sama negara membangun
IV. Mengatasi masalah keseimbangan dan hutang negara sedang membangun
A I dan II B I dan III
C II dan IV D III dan IV

10. Yang manakah pendirian Malaysia dalam memelihara keamanan dunia?
I. Menyertai operasi ketenteraan
II. Menjadi ahli tidak tetap UNSC
III. Terlibat dalam misi tentera pengaman PBB
IV. Menaja rundingan damai isu Asia Barat memerangi ancaman terorisme
A I dan III B I dan IV
C II dan III D II dan IV

11. Antara cabaran yang dihadapi oleh Malaysia dalam memajukan teknologi hijau ialah

I. Kos yang tinggi
II. Sumber tenaga tidak mencukupi
III. Kerajaan kurang memberikan insentif
IV. Pergantungan teknologi terhadap negara maju

A I dan III B I dan IV
C II dan III D II dan IV

12.

- Berperanan sebagai perwakilan khas Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatuberunding dengan junta tentera Myanmar
- Mempengerusikan Majlis Perhimpunan Agung PBB

Pernyataan di atas merujuk kepada

A. Tan Sri Razali Ismail
B. Dato' Seri Anwar Ibrahim
C. Tun Dr.Mahathir Mohamad
D. Dato' Seri Najib b. Tun Razak

13. Yang manakah tugas pasukan tentera pengaman Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu ?

I. Mengawasi pelaksanaan perjanjian gencatan senjata
II. Memberi bantuan ketenteraan bagi memulihkan keamanan
III. Menguatkuasakan sekatan ekonomi terhadap negara bergolak
IV. Membantu negara bergolak memulihkan keamanan

A I dan III B I dan IV
C II dan III D II dan IV

14.

Mengurangkan pembebasan gas rumah hijau

Perjanjian-perjanjian berikut bersesuaian dengan penyataan di atas kecuali

A. Protokol Kyoto
B. Protokol Montreal
C. Perjanjian Paris
D. Copenhagen Accord

15. Mengapakah negara-negara perlu menandatangani perjanjian ekstradisi?

A. Menyelesaikan masalah perdagangan bilateral
B. Mengeratkan hubungan ekonomi dan dagangan
C. Menyelesaikan ketegangan politik antara negara berjiran
**D.** Menyelesaikan masalah jenayah yang melibatkan dua buah negara

**Bahagian B**

**16.**Berdasarkan maklumat dalam jadual di bawah, **bandingkan** bilangan pelajar Malaysia di luar negara mengikut negara terpilih dan jenis pembiayaan pada tahun 2014 dan tahun 2015. Berikan **faktor-faktor pendorong**pelajar Malaysia melanjutkan pelajaran di luar negara.

**MALAYSIA : BILANGAN PELAJAR DI LUAR NEGARA MENGIKUT NEGARA TERPILIH DAN JENIS PEMBIAYAAN PADA TAHUN 2014 DAN TAHUN 2015**

| Negara | Tahun 2014 | | | Tahun 2015 | | |
|---|---|---|---|---|---|---|
| | Tajaan (Orang) | Persendirian (Orang) | Jumlah (Orang) | Tajaan (Orang) | Persendirian (Orang) | Jumlah (Orang) |
| United Kingdom | 6 357 | 9 423 | 15 780 | 3 671 | 15 679 | 19 350 |
| Amerika Syarikat | 1 905 | 5 009 | 6 914 | 2 197 | 5 124 | 7 321 |
| Indonesia | 1 179 | 3 348 | 4 527 | 822 | 3 595 | 4 417 |
| Jordan | 1 290 | 1 878 | 3 168 | 2 107 | 722 | 2 829 |
| China | 254 | 210 | 464 | 490 | 324 | 814 |
| Jumlah | 10 985 | 19 868 | 30 853 | 9 287 | 25 444 | 34 731 |

(Disesuaikan daripada Bahagian Pemasaran Pendidikan, Jabatan Pengajian Tinggi, Malaysia)

**17.** Berdasarkan maklumat dalam jadual di bawah, buat **analisis** terhadap perbandingan jumlah penduduk di kawasan bandar-bandar utama tertentu di negara kita pada tahun 2010 dan tahun 2020 (Unjuran). Terangkan **langkah-langkah** bagi mengurangkan migrasi penduduk desa ke bandar.

MALAYSIA :PERBANDINGAN JUMLAH PENDUDUK DI KAWASAN BANDAR-BANDAR UTAMA TERTENTU PADA TAHUN 2010 DAN TAHUN 2020 (UNJURAN)

| Tahun / Bandar-bandar utama | Tahun 2010 | | Tahun 2020 (Unjuran) | |
|---|---|---|---|---|
| | Bilangan penduduk (Orang) | Peratus | Bilangan Penduduk (Orang) | Peratus |
| Subang Jaya | 423 338 | 8.86 | 1 553 589 | 19.67 |
| Kuala Lumpur | 177 811 | 3.72 | 1 475 337 | 18.68 |
| Klang | 631 676 | 13.23 | 1 113 851 | 14.10 |
| Johor Bahru | 630 603 | 13.20 | 916 409 | 11.60 |
| Ampang Jaya | 475 253 | 9.95 | 804 901 | 10.19 |
| Ipoh | 574 041 | 12.02 | 704 572 | 8.92 |
| Shah Alam | 319 612 | 6.69 | 671 282 | 8.50 |
| Kuching | 1 543 478 | 32.33 | 658 549 | 8.34 |
| Jumlah | 4 775 812 | 100 | 7 898 490 | 100 |

(Disesuaikan daripada Jabatan Perangkaan Malaysia, 2012)

**Bahagian C**

18. Kelemahan kawalan sempadan bukanlah satu-satunya faktor yang menyebabkanMalaysia masih gagal menyelesaikan isu keselamatan sempadan. Isu ini telah menimbulkan pelbagai impak terhadap rakyat dan negara. Bincangkan.

19. Pengeluaran minyak sawit Malaysia disabotaj oleh Persatuan Pengeluar Minyak Soya Amerika Syarikat. Jelaskan alasan yang diguna sertalangkah yang diambil oleh kerajaan Malaysia bagi menangkis dan meningkatkan kemajuan industri sawit negara.

20. Zon Ekonomi Eksklusif (ZEE) mempunyai kepentingan kepada banyak negara termasuk MaIaysia. Namun, penguatkuasaan terhadap ZEE berhadapan dengan pelbagai masalah. Bincangkan.

**SKEMA PEPERIKSAAN PERCUBAAN PENGAJIAN AM 3(900/3), STPM 2019**

# SMJK Jit Sin (SKK)

**Jawapan Bahagian A**

| | | | | | |
|---|---|---|---|---|---|
| **1** | **C** | **6** | **D** | **11** | **B** |
| **2** | **B** | **7** | **B** | **12** | **A** |
| **3** | **D** | **8** | **B** | **13** | **B** |
| **4** | **D** | **9** | **D** | **14** | **B** |
| **5** | **A** | **10** | **C** | **15** | **D** |

**Bahagian B**

**16.**Berdasarkan maklumat dalam jadual di bawah, **bandingkan** bilangan pelajar Malaysia di luar negara mengikut negara terpilih dan jenis pembiayaan pada tahun 2014 dan tahun 2015. Berikan **faktor-faktor pendorong** pelajar Malaysia melanjutkan pelajaran di luar negara.

Skema Jawapan Soalan 16 Peperiksaan Percubaan 900/3 STPM 2019

A. Analisi Data

| Bil. | Idea | Hujah |
|---|---|---|
| 1. | Mengikut negara terpilih secara keseluruhan<br>●Paling banyak bagi tahun 2014 dan tahun 2015<br>-UK<br><br>Paling sedikit bagi tahun 2014 dan tahun 2015<br>-China | ●Tahun 2014 – Bilangan pelajar Malaysia di luar negara paling banyak ialah UK iaitu sebanyak 15 780 orang atau 51.15% dpd jumlah keseluruhan sebanyak 30 853 orang ●Tahun 2015 – 19 350 orang atau 55.71 % dpd jumlah keseluruhan sebanyak 34 731 orang<br><br>●Tahun 2014 – Bilangan pelajar Malaysia di luar negara paling sedikit ialah China iaitu sebanyak 464 orang atau 1.50% dpd jumlah keseluruhan sebanyak 30 853 orang<br><br>●Tahun 2015 – 814 orang atau 2.34% dpd jumlah keseluruhan sebanyak 34 731 orang . |
| 2. | Mengikut jenis pembiayaan secara keseluruhan<br>●Secara keseluruhan, bilangan pelajar persendirian lebih ramai daripada bilangan pelajar tajaan bagi tahun 2014 dan tahun | ●Tahun 2014–Bilangan pelajar persendirian ialah sebanyak 19 868 orang berbanding bilangan pelajar tajaan sebanyak10 985 orang iaitu melebihi sebanyak 8 883 orang.<br>●Tahun 2015 – Bilangan pelajar persendirian ialah sebanyak 25 444 orang berbanding bilangan pelajar tajaan sebanyak 9 287 orang iaitu melebihi |

| | | |
|---|---|---|
| | 2015. | sebanyak 16 157 orang. |
| 3. | <u>Perbandingan bilangan pelajar tajaan danpelajar persendirian secara keseluruhan</u><br>●Bilangan pelajar tajaan tahun 2014<br>lebih ramai daripada bilangan pelajar<br>tajaan tahun 2015<br><br>●Bilangan pelajar persendirian tahun 2014<br>kurang daripada bilangan pelajar persendirian tahun 2015 | ●Bilangan pelajar tajaan tahun 2014 ialah 10 985 orang manakala bilangan pelajar tajaan tahun 2015 ialah 9 287 orang iaitu melebihi sebanyak 1 698 orang.<br>●Bilangan pelajar persendirian tahun 2014 ialah 19 868 orang manakala bilangan pelajar persendirian tahun 2015 ialah 25 444 orang iaitu kurang sebanyak5 576 orang. |
| 4. | <u>Pelajar tajaan</u><br>●Bilangan pelajar tajaan paling banyak bagi<br>tahun 2014 dan tahun 2015<br>-UK<br><br>●Bilangan pelajar tajaan paling sedikit bagi<br>tahun 2014 dan tahun 2015<br>-China | Bilangan pelajar tajaan paling banyak bagi kedua-dua tahun ialah UK.<br>●Tahun 2014 – 6 357 orang atau 57.87% dpd jumlah keseluruhan sebanyak 10 985 orang.<br>●Tahun 2015 – 3 671 orang atau 39.53% dpd jumlah keseluruhan sebanyak 9 287 orang.<br><br>Bilangan pelajar tajaan paling sedikit bagi kedua-dua tahun ialah China<br>●Tahun 2014 – 254 orang atau 2.31% dpd jumlah keseluruhan sebanyak 10 985 orang.<br>●Tahun 2015 – 490 orang atau 5.28% dpd jumlah keseluruhan sebanyak 9 287 orang. |
| 5. | <u>Pelajar persendirian</u><br>●Bilangan pelajar persendirian paling<br>banyak bagi tahun 2014 dan tahun 2015<br>-UK<br><br>●Bilangan pelajar persendirian paling<br>sedikit bagi tahun 2014 dan tahun 2015<br>-China | Bilangan pelajar persendirian paling banyak bagi kedua-dua tahun ialah UK.<br>●Tahun 2014 – 9 423 orang atau 47.43% dpd jumlah keseluruhan sebanyak 19 868 orang.<br>●Tahun 2015 – 15 679 orang atau 61.62% dpd jumlah keseluruhan sebanyak 25 444 orang.<br><br>Bilangan pelajar persendirian paling sedikit bagi kedua-dua tahun ialah China.<br>●Tahun 2014 –210 orang atau 1.06% dpd jumlah keseluruhan sebanyak 19 868 orang.<br>●Tahun 2015 – 324 orang atau 1.27% dpd jumlah keseluruhan sebanyak 25 444 orang. |
| 6. | <u>Perbandingan bilangan pelajar tajaan dengan persendirian mengikut negara bagi tahun 2014</u><br>●Bilangan pelajar persendirian mengatasi<br>bilangan pelajar tajaan<br>melibatkan semua | UK<br>●Tahun 2014 - Bilangan pelajar persendirian ialah 9423 orang manakala bilangan pelajar tajaan ialah 6 357 orang iaitu melebihi sebanyak 3 066 orang<br><br>China<br>●Tahun 2014 - Bilangan pelajar persendirian |

| | | |
|---|---|---|
| | negara kecuali China<br>-UK<br>-AS<br>-Indonesia<br>-Jordan | ialah 210 orang manakala bilangan pelajar tajaan ialah 254 orang iaitu kurang sebanyak 44 orang |
| 7. | <u>Perbandingan bilangan pelajar tajaan dengan persendirian mengikut negara bagi tahun 2015</u><br>●Bilangan pelajar persendirian mengatasi bilangan pelajar tajaan melibatkan negara-negara seperti UK, AS dan Indonesia<br><br>●Bilangan pelajar persendirian kurang daripadabilangan pelajar tajaan melibatkan negara-negara seperti Jordan dan China | UK<br>●Tahun 2015 - Bilangan pelajar persendirian ialah 15 679 orang manakala bilangan pelajar tajaan ialah 3 671 orang iaitu melebihi sebanyak 12 008 orang<br><br>Jordan<br>●Tahun 2015 - Bilangan pelajar persendirian ialah 722 orang manakala bilangan pelajar tajaan ialah 2 107 orang iaitu kurang sebanyak 1 385 orang |

<u>B.Analisis Pengetahuan</u>
<u>Alasan-alasan pelajar Malaysia melanjutkan pelajaran di luar negara</u>
8.Universiti luar negara lebih berprestij
9.Ijazah universiti luar negara mendapat pengiktirafan global
10.Kualiti pengajian di universiti luar negara lebih tinggi
11.Menikmati kehidupan kampus di luar negara
12.Mendapat peluang kerja di luar negara selepas tamat pengajian
13.Emigrasi ke luar negara selepas tamat pengajian
14.Meningkatkan penguasaan bahasa luar
15.Mendalami budaya asing
16.Kemampuan ekonomi tinggi
17.Memenuhi hasrat dan permintaan ibu bapa
18.Pengaruh trend semasa
19.Pengaruh pelajar senior atau rakan sekelas

Sebagai konklusi, Malaysia perlu berusaha untuk muncul sebagai hab kecemerlangan pendidikan tertiari bagi mengurangkan bilangan pelajar Malaysia di luar negara. Pelajar Malaysia digalakkan melanjutkan pelajaran di IPT tempatan.

**17.** Berdasarkan maklumat dalam jadual di bawah, buat **analisis** terhadap perbandingan jumlah penduduk di kawasan bandar-bandar utama tertentu di negara kita pada tahun 2010 dan tahun 2020 (Unjuran). Terangkan **langkah-langkah** bagi mengurangkan migrasi penduduk desa ke bandar.

skema Jawapan Soalan 17 Peperiksaan Percubaan 900/3 STPM 2019
A.Analisis Data

| Bil. | Idea | Hujah |
|---|---|---|
| 1. | Pola Perubahan<br>●Keseluruhan<br>Jumlah penduduk di kawasan bandar-bandar utama tertentu bagi tahun 2010 dan tahun 2020 (Unjuran) mencatatkan peningkatan | ●Tahun 2010 = 4 775 812 orang<br>●Tahun 2020 (Unjuran) = 7 898 490 orang<br>●Mencatatkan peningkatan sebanyak3 122 678 orang atau 65.36% |
| 2. | ●Bandar-bandar utama yang mencatatkan peningkatan bilangan penduduk bagi tahun 2010 dan tahun 2020 (Unjuran)<br>*Subang Jaya<br>*Kuala Lumpur<br>*Klang<br>*Johor Bahru<br>*Ampang Jaya<br>*Ipoh<br>*Shah Alam | ●Subang Jaya<br>*Tahun 2010 = 423 338 orang<br>*Tahun 2020 (Unjuran) = 1 553 589 orang<br>*Mencatatkan peningkatan sebanyak 1 130 251 orang atau 266.99% |
| 3. | ●Bandar utama yang mencatatkan penurunan bilangan penduduk bagi tahun 2020 dan tahun 2020 (Unjuran)<br>*Kuching | ●Tahun 2010 = 1 543 478 orang . Tahun 2020 (Unjuran) = 658 549 orang<br><br>●Mencatatkan penurunan sebanyak 884 929 orang atau 57.33% |
| 4. | Pola Bandingan<br>●Keseluruhan<br>Jumlah penduduk di kawasan bandar-bandar utama tertentu bagi tahun 2020 (Unjuran) melebihi jumlah bagi tahun 2010. | ●Tahun 2010 = 4 775 812 orang<br>●Tahun 2020 (Unjuran) = 7 898 490 orang<br>●Perbezaannya ialahsebanyak 3 122 678 orang |
| 5. | ●Bandarutama yang mencatatkan bilangan penduduk paling banyak bagi tahun 2010 dan tahun 2020 (Unjuran)<br><br>atau<br><br>●Bandar utama yang mencatatkan bilangan penduduk paling banyak dan paling sedikit bagi tahun 2010 | ●Tahun 2010<br>*Kuching – 1543 478 orang atau 32.33% daripada sejumlah 4 775 812 orang<br>●Tahun 2020 (Unjuran)<br>*Subang Jaya – 1 553 589 orang atau 19.67% daripada sejumlah 7 898 490 orang<br><br>atau<br><br>●Penduduk paling banyak<br>*Kuching – 1 543 478 orang atau 32.33% daripada sejumlah 4 775 812 orang<br>●Penduduk paling sedikit |

| | | |
|---|---|---|
| | | *Kuala Lumpur – 177 811 orang atau 3.72% daripada sejumlah 4 775 812 orang |
| 6. | ●Bandarutama yang mencatatkan bilangan penduduk paling sedikit bagi tahun 2010 dan tahun 2020 (Unjuran)<br><br>atau<br><br>●Bandar utama yang mencatatkan bilangan penduduk paling banyak dan paling sedikit bagi tahun 2020 (Unjuran) | ●Tahun 2010<br>*Kuala Lumpur – 177 811 orang atau 3.72% daripada sejumlah 4 775 812 orang<br>●Tahun 2020 (Unjuran)<br>*Kuching – 658 549 orang atau 8.34% daripada sejumlah 7 898 490 orang<br><br>atau<br><br>●Penduduk paling banyak<br>*Subang Jaya – 1 553 589 orang atau 19.67% daripada sejumlah 7 898 490 orang<br>*Kuching – 658 549 orang atau 8.34% daripada sejumlah 7 898 490 orang |
| 7. | ●Semua bandar mencatatkan bilangan penduduk tahun 2020 (Unjuran) mengatasi bilangan penduduk tahun 2010 kecuali Kuching<br>-Subang Jaya<br>-KL<br>-Klang<br>-JB<br>-Ampang Jaya<br>-Ipoh<br>-Shah Alam | ●Subang Jaya<br>*Bilangan penduduk tahun 2020 (Unjuran) ialah 1 553 589 manakala bilangan penduduk tahun 2010 ialah 423 338 orang iaitu melebihi 1 130 251 orang<br><br>●Kuching<br>*Bilangan penduduk tahun 2020 (Unjuran) ialah 658 549 manakala bilangan penduduk tahun 2010 ialah 1 543 478 orang iaitu kurang sebanyak 884 929 orang |

**B.Analisis Pengetahuan**

Langkah-langkah mengurangkan migrasi penduduk desa ke bandar

8.Menambahkan peluang pekerjaan di desa
9.Membangunkan industri desa
10.Menjadikan desa destinasi pelancongan utama
11.Mengusahakan tanah terbiar di desa
12.Pembangunan sektor pertanian dan penternakan di desa
13.Program pembangunan keusahawanan untuk penduduk desa
14.Pembangunan infrastruktur dan infostruktur desa
15.Memupukperasaan cinta akan desa

Sebagai konklusi, jumlah penduduk di kawasan bandar-bandar utama tertentu di Malaysia telah mengalami pertambahan akibat pertambahan penduduk migran dari desa. Langkah-langkah tertentu perlu diambil bagi mengurangkan migrasi penduduk desa ke bandar.

**Bahagian C**

18. Kelemahan kawalan sempadan bukanlah satu-satunya faktor yang menyebabkanMalaysia masih gagal menyelesaikan isu keselamatan sempadan. Isu ini akan menimbulkan pelbagai impakterhadap rakyat dan negara. Bincangkan.

## A. FAKTOR KEGAGALAN MENYELESAIKAN ISU KESELAMATAN SEMPADAN

| Bil. | Idea dan Huraian |
|---|---|
| 1. | Kelemahan kawalan sempadan merupakan antara faktor yang menyebabkan Malaysia masih gagal menyelesaikan isu keselamatan sempadan.<br>●M'sia menghadapi isu keselamatan sempadan seperti jenayah penyeludupan rentas sempadan<br>●Pelbagai jenis dadah dan senjata api berbahaya telah diseludup masuk dari negara jiran<br>●Keadaan ini disebabkan kawalan pintu masuk yang lemah dan tidak menyeluruh<br>●Kawalan pintu masuk longgar kerana kelemahan integriti pegawai penguatkuasa dan kekurangan bilangan anggota keselamatan yang mengawal sempadan negara . |
| 2. | Faktor seterusnya ialah keluasan kawasan sempadan negara<br>●Sempadan negara antara Sabah dan Sarawak dengan Indonesia di Borneo terlalu luas<br>●Bentuk muka bumi di kawasan sempadan tersebut dikelilingi hutan tebal dan kawasan bergunung- ganang<br>●Populasi penduduk di kawasan sempadan tersebut sangat rendah<br>●Kerajaan menghadapi kesukaran membina pos kawalan dan pagar konkrit sempadan serta menempatkan bilangan anggota keselamatan yang mencukupi |
| 3. | Faktor seterusnya ialah kurang kerjasama padu daripada masyarakat setempat<br>●Masyarakat setempat yang tinggal di sempadan tidak memberi kerjasama padu<br>●Mereka tidak menyalurkan maklumat penting kepada pasukan keselamatan<br>●Mereka lebih mementingkan diri tanpa mempedulikan kesan negatif isu keselamatan sempadan kepada masyarakat dan negara<br>●Sebilangan ahli masyarakat setempat bersuhabat dengan pihak luar seperti militan asing sehingga menjejaskan usaha kerajaan menyelesaikan isu keselamatan sempadan. |
| 4. | Faktor seterusnya ialah peralatan yang digunakan kurang canggih<br>●Peralatan yang diguna untuk tujuan pemantauan, pengintipan dan pengawasan sempadan tidak canggih dan tidak memenuhi spesifikasi masa kini<br>●Peralatan yang diguna ketinggalan zaman. Peralatan canggih seperti mesin pengimbas berasaskan teknologi moden tidak diguna<br>●Sebaliknya kerja-kerja pengawasan sempadan dilakukan secara manual menggunakan mata kasar manusiadan anjing pengesan<br>●Kesannya, pintu masuk sempadan negara senang dibolosi. Isu keselamatan sempadan sukar ditangani dengan baik |
| 5. | Faktor seterusnya ialah kerjasama antara negara terlibat kurang berkesan<br>●Isu keselamatan sempadan merupakan isu keselamatan dua hala antara negara<br>●Kerjasama yang berkesan antara negara amat perlu bagi menangani isu ini demi kepentingan bersama<br>●Namun, negara jiran kurang serius dan kurang komited menjayakan kerjasama dua hala<br>●Isu keselamatan sempadan dibiarkan tanpa kerjasama berkesan seperti pertukaran maklumat perisikan serta penyiasatan, rondaan dan operasi bersama membanteras kumpulan penjenayah |
| 6. | Faktor seterusnya ialah pencabulan undang2 antarabangsa<br>●Sempadan air ZEE Malaysia misalnya ditetapkan berdasarkan peruntukan undang2 laut antarabangsa seperti UNCLOS 1982<br>●Penetapan sempadan air ZEE negara tidak mendapat pengiktirafan dan penghormatan |

| | |
|---|---|
| | ●Sempadan air ZEE negara tetap diceroboh oleh kapal perang dan nelayan asing<br>●Undang2 antarabangsa dicabuli. Kepentingan nasional mengatasi kepentingan keselamatan serantau |
| 7. | Faktor seterusnya ialah kelemahan penguatkuasaan undang2<br>●M'sia telah menjadi negara transit utama jenayah pemerdagangan manusia rentas sempadan<br>●Parlimen M'sia telah menggubal dan meluluskan Akta Anti Pemerdagangan Orang dan Akta Anti Penyeludupan Migran 2010<br>●Namun amalan rasuah dan kelemahan integriti telah menghalang penguatkuasaan undang2<br>●Pegawai penguatkuasa telah bersuhabat dengan ahli sindiket jenayah untuk menyeludup masuk mangsa jenayah pemerdagangan manusia sebelum ditransit ke negara lain. |
| 8. | Faktor seterusnya ialah kedudukan geografi dan lokasi Malaysia<br>●M'sia terletak berdekatan dengan negara bergolak seperti selatan Filipina<br>●Perjalanan laut dari Pulau Jolo ke bandar persisiran pantai timur Sabah seperti Semporna dan Lahad Datu hanya mengambil masa puluhan minit<br>●Kesannya, Sabah telah menjadi sasaran militan kumpulan pemisah dan pemberontak dari selatan Filipina seperti Abu Sayyaf untuk melakukan jenayah penculikan<br>●Nelayan,anak kapal dan pelancong asing telah diculik dan dibunuh untuk mendapatkan wang Tebusan |
| 9.. | Faktor terakhir ialah masalah kebanjiran PATI<br>●Sabah telah dibanjiri PATI berbangsa Sulu dari selatan Filipina yang bergolak<br>●PATI Sulu ini telah mengkhianati M'sia. Mereka bersuhubat dengan militan Royal Sulu Army (RSA) dari Kepulauan Sulu, Filipina<br>●PATI Sulu ini telah membocorkan maklumat sulit pertahanan negara kepada pihak musuh<br>●Mereka juga bertindak menjadi penunjuk arah kepada militan RSA dalam insiden Pencerobohan 2013 bagi menuntut hak Kesultanan Sulu ke atas Sabah |

## B.IMPAK KEGAGALAN MENYELESAIKAN ISU KESELAMATAN SEMPADAN

| Bil. | Idea dan Huraian |
|---|---|
| 10. | Antara impak yang timbul daripada kegagalan kerajaan menyelesaikan isu keselamatan sempadan ialah keselamatan rakyat tergugat<br>●Kes penculikan di sempadan air pantai timur Sabah semakin menjadi2<br>●Mangsa yang diculik telah dibunuh dengan kejam dan diviralkan menerusi internet<br>●Perintah berkurung pada sebelah malam terpaksa dilaksanakan. Rakyat tidak dapat bergerak bebas.Kehidupan harian terjejas.<br>●Langkah ini terpaksa diambil bagi menjamin keselamatan rakyat |
| 11. | Impak seterusnya ialah peningkatan perbelanjaan pertahanan negara<br>●Isu keselamatan sempadan perlu ditangani dengan baik<br>●Kerajaan perlu meningkatkan perbelanjaan pertahanan untuk mengawal keselamatan negara<br>●Antaranya ialah pembinaan pangkalan marin dan pos kawalan; pembelian lojistik pertahanan;penambahbaikan kelengkapan persenjataan serta penambahan anggota pasukan keselamatan<br>●Kos yang ditanggung meningkat. Bebanan berat yang akan memburukkan kedudukan perbendaharaan negara. |
| 12. | Impak seterusnya ialah imej/maruah negara terjejas<br>●Kerajaan dianggap lemah kerana gagal menyelesaikan isu keselamatan negara<br>●Berlaku pelbagai insiden yang menjejaskan keselamatan dan kedaulatan negara.<br>●Contoh ialah insiden Pencerobohan 2013 yang melibatkan pencerobohan militan Royal Sulu Army (RSA) dari Kepulauan Sulu, Filipina yang menuntut hak ke atas Sabah<br>●Pencerobohan tersebut telah menjejaskan imej/maruah baik Malaysia sebagai sebuah |

| | |
|---|---|
| | Negara berdaulat |
| 13 | Impak seterusnya ialah pertumbuhan ekonomi negara terjejas<br>●Isu keselamatan sempadan gagal diselesaikan. Jenayah rentas sempadan menjadi2<br>●Keadaan ini akan menjejaskan keyakinan pelabur asing terhadap negara<br>●Pelabur asing hilang yakin dan kurang rasa selamat melabur di Malaysia<br>●Pelaburan langsung asing (FDI) ditarik keluar dari Malaysia. Ekonomi negara yang banyak bergantung kepada FDI akan terjejas. |
| 14. | Impak terakhir ialah keselamatan dan kedaulatan negara terjejas<br>●Kegagalan kerajaan menyelesaikan isu keselamatan sempadan menyebabkan negara terdedah kepada pelbagai ancaman asing<br>●Antaranya ialah pencerobohan militan asing dan kegiatan pelanunan di sempadan air ZEE negara<br>●Kedaulatan negara dicabuli. Negara diceroboh. Rakyat diganasi dan dibunuh secara kejam<br>●Hilang harta benda dan nyawa. Keselamatan dan kedaulatan negara tergadai. |

**19. Pengeluaran minyak sawit Malaysia disabotaj oleh Persatuan Pengeluar Minyak Soya Amerika Syarikat. Jelaskan alasan yang diguna serta langkah yang diambil oleh kerajaan Malaysia bagi menangkis dan meningkatkan kemajuan industri sawit negara.**

**A. ALASAN YANG DIGUNAKAN**

| Bil. | Idea dan Huraian |
|---|---|
| 1. | Antara alasan yang diguna oleh Persatuan Pengeluar Minyak Soya AS untuk sabotaj minyak sawit Malaysia ialah minyak sawit Malaysia mengandungi kolesterol dan lemak tepu yang tinggi<br>●Persatuan Pengeluar Minyak Soya Amerika Syarikat menuduh minyak sawit Malaysia mengandungi kandungan kolesterol dan minyak lemak tepu yang tinggi<br>●Kolesterol mempercepat proses pemendapan lemak tepu dalam arteri darah dan membahayakan kesihatan jantung.<br>●Dengan itu, penggunaan minyak sawit sebagai minyak masak akan meningkatkan risiko serangan maut penyakit jantung<br>●Mereka mendesak agar minyak sawit tidak dibenarkan berada di pasaran demi menjaga kesihatan pengguna. |
| 2. | Alasan seterusnya ialah berlaku penebangan dan pemusnahan hutan<br>●Persatuan Pengeluar Minyak Soya Amerika Syarikat juga mendedahkan bahawa banyak huta telah ditebang dan dimusnahkan untuk penanaman pokok kelapa sawit.<br>●Sokongan terhadap minyak sawit bererti sokongan terhadap usaha penebangan dan pemusnahan hutan hujan Khatulistiwa pada skala besar<br>●Penebangan dan pemusnahan hutan belantara ini akan menyebabkan kepupusan flora dan fauna seperti orang Utan,menjejaslan kehidupan orang asli serta kawasan tadahan air semula jadi di Borneo<br>●Oleh itu, minyak sawit wajar ditolak daripada pasaran global. |
| 3. | Alasan lain ialah berlaku isu ekologi dunia<br>●Penanaman pokok kelapa sawit telah memusnahkan hutan belantara dan menyumbang kepada berlakunya pelbagai isu ekologi dunia<br>●Pembersihan dan pembakaran hutan untuk penanaman pokok kelapa sawit oleh syarikat perladangan membawa kepada berlakunya jerebu. Kualiti udara teruk terjejas.<br>●Selain itu, pembersihan hutan untuk penanaman pokok kelapa sawit juga menyumbang kepada<br>berlakunya fenomena Pemanasan Global/Kesan Rumah Hijau/Perubahan Iklim |

| | |
|---|---|
| | ●Langkah terbaik bagi menangani isu ekologi dunia di atas ialah menghentikan sokongan terhadap minyak sawit dan menggantikannya dengan minyak bungaan dan bijirin lain |
| 4. | Alasan terakhir ialah menggunakan dana antarabangsa<br>●Penanaman pokok kelapa sawit juga dikatakan telah menggunakan dana antarabangsa.<br>●Dana tersebut seharusnya diguna untuk membangunkan sektor pertanian makanan<br>●Pembangunan sektor pertanian makanan dapat menghasilkan makanan yang cukup bagi menangani masalah kebuluran dalam kalangan penduduk di negara2 miskin.<br>●Oleh itu, masyarakat antarabangsa harus menolak penggunaan minyak kelapa sawit |

## B.LANGKAH MENANGKIS DAN MENINGKATKAN INDUSTRI SAWIT NEGARA

| Bil. | Idea dan Huraian |
|---|---|
| 5. | Antara langkah utama bagi menangkis tohmahan Persatuan Pengeluar Minyak Soya AS dan meningkatkan kemajuan industri sawit negara ialah melakukan ujian makmal di luar negara<br>●Ujian makmal di AS sendiri mendapatkan fakta yang jelas menafikan tuduhan jahat Persatuan<br>Pengeluar Minyak Soya AS berkenaan khasiat minyak sawit.<br>●Hasil ujian bukan sahaja menafikan minyak sawit mengandungi kandungan kelesterol dan lemak tepu yang memudaratkan kesihatan jantung sebaliknya minyak sawit memiliki pelbagai khasiat dan nilai nutrisi lain yang membina kesihatan badan<br>●Antaranya ialah minyak sawit merah khususnya memiliki kandungan vitamin E tokotrienolyang tinggi<br>●Vitamin E tokotrienol dapat melindungi manusia daripada serangan strok serta mempercepat jangka pemulihan badan akibat serangan strok. |
| 6. | Langkah seterusnya ialah memerangi kempen memburuk-burukkan minyak sawit<br>●Penanaman pokok2 kelapa sawit untuk penghasilan biofuel dikatakan memusnahkan hutan belantara dan menyumbang kepada fenomena perubahan iklim<br>●Kempen tersebut menyebabkan eksport minyak sawit ke Eropah diharamkan oleh EU menjelang tahun 2030<br>●Penyelidikan dan fakta saintifik perlu dilakukan dan dikemukakan. Antaranya pengeluaran minyak sawit 8 kali ganda pengeluaran minyak soya bagi setiap hektar.<br>●Fakta ini penting bagi menyangkal dakwaan jahat dan memerangi kempen memburuk-burukkan minyak sawit lantaran eksport minyak sawit negara dapat ditingkatkan. |
| 7. | Langkah seterusnya ialah mempergiat R & D<br>●R&D telah menghasilkan baka dari benih yang baik untuk meningkatkan kuantiti dan kualiti minyak sawit yang dihasilkan<br>●R&D juga meningkatkan pengeksploitasian penggunaan komponen pokok kelapa sawit untuk penghasilanbaja organik dan penghasilan tenaga biomas.<br>●R&D juga telah menerokai pelbagai khasiat dan nilai nutrisi minyak sawit; mempelbagai produk industri asas minyak sawit serta menghasilkan proses perahan yang lebih baik<br>●Dengan itu, daya saing dan eksport minyak sawit negara dapat ditingkatkan tanpa pembukaan kawasan penanaman baharu. |
| 8. | Langkah seterusnya ialah melancarkan kempen penggalakkan penggunaan minyak sawit<br>●Minyak sawit merupakan antara minyak semula jadi asas tanaman yang amat sesuai dijadikan minyak masak untuk memasak makanan<br>●Kempen penggalakkan penggunaan minyak sawit perlu dipergiat oleh Kementerian Industri Utama<br>dan Majlis Minyak Sawit Malaysia (MPOC) bagi menggalakkan penggunaan minyak sawit<br>●Kempen dapat dijalankan dengan jaya menerusi kerjasama padu media massa<br>●Dengan itu, eksport minyak sawit negara dapat ditingkatkan dalam kalangan negara2 |

| | |
|---|---|
| | pengimport |
| 9. | Langkah seterusnya ialah memperluas pasaran untuk minyak sawit negara<br>●Pergantungan melampau minyak sawit Malaysia kepada pasaran AS dan Eropah harus dikurangkan<br>●Pemasaran minyak sawit negara ke pasaran2 tersebut mula menghadapi pelbagai sekatan dan sabotaj<br>●Malaysia perlu mengorak langkah memperluas pasaran bagi memastikan industri sawit negara terus kukuh.Pasaran baharu dalam kalangan negara sedang membangun lain perlu diterokai sebagai alternatif kepada pasaran tradisi<br>●Dengan itu, eksport minyak sawit negara dapat ditingkatkan tanpa terlalu bergantung kepada pasaran tradisi . |
| 10. | Langkah seterusnya ialah memperjuangkan prinsip perdagangan bebas, adil dan terbuka (BAT)<br>●Eksport minyak sawit negara telah menghadapi pelbagai sekatan dasar perlindungan daripada negara2 industri maju<br>●Antaranya ialah sekatan tarif dan kuota pengimportan yang telah melanggar prinsip perdagangan BAT<br>●Sebagai negara anggota WTO, Malaysia perlu memperjuangkan prinsip perdagangan BAT<br>●Dengan itu, eksport minyak sawit negara ke pasaran global dapat ditingkatkan. |
| 11. | Langkah seterusnya ialah melakukan pertukaran minyak sawit dengan projek mega<br>●Malaysia giat melaksanakan pelbagai projek mega bagi membangunkan prasarana dan ekonomi<br>negara<br>●Contoh ialah projek ECRL antara Malaysia dengan China<br>●Projek tersebut dibiayai menerusi skim pertukaran minyak sawit dengan projek mega<br>●Dengan itu, eksport minyak sawit negara ke China dapat ditingkatkan bagi membiayai kos pelaksanaan projek mega tersebut |
| 12. | Langkah terakhir ialah meningkatkan kemajuan industri hiliran asas minyak sawit<br>●Untuk terus memajukan industri sawit Malaysia, kerajaan menekankan penghasilan barangan keluaran kilang peringkat kedua.<br>●Dengan ertikata lain, Malaysia perlu meningkatkan kemajuan industri hiliran asas minyak sawit<br>●Minyak mentah sawit dari ladang diproses di kilang bagi menghasilkan pelbagai produk eksport industri<br>●Dengan itu,Malaysia tidak perlu bergantung kepada pasaran Amerika Syarikat untuk eksport minyak sawit mentah negara. |

**20. Zon Ekonomi Eksklusif (ZEE) mempunyai kepentingan kepada banyak negara termasuk Malaysia. Namun, penguatkuasaan terhadap ZEE berhadapan dengan pelbagai masalah. Bincangkan.**

## A.KEPENTINGAN ZEE

| Bil. | Idea dan Huraian |
|---|---|
| 1. | Menggariskan sempadan perairan negara dengan jelas<br>●Kedaulatan sesebuah negara dicerminkan melalui sempadan ruang fizikal<br>●Sempadan darat jelas terpapar dalam peta politik tetapi tidak untuk sempadan air & udara.<br>●Dalam konteks ini, ZEE amat penting bagi memperjelas sempadan air negara dengan sempadan air negara jiran lain<br>●ZEE Malaysia digariskan mengikut peruntukan Konvensyen Undang2 Laut Antarabangsa Pertubuhan Bangsa2 Bersatu1982 (UNCLOS) |
| 2. | Memberikan hak pengeksploitasian kekayaan sumber mineral<br>●ZEE meletakkan suatu kawasan perairan sejauh 320 km atau 200 batu nautika dari garisan pantai dibawah penguasaan sesebuah negara.<br>●Dengan itu, ZEE memberikan hak mutlak dan eksklusif kepada sesebuah negara mengeksploitasisumber mineral di kawasan perairan tersebut .<br>●Sebagai contoh, Malaysia telah meneroka kawasan perairan di luar pesisir pantai Terengganu dalam lingkungan 170 batu nautika<br>●Pelantar minyak dan gas asli dibina untuk mencari gali minyak dan gas asli. Minyak dan gas asli merupakan sumber utama pendapatan negara. |
| 3. | Memudahkan penguatkuasaan undang-undang maritim di kawasan perairan negara<br>●Sempadan ZEE disempurnakan. Ruang sempadan maritim menjadi jelas<br>●Keadaan ini memudahkan penguatkuasaan undang2 maritim oleh agensi2 penguatkuasaan maritim di kawasan perairan negara<br>●Antaranya ialah Agensi Penguatkuasaan Maritim Malaysia (APMM), Tentera Laut Diraja Malaysia (TLDM), Polis Marin, Jabatan Perikanan dan Jabatan Laut<br>●Kes pencerobohan & ancaman maritim mudah ditangani & dirujuk ke mahkamah |
| 4. | Membolehkan pengekspoitasiansumber marin/hasil laut<br>●ZEE Malaysia terletak di Pentas Sunda iaitu kawasan perairan yang cetek. Kawasan tersebut merupakan kawasan perikanan utama kerana kaya dengan sumber marin<br>●Sumber marin merupakan sumber protein utama rakyat Malaysia. Aktiviti perikanan di ZEE asas kepada pembangunan industri perikanan negara.<br>●Segala sumber marin yang terangkum di kawasan ZEE merupakanhak negara. Malaysia berhak mengeksploitasi sumber marin tersebut<br>●Malaysia bertanggungjawab mengawal sumber marin ZEE. Malaysia boleh bertindak terhadap nelayan asing yang menceroboh ZEE yang terletak dibawah penguasaan kita. |
| 5. | Mempertahankan keselamatan dan kedaulatan negara daripada ancaman asing<br>●Sempadan negara tidak kira sempadan darat, udara mahupun air perlu dikawal rapi<br>●Kawalan rapi terhadap sempadan air menjamin keselamatan dan kedaulatan negara.<br>●ZEE merupakan zon pertahanan & keselamatan utama. Kedaulatan terhadap ZEE dapat mempertahankan kedaulatan negara daripadapelbagai ancaman<br>●Antaranya ialah ancaman lanun, penjenayah, teroris, militan & tentera asing. |
| 6. | Mengelakkan konflik tuntutan bertindih wilayah antara negara<br>●Konflik tuntutan bertindih wilayah berpunca daripada kekeliruan persempadanan negara<br>●Contoh ialah konflik tuntutan bertindih wilayah antara Malaysia dengan Indonesia terhadap Pulau Sipadan dan Pulau Ligitan di pantai timur Sabah<br>●Penetapan sempadan air negara secara jelas menerusi ZEE dapat mengelakkan konflik, ketegangan hubungan luar dan perang antara negara<br>●Dengan itu, keamanan dan kestabilan politik serantau terjamin |

## B. MASALAH PENGUATKUASAAN ZEE

| Bil. | Idea dan Huraian |
|---|---|
| 7. | Pertindihan sempadan laut antara negara<br>●Pelaksanaan ZEE berhadapan dengan masalah pertindihan sempadan laut antara negara.<br>●Masalah ini telah mewujudkan konflik tuntutan bertindih wilayah terhadap Kepulauan Spratly dan Paracel di Laut China Selatan antara Malaysia, Vietnam, Filipina, Brunei, Taiwan dan China<br>●Sempadan ZEE Malaysia terhadap kepulauan tersebut ditetapkan menerusi UNCLOS 1982 manakala sempadan ZEE China ditetapkan menerusi doktrin 9 Garisan Terputus2 (Nine Dotted Lines)<br>●Setiap negara berpegang teguh terhadap pendirian masing-masing dan enggan bertolak ansur memandangkan isu ini menyentuh soal kedaulatan negara<br>●Kesannya, pelaksanaan ZEE akan menghadapi masalah dan cabaran getir. ZEE yang ditetapkan sukar dikuatkuasakan. |
| 8. | Ketidakakuran terhadap keputusan penghakiman prosiding antarabangsa<br>●Filipina telah membawa masalah pertindihan sempadan laut dan konflik tuntutan bertindih wilayah ke atas Kepulauan Spratly dan Paracel antara negara tersebut dengan China ke Mahkamah Pengadilan Antarabangsa (ICJ), The Hague, Belanda<br>●Prosiding telah berlangsung . Keputusan penghakiman ICJ memihak kepada Filipina.<br>●Namun, China tidak mengiktiraf ICJ dan tidak akur terhadap keputusan penghakiman ICJ.<br>●Masalah ini telah menghalang penguatkuasaan dan kekuasaan Filipina terhadap hak ZEE negara tersebut di Kepulauan Spratly dan Paracel. |
| 9. | Kekuatan ketenteraan<br>●China merupakan kuasa besar dalam bidang ketenteraan. Negara tersebut memiliki armada laut yang terkuat di rantau ini pada masa ini<br>●China telah membina kekuatan ketenteraan di kawasan perairan Kepulauan Spratly dan Paracel di LCS yang didakwa terletak dibawah sempadan air ZEE negara berkenaan.<br>●Imej satelit menunjukkan pangkalan tentera laut, darat dan udara China telah dibina. Kapal pengangkut, kapal perang,kapal selam, jet pejuang, kelengkapan artileri, pusat operasi dan askar PLA China telah ditempatkan di kepulauan tersebut<br>●Masalah ini mendatangkan masalah kepada negara jiran lain untuk menegakkan hak ZEE terhadap kepulauan tersebut |
| 10. | Ketidaklengkapan lojistik menguatkuasakan ZEE<br>●Garisan pantai panjang dan sempadan air ZEE terlalu luas<br>●Banyak negara menghadapi masalah ketidaklengkapan lojistik untuk menguatkuasakan dan menegakkan kekuasaan ke atas ZEE<br>●Antaranya ialah kekurangan pangkalan marin dan tentera laut; kekurangan anggota penguatkuasaan marin dan keselamatan; kekurangan bot peronda; kekurangan persenjataan moden serta kekangan aplikasi teknologi moden<br>●Masalah ini menghalang penguatkuasaan dan kekuasaan negara terhadap sempadan air ZEE. Kawalan sempadan air ZEE negara menjadi longgar dan senang dibolosi. |
| 11. | Halangan fizikal/geografikal<br>●Bentuk muka bumi seperti garisan pantai yang panjang dan sempadan air ZEE yang luas mewujudkan halangan fizikal<br>●Halangan fizikal atau geografikal menjejaskan keupayaan negara menguatkuasakan sempadan air ZEE negara.<br>●Keadaan ini menyebabkan pihak luar seperti nelayan asing mengambil kesempatan untuk menceroboh sempadan air ZEE negara yang longgar dan senang dibolosi. |

| | |
|---|---|
| | ●Pencerobohan ini menyebabkan Malaysia misalnya mengalami kerugian RM6bilion/tahun hasil laut |
| 12. | Kelemahan penguatkuasaan undang-undang maritim<br>●Undang2 maritim telah digubal oleh badan perundangan bagi membolehkan penguatkuasaan dan kekuasaan terhadap sempadan air ZEE negara<br>●Namun wujud kelemahan dari segi penguatkuasaan undang2. Undang2 maritim negara gagal dikuatkuasakan secara tegas dan penuh<br>●Kelemahan ini disebabkan amalan rasuah dalam kalangan anggota penguatkuasa.<br>●Kesannya, penguatkuasaan sempadan air ZEE negara berhadapan dengan masalah. Sempadan air ZEE negara diceroboh. Sumber marin dieksploitasi pihak asing. Kedaulatan negara terancam. |

**Kelemahan Soalan 16**

| Bil. | Kelemahan | Contoh |
|---|---|---|
| 1. | Idea berkenaan Keseluruhan tidak dalam satu perenggan | ●Idea 1<br>*UK dan China diasingkan dalam dua perenggan |
| 2. | Idea TL | ●Idea 7<br>*Hanya sebut UK, AS dan Indonesia<br>*Tidak sebut Jordan dan China |
| 3. | Idea TR | ●Perbandingan jumlah keseluruhan pelajar<br>*34 731 orang (Tahun 2015) > 30 853 orang (Tahun 2014)<br>●Perbandingan korum 4 dan 7<br>*2015 > 2014 – UK, AS dan China<br>*2015 < 2014 – Indonesia dan Jordan |
| 4. | Jangan bincang pola perubahan | ●…semakin kurang…<br>●…menunjukkan pengurangan/penambahan… |
| 5. | Tidak sebut perbezaan berapa orang ? | ●Idea 3<br>*Bilangan pelajar tajaan 2014 ialah 10 985 orang manakala bilangan pelajar tajaan tahun 2015 ialah 9 287 orang. |
| 6. | Perbezaan tidak perlu sebut % | ●Idea 6<br>*Bilangan pelajar persendirian tahun 2014 di UK ialah 9 423 orang manakala bilangan pelajar tajaan ialah 6 537 orang iaitu melebihi 3 066 orang ~~atau 10.43%~~ . |
| 7. | 2 isi berlainan dalam satu perenggan | ●Idea 1 dan Idea 2 ditulis dalam satu perenggan |
| 8. | Terbanyak atau terkurang tidak sebut % | ●Idea 5<br>*Bilangan pelajar persendirian paling bagi tahun 2014 dan tahun 2015 ialah UK. Bilangan pelajar di UK pada tahun 2014 ialah 9 423 orang daripada jumlah keseluruhan sebanyak 19 868 orang. |
| 9. | Idea dan data dalam satu ayat | ●Idea 5<br>*Bilangan pelajar persendirian paling banyak bagi tahun 2014 dan tahun 2015 iaitu masing-masing 9 423 orang atau 47.43% daripada jumlah keseluruhan sebanyak 19 868 orang dan 15 679 orang atau 61.62% daripada jumlah keseluruhan sebanyak 25 444 orang . |
| 10. | Trendsama dipisahkan kepada dua perenggan | ●Idea 5<br>*Tidak perlu dipisahkan kepada dua perenggan<br>●Idea 6 dan 7<br>*Idea 6 dan 7 perlu dipisahkan kepada dua perenggan |

| | | |
|---|---|---|
| | | kerana berlainan trend. Taksir ikut tahun iaitu Idea 6 – Tahun 2014 manakala Idea 7 – Tahun 2015 |

**Kelemahan Soalan 17**

| Bil. | Kelemahan | Contoh |
|---|---|---|
| 1. | Tiada Idea dan terus huraikan data | ●Idea 3<br>*Kuching mencatatkan penurunan penduduk daripada 1 543 478 orang pada tahun 2014 kepada 658 549 orang atau sebanyak 884 929 orang atau 57.33%. |
| 2. | Untuk pola perubahan, naik berapa orang atau % dan bukannya sebut perbezaan atau melebihi berapa orang | ●Idea 1<br>*Jumlah penduduk di kawasan bandar-bandar utama tertentu naik dari 4775 812 orang (Tahun 2014) kepada 7 898 490 orang (Tahun 2015). Perbezaannya ialah sebanyak3 122 678 orang/melebihi sebanyak 3 122 678 orang. |
| 3. | 2 Idea dalam satu perenggan | ●Idea 5 dan 6<br>*Idea 5 dan Idea 6 dicantumkan dalam satu perenggan<br>*Sepatutnya Idea 5 dan Idea 6 dipisahkan dalam dua perenggan kerana berlainan trend |
| 4. | Idea TL | ●Idea 2<br>*Tak sebut senarai lengkap bandar-bandar pada Idea<br>●Idea 7<br>*Kena sebut dan beri data Kuching |
| 5. | Idea dan data dalam satu ayat | ●Idea 3<br>*Kuching ialah bandar yang mencatatkan penurunan bilangan penduduk dari 1 543 478 orang (Tahun 2014) kepada 658 549 orang (Tahun 2015) iaitu turun sebanyak 884 929 orang atau 57.33%. |
| 6. | Idea tidak ditulis dengan lengkap sebelum huraian data | ●Idea 5<br>*Bandar yang mencatatkan bilangan penduduk paling banyak bagi tahun 2010 ialah Kuching. Bilangan penduduk di Kuching pada tahun 2010 ialah 1 543 478 orang atau 32.33% daripada sejumlah 4 775 812 orang. Bilangan penduduk di Kuching juga mencatatkan bilangan paling banyak pada tahun 2020 (Unjuran). Bilangannya ialah 1 553 589 orang atau 19.67% daripada sejumlah 7 898 490 orang pada tahun 2020 (Unjuran). |
| 7. | Tulis pola perubahan bandingan. | ●Bandar …telah mencatatkan *peningkatan paling banyak* iaitu …. |
| 8. | Bilangan Idea Analisis Data tidak seimbang dengan bilangan Idea Analisis Pengetahuan | ●Tulis 5 Idea Analisis Data berbanding 1 Idea Analisis Pengetahuan |
| 9. | Tafsir ikut nilai % | ●Pola ditafsir berdasarkan nilai % pada korum 3 dan 5 |
| 10. | Bandar tertentu menjadi fokus Idea | ●Idea5 dan Idea 6<br>*Kuching mencatatkan bilangan penduduk paling banyak bagi tahun 2010 tetapi bilangan penduduk paling sedikit bagi tahun 2020 (Unjuran) |
| 11. | Hanya fokus kepada pola bandingan | ●Tiada pola perubahan kerana salah tafsir soalan – "buat **analisis** terhadap <u>*perbandingan*</u> jumlah penduduk… |

SOALAN **PEPERIKSAAN PERCUBAAN PENGAJIAN AM 3(900/3), STPM 2019**

# KOLEJ TINGKATAN ENAM SERI IPOH

**Bahagian A** ***[15 Markah]***

*Jawab* **semua** *soalan.*

1. Yang manakah merupakan sebab Malaysia mengadakan hubungan luar?

I Memihak kepada negara Utara-Selatan
II Mengekalkan hubungan baik dengan kuasa besar
III Menjalinkan hubungan dengan negara Asia Tenggara
IV Meningkatkan penjualan barangan keluaran tempatan

A I dan II  B I dan III  C II dan IV  D III dan IV

2 Mesyuarat kerjasama antara Menteri-Menteri Luar Negara anggota ASEAN melibatkan komitmen dalam

I Kerjasama Ekonomi Asia Pasifik (APEC)  II Sidang Kemuncak Asia Timur (EAS)
III Komuniti Ekonomi ASEAN (AEC)  IV Mesyuarat Asia-Eropah (ASEM)

A I dan II  B I dan IV  C II dan III  D III dan IV

3. Konsep ZOPFAN diumumkan oleh Menteri-Menteri Luar ASEAN pada 27 November 1971.Yang manakah benar mengenai ZOPFAN?

I ZOPFAN disytiharkan melalui Deklarasi Bangkok.
II ZOPFAN meliputi seluruh kawasan Asia Pasifik
III Tujuan ZOPFAN ditubuhkan ialah untuk mengelakkan campurtangan kuasa-kuasa besar dalam halehwal rantau tersebut
IV Hubungan dengan kuasa-kuasa luar adalah berlandaskan prinsip berkecuali

A I dan II  B I dan III  C. II dan IV  D. III dan IV

4 Yang manakah isu yang terangkum dalam agenda ASEAN?

I Pengawalan kegiatan pengedaran dadah
II Pemupukan kerjasama ketenteraan serantau
III Penyelesaian politik secara aman di Kampuchea
IV Peningkatan kerjasama dalam bidang pendidikan dan kesihatan serantau

A I dan II  B I dan III  C II dan IV  D III dan IV

| |
|---|
| Semua barangan ASEAN boleh menembusi pasaran negara anggota tanpa dikenakan sebarang tarif atau tarif yang minimum |

5. Pelaksanaan usaha di atas memberi impak besar kepada ASEAN iaitu

I Jumlah dagangan intra ASEAN merosot
II Meningkatkan produktiviti dan daya saing ekonomi
III Lebih daripada 20 ribu item Malaysia akan menikmati pengurangan tarif
IV Pelaburan langsung asing ke negara anggota meningkat

A I dan II  B I dan III  C II dan IV  D III dan IV

6. Antara yang berikut yang manakah rancangan kerjasama ekonomi ASEAN?

I Kerjasama Ekonomi Asia-Pasifik (APEC)
II Skim Tarif Keistimewaan Samarata (CEPT)
III Peraturan Perdagangan Istimewa(PTA)
IV Forum Serantau ASEAN (ARF)

I dan II  B. II dan III C I dan IV  D. III dan IV

7 Yang manakah pendirian Malaysia dalam menghadapi kemelut serantau ASEAN?
I Segala pertikaian hendaklah diselesaikan di meja rundingan
II Tuntutan wilayah bertindih mesti diselesaikan melalui Mahkamah Keadilan Antarabangsa
III Segala masalah politik dalaman perlu diselesaikan oleh rakyat negara itu sendiri
IV Negara jiran memainkan tanggungjawab untuk campur tangan membantu jiran apabila diminta.
A I dan II B I dan III C II dan IV D III dan IV

8 Yang manakah kes yang dibicarakan di Mahkamah Jenayah Antarabangsa?
A Pemerdagangan manusia
B Penipuan warga asing dalam jenayah siber
C Penangkapan nelayan Thailand yang menceroboh perairan Malaysia
D Pembunuhan beramai-ramai yang dilakukan untuk tujuan pembersihan etnik

9 Yang manakah memperlihatkan penglibatan Malaysia dalam Komanwel?
A. Misi pemerhati di Timur Leste
B. Pemerhati pertikaian politik di Myanmar
C.Bantuan kepada Zimbabwe
D.Penyelesaian konflik Bosnia Herzegovina

10. Yang manakah berkaitan dengan penglibatan Malaysia di Pertubuhan Bangsa-BangsaBersatu (PBB)?
I Menjadi ahli Teknikal Telekomunikasi Dunia
II Menjadi ahli pengkaji nuklear sedunia
III Menjadi ahli Majlis Keselamatan PBB
IV Menjadi ahli Bank Dunia
A I dan II B I dan III C II dan IV D III dan IV

11. Yang manakah peranan Malaysia dari aspek ekonomi dalam Pertubuhan Persidangan Negara Islam (OIC)?
I Mengesyorkan penggunaan dinar emas dalam urusan perdagangan.
II Menghasilkan Pelan Tindakan Deklarasi Putrajaya
III Menempatkan kembali Pusat Pertukaran Data Pelaburan dan Teknologi Selatan (SITTDEC) di Kuala Lumpur
IV Menyokong perjuangan rakyat Palestin dan Pertubuhan Pembebasan Palestin (PLO)
A I dan II B I dan III C II dan IV D III dan IV

| **Perjanjian / Protokol** | | **Isu** | |
|---|---|---|---|
| P | Protokol Kyoto | I | Memastikan tahap perlindungan dan perkembangan bioteknologi |
| Q | Protokol Montreal | II | Mengawal pengeluaran gas rumah hijau / kaca |
| R | Protokol Cartagena | III | Mengurangkan masalah hidro karbon halogen yang boleh menyebabkan penipisan lapisan ozon |

12 Yang manakah padanan yang **betul** antara Protokol dengan isunya?

| | P | Q | R |
|---|---|---|---|
| A | I | II | III |
| B | II | I | III |
| C | II | III | I |
| D | III | II | I |

13 Yang manakah punca perjuangan Malaysia untuk menjadikan Antartika Warisan Bersama Dunia?

I Antartika dikuasai oleh negara-negara tertentu
II Fenomena pencairan ais akibat pencemaran global
III Menjadikan Antartika wilayah baharu
IV Perlombongan bahan mineral yang menguntungkan negara

A I dan II  B I dan IV  C II dan III  D III dan IV

14. Malaysia dapat memperkukuh jalinan kerjasama ekonomi dalam kalangan negara-negara Selatan melalui

A pembentukan pasaran bersama
B perjanjian kawasan perdagangan bebas
C pertukaran data perdangan, pelaburan dan teknologi
D penubuhan kawasan perumbuhan pembangunan wilayah

15. Yang manakah cabaran yang dihadapi Malaysia di peringkat antarabangsa?

I Globalisasi  II Ancaman keganasan oleh kumpulan militan
III Bencana alam  IV Kualiti barangan

A I dan II  B I dan III  C. II dan IV  D. III dan IV

**Bahagian B***[15 markah]*
*Jawab* **satu** *soalan sahaja.*

16 Berdasarkan jadual, huraikan aliran perdagangan Malaysia dengan negara ASEAN terpilih pada tahun 2010. Terangkan kesan lebihan imbangan perdagangan terhadap negara.

**PERDAGANGAN MALAYSIA DENGAN NEGARA ASEAN TERPILIH PADA TAHUN 2010**

| Negara ASEAN | Eksport (RM juta) | Import (RM juta) |
|---|---|---|
| Brunei Darussalam | 822 | 82 |
| Indonesia | 10,987 | 16,875 |
| Filipina | 5,663 | 5,909 |
| Singapura | 48,816 | 34,727 |
| Thailand | 21,068 | 19,100 |
| Vietnam | 6,500 | 4,127 |
| **Jumlah** | **93,856** | **80,820** |

(Disesuaikan daripada *Buku Tahunan Perangkaan Malaysia 2011*,
Jabatan Perangkaan Malaysia)

17 Berdasarkan maklumat dalam jadual di bawah, bandingkan bilangan pelajar Malaysia di luar negara antara tahun 2014 dan tahun 2015. Huraikan masalah yang dihadapi oleh pelajar Malaysia di luar negara.

MALAYSIA : BILANGAN PELAJAR DI LUAR NEGARA ANTARA TAHUN 2014 DAN TAHUN 2015

| Bil | Negara | Tahun 2014 (Orang) | Tahun 2015 (Orang) |
|---|---|---|---|
| 1 | United Kingdom dan Ireland | 15 780 | 19 350 |
| 2 | Australia | 20 535 | 14 300 |
| 3 | Amerika Syarikat | 6914 | 7321 |
| 4 | Mesir | 12 137 | 13 600 |
| 5 | Jordan | 3168 | 2829 |
| 6 | Jepun | 874 | 2475 |
| 7 | Korea Selatan | 308 | 7321 |
| 8 | India | 1023 | 1728 |
| | Jumlah | 60 739 | 68 924 |

(Disesuaikan daripada *https://www.mohe.gov.my*)

**Bahagian C***[50 markah]*

Pilih **dua** daripada tajuk di bawah ini dan tulis karangan yang panjangnya antara 300 hingga 350 patah perkataan.

18. Penemuan dan penjanaan tenaga nuklear banyak memberikan faedah kepada manusia. Namun begitu, pada masa yang sama tenaga ini juga mendatangkan risiko kepada kehidupan sejagat. Bincangkan.

19. Kemusnahan flora dikaitkan dengan aktiviti manusia yang mementingkan diri sendiri tanpa melihat kesan yang lebih mengecewakan kepada hidupan sejagat. Bincangkan

20. Pembentukan Zon Ekonomi Eksklusif (ZEE) menyebabkan Malaysia dapat mengeksploitasi sumber galian di perairannya, yang membawa banyak manfaat kepada negara. Namun begitu, Malaysia juga terpaksa menghadapi beberapa konflik dengan negara ASEAN yang lain.Bincangkan.

| | | | | | |
|---|---|---|---|---|---|
| 1 | **D** | 6 | **B** | 11 | **A** |
| 2 | **C** | 7 | **B** | 12 | **C** |
| 3 | **D** | 8 | **D** | 13 | **A** |
| 4 | **B** | 9 | **C** | 14 | **C** |
| 5 | **C** | 10 | **B** | 15 | **A** |

**Bahagian B** [15 markah]

16 Berdasarkan jadual, huraikan aliran perdagangan Malaysia dengan negara ASEAN terpilih pada tahun 2010. Terangkan kesan lebihan imbangan perdagangan terhadap negara.

**Pengenalan**

Jadual yang diberi menunjukkan aliran perdagangan Malaysia dengan negara ASEAN terpilih pada tahun 2010.

| Bil | Isi/Idea | Huraian |
|---|---|---|
| **A**<br>1 | **Aliran perdagangan**<br>Keseluruhan aliran perdagangan Malaysia dengan negara ASEAN terpilih menunjukkan lebihan | Jumlah eksport Malaysia ke negara ASEAN terpilih pada tahun 2010 ialah sebanyak RM 93,856 juta manakala jumlah import ialah sebanyak RM80,820 juta.<br>Lebihan dagangan sebanyak RM 13,036 juta. |
| 2 | Aliran dagangan Malaysia dengan Brunei Darussalam, Singapura, Thailand dan Vietnam menunjukkan lebihan | **Brunei Darussalam**<br>Jumlah eksport Malaysia ialah sebanyak RM822 juta dan import pula hanya RM82 juta.<br>Lebihan dagangan ialah sebanyak RM800 juta.<br><br>**Singapura**<br>Jumlah eksport Malaysia ialah sebanyak RM48,816 juta manakala jumlah import ialah RM34,727 juta.<br>Lebihan dagangan ialah sebanyak RM14,089 juta.<br><br>**Thailand**<br>Jumlah eksport Malaysia ialah sebanyak RM21,068 juta dan import pula ialah sebanyak RM19,100 juta.<br>Lebihan dagangan ialah sebanyak RM1968 juta.<br><br>**Vietnam**<br>Jumlah eksport Malaysia ialah sebanyak RM6,500 juta manakala jumlah import ialah RM4,127 juta.<br>Lebihan dagangan ialah sebanyak RM2,373 juta. |
| 3 | Aliran dagangan Malaysia dengan Indonesia dan Filipina menunjukkan aliran defisit | **Indonesia**<br>Jumlah eksport Malaysia ke Indonesia ialah sebanyak RM10,987 juta manakala nilai import pula RM16,875 juta.<br>Defisit sebanyak RM5,888 juta. |

| | | |
|---|---|---|
| | | **Filipina**<br>Jumlah eksport Malaysia ialah sebanyak RM5,663 juta manakala jumlah import dari Filipina ialah RM5,909 juta. Defisit yang dialami dialami ialah sebanyak RM246 juta. |
| **B**<br>4 | **Kesan terhadap negara jika berlaku lebihan dagangan**<br>Rizab antarabangsa negara bertambah | Rizab antarabangsa Bank Negara akan bertambah .<br>Pengukuhan nilai rizab negara. |
| 5 | Nilai mata wang negara akan kukuh | Nilai mata wang negara akan kukuh ekoran pengaliran keluar mata wang yang minima |
| 6 | Pengurangan kebergantungan kepada pinjaman dari negara asing | Kerajaan tidak perlu meminjam daripada negara lain/asing. |
| 7 | Peningkatan pelaburan | Kemasukan pelaburan asing meningkat kerana keyakinan terhadap ekonomi. |
| 8 | Peningkatan pengeluaran untuk eksport | Produktiviti meningkat menyebabkan eksport juga meningkat |

**Penutup:**
Lebihan dagangan ternyata memberi manfaat kepada Malaysia. Oleh itu, kerajaan harus meningkatkan usaha untuk menambah eksport Malaysia ke luar negara bagi menjamin aliran dagangan yang lebih baik pada masa hadapan.

**Jawapan :**A 2 + B 2

**Nota :**
**Idea** perlu ada sebelum markah huraian diberi
Pemberian markah bahagian A:
Pada bahagian **idea,semua negara** perlu ditulis tetapi pada bahagian huraian, hanya satu negara sahaja yang perlu dihuraikan

**Unit wajib ada** untuk pemberian markah. Kalau tertinggal unit walaupun sekali maka tiada markah untuk huraian data (Hd= 0 markah) bagi perenggan tersebut.

17 Berdasarkan maklumat dalam jadual di bawah, bandingkan bilangan pelajar Malaysia di luar negara antara tahun 2014 dan tahun 2015. Huraikan masalah yang dihadapi oleh pelajar Malaysia di luar negara.

Pengenalan:

Jadual menunjukkan bilangan pelajar Malaysia di luar negara antara tahun 2014 dan tahun 2015.

| Bil | Isi/Idea | Huraian |
|---|---|---|
| 1 | A. Analisis data<br>Jumlah keseluruhan pelajar Malaysia di luar negara pada tahun 2015 lebih tinggi berbanding tahun 2014 | Tahun 2015 – 68 924 orang<br>Tahun 2014 – 60 739 orang<br>Berbeza sebanyak 8185 orang |
| | **ATAU**<br>Jumlah keseluruhan pelajar Malaysia di | Tahun 2014 – 60 739 orang<br>Tahun 2015 – 68 924 orang |

| | | |
|---|---|---|
| | luar negara pada tahun 2014 lebih rendah berbanding tahun 2015 | Berbeza sebanyak 8185 orang |
| 2 | Bilangan pelajar paling tinggi bagi kedua-dua tahun ialah tahun 2014 di Australia manakala tahun 2015 di United Kingdom dan Ireland | Australia -Tahun 2014 sebanyak 20 535 orang atau 33.81% daripada jumlah keseluruhan 60 739 orang.<br>United Kingdom dan Ireland -Tahun 2015 sebanyak 19 350 orang atau 28.07% daripada jumlah keseluruhan 68 924 orang |
| 3 | Bilangan pelajar paling rendah bagi kedua-dua tahun ialah tahun 2014 di Korea Selatan manakala tahun 2015 di India | Korea Selatan - Tahun 2014 sebanyak 308 orang atau 0.51% daripada jumlah keseluruhan 60 739 orang<br>India - Tahun 2015 sebanyak 1728 orang atau 2.51% daripada jumlah keseluruhan 68 924 orang |
| 4 | Bilangan pelajar lebih tinggi tahun 2015 berbanding tahun 2014 ialah di United Kingdom dan Ireland, Amerika Syarikat, Mesir, Jepun, Korea Selatan, dam India.<br><br>(Nota: Semua negara mesti dinyatakan) | (Nota: Satu contoh negara sahaja bagi huraian)<br><br><u>UnitedKingdom dan Ireland</u><br>Tahun 2015 – 19 350 orang<br>Tahun 2014 – 15 780 orang<br>Berbeza sebanyak 3570 orang<br><br><u>Amerika Syarikat</u><br>Tahun 2015 – 7321 orang<br>Tahun 2014 – 6914 orang<br>Berbeza sebanyak 407 orang<br><br><u>Mesir</u><br>Tahun 2015 – 13 600 orang<br>Tahun 2014 – 12 137 orang<br>Berbeza sebanyak 1463 orang<br><br><u>Jepun</u><br>Tahun 2015 – 2475 orang<br>Tahun 2014 – 874 orang<br>Berbeza sebanyak 1601 orang<br><br><u>Korea Selatan</u><br>Tahun 2015 – 7321 orang<br>Tahun 2014 – 308 orang<br>Berbeza sebanyak 7013 orang<br><br><u>India</u><br>Tahun 2015 – 1728 orang<br>Tahun 2014 – 1023 orang<br>Berbeza sebanyak 705 orang |
| 5 | Bilangan pelajar lebih rendah tahun 2015 berbanding tahun 2014 ialah di Australia dan Jordan<br>(Nota: Semua negara mesti dinyatakan) | (Nota: Satu contoh negara sahaja bagi huraian)<br><u>Australia</u><br>Tahun 2015 – 14 300 orang<br>Tahun 2014 – 20 535 orang<br>Berbeza sebanyak 6235 orang |

| | | |
|---|---|---|
| | | <u>Jordan</u><br>Tahun 2015 – 2829 orang<br>Tahun 2014 – 3168 orang<br>Berbeza sebanyak 339 orang |
| 6 | Masalah yang dihadapi pelajar Malaysia di luar negara<br>Kewangan/pembiayaan | Kos/yuran pengajian dan sara hidup yang tinggi<br>Pelajar yang mendapat penajaan masih belum cukup selesa menampung keperluan hidup<br>Pelajar yang dibiayai melalui pembiayaan persendirian seringkali menghadapi masalah kewangan<br>Kadar pertukaran mata wang Malaysia yang lemah menyebabkan peningkatan kos hidup |
| 7 | Budaya | Perlu mengadaptasi budaya baru<br>Perlu penyesuaian tingkah laku dan menguruskan kehidupan sehariannya dalam kehidupan budaya baru<br>Kejutan budaya berlaku apabila berlakunya perpindahan atau penghijrahan |
| 8 | Keselamatan | Aspek keselamatan tergugat tertamanya di negara-negara yang bergolak dan menghadapi bencana alam<br>Kesan ke atas pelajar jika berlaku sebarang isu yang melibatkan negara |
| 9 | Sistem pendidikan | Teknik pengajaran dan pembelajaran termasuk sesi pengkuliahan adalah lebih sukar dan berbeza berbanding di Malaysia contohnya dari segi pembuatan projek dan peperiksaan<br>Pelajar perlu berusaha sendiri tanpa bergantung kepada tenaga pengajar<br>Penggunaan media baharu dalam sistem akademik |
| 10 | Psikologi / emosi | Berjauhan dari keluarga akan menjejaskan psikologi/emosi pelajar terutamanya ketika berlaku musibah |
| 11 | Cuaca / iklim | Perubahan cuaca dan ikim mengundang masalah kesihatan |

Kesimpulan: Kerajaan sentiasa komited bagi membantu keperluan pelajar Malaysia di luar negara. Pelan penyelesaian komprehensif perlu dirangka bagi mengelakkan berulangnya kes pelajar yang menghadapi masalah dalam pengajian mereka terutamanya berkaitan kewangan.

Skema Jawapan : 2 + 2 isi/idea

18 Penemuan dan penjanaan tenaga nuklear banyak memberikan faedah kepada manusia. Namun begitu, pada masa yang sama tenaga ini juga mendatangkan risiko kepada kehidupan sejagat. Bincangkan.

**Pendahuluan**

Tekonologi nuklear memainkan peranan penting dalam proses pembangunan sesebuah negara. Penemuan dan penjanaan tenaga nuklear banyak memberikan faedah kepada manusia namun begitu tetap mendatangkan risiko kepada kehidupan sejagat.

| **Bil** | **Idea/Isi** | **Huraian** |
|---|---|---|
| | **A. Faedah:** | |
| 1 | Perubatan /Kesihatan | Digunakan untuk tujuan perubatan. Tenaga nuklear dapat digunakan untuk menyembuhkan penyakit.<br>Tahap kesihatan orang ramai dapat dipertingkatkan. |
| 2 | Tenaga alternatif | Sumber tenaga alternatif bagi menambah serta mempelbagaikan bekalan tenaga sedia ada..<br>Mengatasi krisis tenaga. |
| 3 | Industri | Mengesan kecacatan dan kerosak dalam sesuatu produk.<br>Mempastikan mutu produk menepati piawai. |
| 4 | Pertanian | Sinaran gama dapat memandulkan serangga perosak dalam kawalan biologi.<br>Menghasilkan benih tanaman yang berdaya tahan.<br>Menghasilkan buah yang bermutu tinggi. |
| 5 | Pertahanan | Meningkatkan tahap pertahanan sesebuah negara. |
| 6 | Alam Sekitar | Penggunaan tenaga nuklear dapat menghindari pencemaran alam sekitar berbanding pembakaran bahan fosil. |
| | **B. Risiko:** | |
| 7 | Alam sekitar tercemar dan termusnah | Kebocoran loji nuklear akan menjejaskan hidupan alam sekitar termasuk flora dan fauna.<br>Radiasi akan mencemarkan tanah pertanian, debu hitam dilepaskan ke udara. Suhu dunia akan menjadi sejuk dan seterusnya mengurangnya hujan seluruh dunia. |
| 8 | Memudaratkan kesihatan manusia | Kebocoran loji nuklear akan membebaskan radioaktif yang boleh mengancam kesihatan manusia |
| 9 | Keselamatan terancam | Penggunaan sejata nuklear boleh mengancam keselamatan negara-negara lain terutama negara jiran.<br>Wujud perlumbaan untuk menguasai teknologi ini terutama dalam kalangan kuasa-kuasa besar dunia. |

**Penutup**

Kesimpulannya, sumber tenaga nuklear mempunyai banyak kebaikan daripada keburukannya. Oleh itu, sumber tenaga ini perlu dijaga dan dimanfaatkan dengan baik.

Skema Jawapan : Mana-mana 2+3 idea atau 3+2 idea

19.Kemusnahan flora dikaitkan dengan aktiviti manusia yang mementingkan diri sendiri tanpa melihat kesan yang lebih mengecewakan kepada hidupan sejagat. Bincangkan

| Bil. | Isi/Idea | raian |
|---|---|---|
| 1 | Punca<br>Penerokaan haram | Sebahagian pendudukan tempatan/orang asli meneroka hutan sesuka hati dengan pelbagai akriviti.<br>Pengambilan sebagai sumber ubatan yang tidak terkawal terhadap sesuatu sepsis mengalami kepupusan. |
| 2 | Kegiatan pertanian | Pembukaan kawasan baru untuk pertanian akan mengorbankan kawasan semula jadi yang luas.<br>Banyak tumbuhan dibakar atau ditebang semasa proses |
| 3 | Pembanguan Negara. | Pembukaan kawasan baru untuk pembanguan, perumahan, pembinaan jambatan, lebuh raya akan |
| 4 | Pembalakan | Sesetengah negara menjadikan balak sebagai sumber ekonomi utama negara, akan membenarkan kegiatan . |
| 5 | Pencemaran / kebakaran hutan | Pembakaran hutan yang berlaku secara semula jadi ketika musim kemarau<br>Contoh: di Indonesia<br>Pencemaran hutan kerana kerakusan manusia mengejar kemajuan |
| 6 | Kesan<br>Kehilangan sumber ubatan | Fauna kaya dengan pelbagai sumber perubatan terutama di kawasan hutan amazon.<br>Sumber ubatan yang penting akan berkurangan akibat penebangan atau pemusnahan yang tidak terkawal. |
| 7 | Kehilangan sumber kanan | Pelbagai sumber makanan dapat disediakan dari tumbuhan hijau sama manusia atau binatang. Kemusnahan flora akan menjejaskan keseimbangan. |
| 8 | Masalah bekalan air bersih | Memusnahkan kawasan takungan air, menjadi cetek akibat timbunan tanah, akan menjejaskan belakan air bersih untuk kegunaan hidupan. |
| 9 | Hakisan / runtuhan tanah | Ketiadaan tumbuhan akan mendedahkan permukaan bumi kepada pelbagai agen hakisan/ struktur tanah menjadi longgar |
| 10 | Perubahan cuaca | Suhu menjadi semakin panas |

**Penutup**

Kesimpulannya, bumi merupakan khazanah alam yang perlu dijaga. Maka semua pihak harus memainkan peranan masing-masing demi kelestarian alam.

**Jawapan : Mana-mana 2+3 idea atau 3+2 idea**

20. Pembentukan Zon Ekonomi Eksklusif (ZEE) menyebabkan Malaysia dapat mengeksploitasi sumber galian di perairannya, yang membawa banyak manfaat kepada negara. Namun begitu, Malaysia juga terpaksa menghadapi beberapa konflik dengan negara ASEAN yang lain.Bincangkan.

Zon Ekonomi Eksklusif (ZEE) merupakan zon yang membolehkan sesebuah negara berkuasa sepenuhnya terhadap eksploitasi kekayaan di kawasan perairan dalam lingkungan 200 batu nautika dari persisir pantainya. Bagi Malaysia zon ini bukan sahaja mendatangkan manfaat kepada negara namun turut juga mengundang konflik dengan beberapa buah negara yang berjiran.

| BIL | IDEA UTAMA | HURAIAN |
|---|---|---|
| **MANFAAT ZEE KEPADA MALAYSIA** | | |
| 1 | Mengeksploitasi galian/ petroleum **(Idea Wajib)** | Hak kepada negara eksploitasi kawasan carigali minyak,dan gas asli<br>Contoh: Meneroka kawasan luar pesisir pantai Terengganu dalam lingkungan 170 batu nautika yang terdapat minyak di situ.<br>Hal ini membolehkan Malaysia menjadi pengeksport petroleum dan gas asli yang seterusnya dapat menjana pendapatan negara. |
| 2. | Mengeksploitasi sumber marin/<br>Sumber laut | Hak kepada Malaysia melakukan aktiviti perikanan di persisir laut negara sehingga jarak 200 batu nautika.<br>Memperoleh sumber protein yang lebih banyak untuk penduduk Malaysia dan negara ASEAN<br>Keselamatan kepada nelayan negara dan kawalan keselamatan mudah dilakukan. |
| 3. | Penentuan Sempadan negara yang jelas | ZEE membolehkan kaw perairan negara ditentukandengan jelas<br>Hal ini membolehkan kawalan keselamatan kawasan perairan negara dilakukan oleh pihak penguatkuasa<br>Kawalan masalah perlanunan, nelayan haram, penyeludupan dan pencerobohan kawasan perairan negara. |
| 4 | Ruang mewujudkan perkongsian pintar | Pertindihan sempadan membawa kepada kerjasama ekonomi yang lebih baik.<br>CONTOHNYA: Pertindihan sempadan di kawasan Teluk Siam mewujudkan perkongsian pintar dengan melakukan usaha sama penerokaan galian dan perkongsian hasil sama rata.<br>Begitu juga dengan kawasan yang dikenali sebagai Blok 18 antara Malaysia dan Brunei yang bertindih dapat diselesaikan melalui perkongsian pintar. |

| | | |
|---|---|---|
| 5. | Eksploitasi untuk tujuan perlancongan | Pualau-pulau yang terdapat dalam kawasan perairan negara dapat dibangunkan untuk tujuan menarik kedatangan pelancong<br>Terdapat banyak pulau-pulau yang cantik seperti Pulau Redang, Pulau Tioman, dan pulau-pulau di Semporna Sabah. Kawasan ini menjadi tarikan pelancong yang seterusnya dapat menjana pendapatan negara |
| **KONFLIK YANG TIMBUL DENGAN NEGARA ASEAN** | | |
| 6. | Pertindihan dan tuntutan pulau | Tuntutan kepulauan Spartly dan Paracel oleh beberapa negara seperti China, Filifina, Malaysia, Brunei dan Vietnam disebabkan oleh penguatkuasaan ZEE.<br>Konflik ini masih berlarutan dan belum dapat diselesaikan sehingga kini.<br>Kepulauan ini menjadi rebutan kerana kaya dengan sumber petroleum, gas asli dan hasil marin.<br>Malaysia juga kehilangan Pulau batu Putih akibat penguatkuasaan ZEE. |
| 7. | Pencerobohan Nelayan asing | Pencerobohan nelayan asing boleh menjejaskan pendapatan nelayan tempatan<br>Penangkapan elayan asing terutama dari Thailand dan Vietnam boleh menjejaskan hubungan baik antara 2 buah negara yang berjiran |
| 8. | Perlanunan | Ancaman lanun di lautan menimbulkan masalah kepada nelayan dan kapal dagang.<br>Masalah perlanunan boleh menyebabkan berlaku konflik dan salah faham antara negara berjiran. |

SKEMA JAWAPAN: 2+3 / 3+2 berserta  Idea Wajib

**SOALAN PEPERIKSAAN PERCUBAAN PENGAJIAN AM 3(900/3), STPM 2019**

**MUAR**

**Bahagian A [15 *markah* ]**

*Jawab* **semua** *soalan*

1. Yang manakah faktor geostrategik yang mempengaruhi pembentukan dasar luar Malaysia?
   I. Kawasan yang sangat strategik sebagai pangkalan tentera
   II. Kawasan yang menyumbangkan kepentingan ekonomi banyak negara.
   III. Malaysia terdiri daripada dua kawasan, iaitu Malaysia Barat dan Malaysia Timur.
   IV. Malaysia terletak di laluan Timur-Barat yang sibuk dengan laluan kapal antarabangsa.

   A. I dan II  B. I dan III  C. II dan IV  D. III dan IV

2.
   - Hubungan diplomatik dengan semua negara.
   - Hidup bersama secara harmoni dan sejahtera.

   Prinsip tersebut membantu Malaysia
   A. melancarkan pemindahan teknologi
   B. membangunkan sektor perindustrian
   C. menjamin keselamatan dan keamanan
   D. memperkukuhkan ketenteraan negara

3. Yang manakah perkara yang termasuk dalam agenda ASEAN?
   I. Pengawalan kegiatan pengedaran dadah
   II. Pemupukan kerjasama ketenteraan serantau
   III. Perkongsian maklumat menangani kegiatan kumpulan pengganas
   IV. Peningkatan kerjasama dalam bidang pendidikan dan kesihatan serantau.

   A. I dan II  B. I dan III  C. II dan IV  D. III dan IV

4. Yang manakah cabaran untuk merealisasikan kerjasama dalam ASEAN+3
   I. Penghapusan pelanunan di perairan antarabagsa
   II. Pembangunan perusahaan kecil dan sederhana
   III. Pembentukan pasukan keselamatan bersama
   IV. Peningkatan kerjasama perdagangan dua hala

   A. I dan II  B. I dan III  C. II dan IV  D. III dan IV

5. Yang manakah cabaran yang dihadapi dalam kalangan negara anggota ASEAN terhadap hubungan diplomatik?
   I. Singapura menambak pantai tanpa persetujuan Malaysia
   II. Sekatan terhadap amalan demokrasi di Myanmar oleh junta tentera
   III. Penyelesaian masalah dalaman sesebuah negara yang menjejaskan negara ahli
   IV. Kerajaan Singapura mendesak Jakarta bertanggungjawab menanggung kerugian akibat jerebu di Sumatera.

   A. I dan III  B. I dan IV  C. II dan III  D. II dan IV

6.
- Menggalakkan peraliran sumber manusia
- Mencapai integrasi ekonomi yang komprehensif

Hasrat di atas boleh dicapai melalui.
A. Wawasan ASEAN 2020
B. Komuniti Ekonomi ASEAN
C. Kawasan Pelaburan ASEAN
D. Kawasan Perdagangan Bebas ASEAN

7. Antara yang berikut, yang manakah usaha untuk mewujudkan persekitaran yang selamat di rantau Asia Tenggara?
A.Forum serantau ASEAN (ARF)
A. Mesyuarat Asia dan Eropah (ASEM)
B. Perjanjian Kawasan Perdagangan Bebas ASEAN (AFTA)
C. Kawasan Pertumbuhan Segi Tiga Malaysia-Indonesia-Singapura (MIS-GT)

8. Yang manakah yang benar tentang sumbangan Malaysia di peringkat antarabangsa?
I. Menjadi tuan rumah perjanjian damai Asia Barat.
II. Menjadi pengerusi Pertubuhan Negara-negara Pengeksport Petroleum
III. Menyertai pasukan pengaman Malaysia ke beberapa buah negara bergolak
IV. Menjadi Pengerusi Majlis Perhimpunan Agung Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu
A. I dan II B. I dan III C. II dan IV D. III dan IV

---

- Dianggotai 15 negara
- Meneyelesaikan isu pertelingakhan anatra Negara anggota

9.Penyataan di atas merujuk kepada
A. Forum Serantau ASEAN
B. Majlis Keselamatan PBB
C. Kumpulan G15
D. Pergerakan Negara-negara Berkecuali

10. Apakah faedah yang diperoleh Malaysia dengan menganggotai Kumpulan Lapan Negara Membangun?

A Pemindahan teknologi industri automobil
B Penurunan kadar kemiskinan dan buta huruf
C Peningkatan kemasukan pelaburan langsung asing
D Perluasan peluang baharu bagi kerjasama perdagangan

11.

- Menggelakkan campur tangan kuasa luar
- Menghormati kedaulatan sesebuah negara.
- Melibatkan negara-negara membangun

Pernyataan di atas merujuk kepada penyertaaan Malaysia dalam
A. Pertubuhan Persidangan Islam
B. Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu
C. Pergerakan Negara-Negara Berkecuali
D. Pertubuhan Negara-Negara Komanwel

12.

- Kuala Lumpur menjadi pengerusi sidang kemuncak pada tahun 1998
- Sidang kemuncak di Australia adalah berkaitan dengan sumber tenaga dan perubahan iklim.
- Pertubuhan ini menggalakkan pertumbuhan ekonomi yang rancak.

Pernyataan di atas merujuk kepada
A. Mesyuarat Kerjasama Selatan-Selatan
B. Mesyuarat Kerjasama Ekonomi Asia- Pasifik
C. Mesyuarat Perundingan Ekonomi Asia Timur
D. Mesyuarat Pergerakan Negara-Negara Berkecuali.

13. Cabaran yang perlu Malaysia atasi dalam bersaing dengan persekitaran ekonomi global ialah
A. saiz pasaran
B. tenaga kerja
C. kualiti produk
D. kestabilan politik

14. Yang manakah yang diperjuangkan oleh Malaysia untuk menangani isu-isu sosioekonomi antarabangsa

I. Beban hutang negara membangun disemak semula
II. Perundingan Ekonomi Asia Timur menjadi blok perdagangan
III. Negara-negara maju mengurangkan rintangan perdagangan
IV. Mewujudkan kerjasama ekonomi dalam kalangan negara Asia Tengah.

A. I dan II B. I dan III C. II dan IV D. III dan IV

15. Antara berikut yang manakah merupakan potensi yang dimiliki oleh Malaysia untuk menganjurkan persidangan antarabangsa
A. Suara Malaysia di peringkat antarabangsa
B. Penglibatan Malaysia dalam pertubuhan antarabangsa
C. Kestabilan politik di Malaysia
D. Kepelbagaian budaya di Malaysia.

**Bahagian B** [15 *markah* ]

*Jawab* **satu** *soalan sahaja dalam bahagian ini.*

16. Berdasarkan maklumat dalam jadual di bawah, ulaskan prestasi jumlah jualan kenderaan mengikut jenama bukan nasional bagi tempoh November dan Disember 2018. Berikan alasan kereta jenama nasional kekal mendominasi pasaran kereta di negara ini.

**MALAYSIA: JUALAN KENDERAAN MENGIKUT JENAMA BAGI TEMPOH NOVEMBER DAN DISEMBER 2018**

| Jenama | Jumlah Jualan (buah) | | Kenderaan Penumpang (buah) | | Kenderaan Komersil (buah) | |
|---|---|---|---|---|---|---|
| | November 2018 | Disember 2018 | November 18 | Disember 2018 | November 2018 | Disember 2018 |
| Perodua | 21 110 | 18 402 | 21 110 | 18 402 | - | - |
| Honda | 7 100 | 8 021 | 7 100 | 8 021 | - | - |
| Proton | 4 820 | 5 598 | 4 820 | 5 598 | - | - |
| Toyota | 3 835 | 4 310 | 1 952 | 2 115 | 1 883 | 2 197 |
| Nissan | 2 507 | 2 870 | 2 031 | 2 499 | 476 | 371 |
| Volkswagen | 635 | 241 | 635 | 241 | - | - |
| Jumlah | 40 007 | 39 442 | 37 648 | 36 876 | 2 359 | 2 568 |

(Sumber: Disesuaikan daripada *Persatuan Automobil Malaysian (AAM), 2018)*

17. Berdasarkan maklumat dalam jadual di bawah, tafsirkan keadaan mata wang Malaysia dengan negara-negara lain. Huraikan kesan keadaan tersebut.

**KADAR TUKARAN WANG MALAYSIA DENGAN SATU UNIT MATA WANG ASING**

| Mata Wang / Tarikh | USD | EUR | AUD | SGD |
|---|---|---|---|---|
| 4/8/2019 | 4.1540 | 4.6001 | 2.8272 | 3.0185 |
| 5/8/2019 | 4.1755 | 4.6455 | 2.8325 | 3.0201 |
| 6/8/2019 | 4.1905 | 4.6984 | 2.8456 | 3.0326 |
| 7/8/2019 | 4.1960 | 4.7054 | 2.8515 | 3.0332 |

(Sumber: Diubahsuai daripada *Bank Negara Malaysia 2019*)

**Bahagian C** [50 *markah*]

*Pilih* **dua** *daripada tajuk di bawah ini, dan tulis karangan yang panjangnya antara 300 hingga 350 patah perkataan.*

18. Ancaman geostrategik merupakan antara rasional untuk menjaga keamanan dan kestabilan politik di rantau Asia Tenggara. Beberapa strategi telah diambil untuk memperkukuh kerjasama politik dan keselamatan ASEAN. Jelaskan.

19. Peningkatan suhu dan perubahan iklim merupakan isu global yang kian mendapat perhatian serius masyarakat antarabangsa. Jelaskan faktor-faktor berlakunya peningkatan suhu dunia dan langkah-langkah yang perlu diambil untuk menanganinya.

20. Liberalisasi dalam perdagangan banyak memberi kelebihan kepada negara. Namun begitu, kelemahannya tidak boleh dipandang ringan. Bincangkan.

**SKEMA PEPERIKSAAN PERCUBAAN PENGAJIAN AM 3(900/3), STPM 2019**

**MUAR**

**Bahagian A** [15 *markah*]

| | | | | | | | | | |
|---|---|---|---|---|---|---|---|---|---|
| 1 | C | 2 | C | 3 | B | 4 | C | 5 | B |
| 6 | B | 7 | A | 8 | D | 9 | B | 10 | D |
| 11 | C | 12 | B | 13 | C | 14 | B | 15 | C |

**BAHAGIAN B [**15 *markah***]**

**Soalan 16**

**Pengenalan**

Kehadiran pelbagai jenama kereta antarabangsa di pasaran kereta tempatan menyaksikan perkembangan yang positif terhadap industri automotif nasional. Selain itu, keadaan ini juga dilihat turut menyumbang kepada kemasukan pelaburan asing langsung (FDI) dengan lebih pesat lagi.

| **Bil.** | **Isi/Idea** | **Huraian:** |
|---|---|---|
| **A. Prestasi jumlah jualan kenderaan jenama bukan nasional:** | | |
| 1. | Jumlah jualan kenderaan jenama bukan nasional meningkat dicatatkan oleh:<br>Honda<br>Toyota<br>Nissan | Honda:<br>Nov 2018 = 7100 buah<br>Dis 2018 = 8021 buah<br>Peningkatan 921 buah @ 12.97%<br><br>Toyota:<br>Nov 2018 = 3835 buah<br>Dis 2018 = 4310 buah<br>Peningkatan 475 buah @ 12.39%<br><br>Nissan:<br>Nov 2018 = 2507 buah<br>Dis 2018 = 2870 buah<br>Peningkatan 363 buah @ 14.48% |
| 2. | Jumlah jualan kenderaan jenama bukan nasional menurun dicatatkan oleh:<br>Volkswagen | Nov 2018 = 635 buah<br>Dis 2018 = 241 buah<br>Penurunan 394 buah @ 62.05% |
| 3. | Jumlah jualan kenderaan jenama bukan nasional kedua-dua tempoh:<br>paling tinggi = Honda<br>paling rendah = Volkswagen | Honda:<br>Nov 2018 = 7100 buah, Dis 2018 = 8021 buah<br><br>Volkswagen:<br>Nov 2018 = 635 buah, Dis 2018 = 241 buah |

| | | |
|---|---|---|
| 4 | Jumlah jualan kenderaan bulan Nov Lebih tinggi daripada bulan Dis<br>-Volkswagen | Volkswagen:<br>Nov 2018 = 635 buah<br>Dis 2018 = 241 buah<br>Beza 394 buah |
| 5 | Jumlah jualan kenderaan bulan Dis lebih tinggi daripada bulan Nov<br>-Honda<br>-Toyota<br>-Nissan | Honda<br>Nov 2018 = 7100 buah<br>Dis 2018 = 8021 buah Lebih tinggi 921 buah<br>Toyota<br>Nov 2018 = 3835 buah<br>Dis 2018 = 4310 buah Lebih tinggi 475 buah<br>Nissan<br>Nov 2018 = 2507 buah<br>Dis 2018 = 2870 buah Lebih tinggi 363 buah |
| **B. Alasan mendominasi** | | |
| 6.. | Harga yang kompetitif | Lebih murah berbanding kereta import<br>Kos alat ganti yang berpatutan<br>Harga mampu milik |
| 7. | Reka bentuk yang menepati citarasa pengguna | R&D yang proaktif<br>Teknologi yg terkini<br>Ciri keselamatan yang diperbaiki<br>Usahasama dengan pengeluar kereta luar negara |
| 8. | Keyakinan pengguna terhadap kualiti kereta nasional | Tempoh dalam industri yang lama (Proton 1983 & Perodua 1992)<br>Perkhidmatan selepas jualan yang baik daripada syarikat pengeluar<br>Jaminan perbatuan yang meyakinkan |
| 9. | Nilai yang tinggi di pasaran kereta terpakai | Harga yang kekal tinggi di pasaran<br>Permintaan yang baik dalam pasaran kereta terpakai |
| 10. | Dasar kerajaan | kempen/promosi besar-besaran<br>menyediakan skim bayaran mudah<br>dasar melindungi produk keluaran tempatan |

**Penutup**

Seiring dengan usia industri automotif negara yang telah melebihi suku abad, seharusnya kereta jenama nasional telah mampu menembusi pasaran antarabangsa dengan lebih meluas. Hal ini dikatakan demikian kerana jenama kereta nasional perlu mengorak langkah untuk berdiri sama tinggi dengan kereta jenama antarabangsa

**Format Jawapan : 2 + 2**

**Soalan 17**

**Pengenalan**

Keadaan ekonomi negara yang kurang stabil pada masa kini dilihat memberi kesan domino kepada nilai mata wang Malaysia di pasaran mata wang antarabangsa.

| Bil | Isi/Idea | Huraian |
|---|---|---|
| A. **Keadaan mata wang Malaysia dengan negara-negara lain** | | |
| 1 | **Nilai** mata wang Malaysia merosot berbanding dengan nilai mata wang **semua** negara lain<br>(kalau tiada **semua** mesti dinyatakan<br>-mata wang Amerika Syarikat<br>- ………Kesatuan Eropah<br>-……….Australia<br>-……….Singapura) | USD<br>4/8/2019 – 4.1540<br>7/8/2019 – 4.1960<br>Kemerosotan sebanyak 0.0420 (1.01%)<br>EUR<br>4/8/2019 – 4.6001<br>7/8/2019 – 4.7054<br>Kemerosotan sebanyak 0.1054 ( 2.29%)<br>AUD<br>4/8/2019 – 2.8272<br>7/8/2019 – 2.8515<br>Kemerosotan sebanyak 0.0243 ( 0.86%)<br>SGD<br>4/8/2019 – 3.0185<br>7/8/2019 – 3.0332<br>Kemerosotan sebanyak 0.0147 ( 0.49%) |
| 2 | Kemerosotan nilai mata wang Malaysia yang paling tinggi | EUR –<br>4/8/2019 – 4.6001<br>7/8/2019 – 4.7054<br>Kemerosotan sebanyak 0.1054 ( 2.29%) berbanding dengan negara lain. |
| 3 | Kemerosotan nilai mata wang Malaysia yang sedikit | SGD -<br>4/8/2019 – 3.0185<br>7/8/2019 – 3.0332<br>Kemerosotan sebanyak 0.0147 ( 0.49%) berbanding dengan negara lain. |

| B. Kesan kemerosotan mata wang Malaysia: | | |
|---|---|---|
| 4 | Baik untuk industri pelancongan tempatan | pertambahan bilangan pelancong asing<br>dapat pertukaran wang yg lebih banyak<br>pelancong akan banyak berbelanja |
| 5 | Harga Barangan import lebih mahal | pengimport terpaksa keluarkan lebih nilai wang utk membayar harga barangan tersebut<br>harga barangan impot lebih mahal<br>pengimport akan memindahkan kos kepada pengguna |
| 6 | Inflasi | situasi tingkat harga umum barangan / perkhidmatan yang terus meningkat<br>pengeksport kurang insentif utk mengurangkan kos. |
| 7 | Kuasa beli rakyat di negara luar berkurang | kesan kepada pelajar<br>beban utk bayar yuran, wang saku mengecil.<br>perbelanjaan melancong menjadi semakin tinggi |
| 8. | Hutang negara meningkat | hutang negara terus meningkat walaupun tidak meminjam<br>negara dibebani hutang<br>keluarkan wang lebih untuk membayar hutang jika nilai wang terus merosot. |

**Penutup**

Sebagai kesimpulan, kerajaan telah merangka beberapa inisiatif untuk menstabilkan nilai mata wang bagi merangsang pertumbuhan ekonomi. Hal ini seharusnya dapat memulihkan kembali keyakinan pelabur untuk melabur di Malaysia

**Skema 2 + 2**

**BAAGIAN C** [ 50 *markah*]

**Soalan 18**

Ancaman geostrategik merupakan antara rasioanal untuk menjaga keamanan dan kestabilan politik di rantau Asia Tenggara. Beberapa strategi telah diambil untuk memperkukuh kerjasama politik dan keselamatan ASEAN. Jelaskan.

**Pengenalan**

Sejak penubuhannya, ASEAN memang memberi keutamaan kepada soal keamanan dan keselamatan serantau. Hal ini dikatakan demikian kerana sebarang perkara yang berlaku di mana-mana negara anggota akan juga mempengaruhi negara anggota yang lain.

| **Bil** | **Isi/Idea** | **Huraian** |
|---|---|---|
| **A. Rasional** | | |
| 1 | Ancaman geostrategik (wajib) | Antara ancaman strategik yang dihadapi merangkumi aktiviti pelanunun, pencerobohan nelayan asing, transit pengedaran dadah, dan pemerdagangan manusia<br>Lokasi, kedudukan negara-negara ASEAN |
| 2 | Tuntutan bertindih | Isu Kepulauan Spratly dan beberapa buah kawasan kepulauan lain turut<br>menjadi perebutan dalam kalangan negara anggota ASEAN. |
| 3 | Ancaman dalam & luar | Ketidakstabilan politik dalaman akibat perubahan pucuk pimpinan, fahaman ekstremis, ancaman siber, kebanjiran PATI dll |
| 4 | Persaingan kuasa besar | Wujud persaingan kuasa antara Amerika Syarikat dan China bagi menempatkan pengaruh di rantau ASEAN<br>Cubaan kuasa luar ingin menguasai Selat Melaka |
| 5 | Persaingan ekonomi / perdagangan | Beberapa buah negara serantau mengeluarkan produk dan komoditi yang sama serta berusaha merebut pasaran<br>negara-negara ASEAN masing-masing menarik pelabur asing untuk tujuan pembangunan negara.<br>Pelabur asing diperlukan untuk menggerakkan kemasukan dana, kepakaran dan teknologi yang tinggi. |
| **B. Strategi** | | |
| 7 | ZOPFAN (Zon Aman, Bebas & Berkecuali) | Konsep diwujudkan melalui Deklarasi Kuala Lumpur,<br>dicadang olh Tun Abdul Razak<br>Memelihara keamanan dan kestabilan politik kawasan rantau Asia Tenggara<br>Menyelesaikan perbalahan secara rundingan<br>Menentukan nasib negara sendiri<br>Mengelakkkan campur tangan kuasa besar dunia |

| | | |
|---|---|---|
| 8 | SEANWFZ (Kawasa n Bebas Senjata Nuklear Asia Tenggara) | Memantapkan konsep ZOPFAN<br>membebaskan rantau asia tenggara drp pencaturan politik kuasa-kuasa besar dr 2 blok yg berlainan<br>Membebaskan Asia Tenggara drp masalah pencemaran alam sekitar drp sisa radioaktif<br>mengelakkan perlumbaan senjata nuklear<br>menjamin keselamatan perairan maritim ngr serantau |
| 9 | ARF (Forum serantau ASEAN) | Satu platform perbincangan bersama @ dialog luar bg mempertingkatkan<br>keselamatan(forum keselamatan pelbagai hala)bg memperkasa konsep ZOPFAN utk ASEAN& & rantau Asia Pasifik keseluruhannya |
| 10 | Komuniti Politik & Keselamatan | Langkah bentuk Komuniti Politik & keselamatan<br>Mesyuarat Menteri Pertahanan ASEAN (ADMM)<br>Mesyuarat menteri Undang2 ASEAN<br>Mesyuarat Menteri2 ASEAN tentang jenayah rentas sempadan |
| 11 | Piagam ASEAN | Mengekalkan keamanan<br>Bentuk pasaran tunggal<br>Kukuhkan demokrasi, promosi hak asasi manusia<br>Hormat kemerdekaan, kedaulatan & identiti nasional<br>Tolak penyelesaian secara agresif<br>Tidak campur tgn urusan ngr lain<br>Kurang kemiskinan , jurang kemajuan ngr anggota<br>Mempromosi ASEAN sbg satu identiti |

**Penutup**

Komitmen semua negara anggota ASEAN diperlukan untuk memastikan keamanan dan kestabilan politik rantau ini terpelihara.

**Format Jawapan : 1 + 2 + 2 @ 1 + 1 + 3**

**Soalan 19**

Peningkatan suhu dan perubahan iklim merupakan isu global yang kian mendapat perhatian serius masyarakat antarabangsa. Jelaskan faktor-faktor berlakunya peningkatan suhu dunia dan langkah-langkah yang perlu diambil untuk menanganinya.

**Pengenalan**

Pemanasan global merupakan peningkatan purata suhu atmosfera permukaan bumi secara global dan disebabkan oleh aktiviti manusia atau secara semula jadi. Langkah-langkah sewajarnya perlu diambil untuk kelangsungan generasi akan datang.

| **Bil** | **Isi/Idea** | **Huraian** |
|---|---|---|
| **A. Faktor** | | |
| 1 | Perindustrian | Aktiviti perindustrian merupakan punca utama kepada fenomena pemanasan global.<br>Pembakaran bahan api fosil seperti minyak, gas dan arang batu bagi<br>menggerakkan mesin dan jentera telah mengeluarkan banyak gas rumah hijau terutamanya gas karbon dioksida. |
| 2 | Penjanaan Tenaga Elektrik konvensional/ tradisional | Penghasilan tenaga elektrik di pusat-pusat penjanaan tenaga elektrik yang menggunakan bahan api fosil juga telah menyebabkan pelepasan gas karbon dioksida yang mendadak.<br>menggunakan bahan api fosil untuk penjanaan tenaga elektrik.<br>Penggunaan bahan kloroflourokarbon (CFC) yg meluas. |
| 3 | Pengangkutan | Pengangkutan<br>Penggunaan kenderaan bermotor yang menggunakan minyak petrol sebagai bahan untuk menggerakkan enjin banyak membebaskan gas karbon dioksida |
| 4 | Pembakaran terbuka | Berlakunya pemanasan global.Ini adalah kerana berlakunya pembebasan gas seperti gas karbon monoksida.kloro flourokarbon dan karbón dioksida.<br>Gas-gas ini akan dibebaskan ke atmosfera bumi dan menyebabkan IPU meningkat.<br>Cthnya, pembakaran bermusim seperti di Indonesia |
| 5 | Aktiviti Pertanian | Pembukaan tanah untuk pertanian<br>Penggunaan racun serangga dan baja kimia secara berlebihan<br>Kegiatan penternakan dan aktiviti pertanian tanpa tanaman tutup bumi sehingga menjejaskan keseimbangan suhu dunia |

| | | |
|---|---|---|
| 6 | Bencana Alam | Letusan gunung berapi mengeluarka asap dan debu yang banyak mengandungi gas rumah hijau<br>cth lain, kemarau, kebakaran hutan secara semula jadi dan gempa bumi<br>cth, kebakaran hutan di hutan Amazon, Brazil dan New Zealand |
| 7 | Penipisan lapisan ozon | Penipisan ozon menyebabkan kebocoran lapisan ozon<br>Cahaya ultraungu secara terus menyebabkan suhu bumi semakin panas<br>Iklim turut berubah |
| 8 | Penyahutanan | Hutan ditebang untuk tujuan penempatan, pertanian, industri dan pembangunan<br>Tumbuhan hijau semakin kurang untuk keseimbangan ekosistem<br>Kesan rumah hijau dan Pulau Haba akan berlaku |
| **B. Langkah** | | |
| 9 | Penanaman semula pokok-pokok dan tumbuhan hijau ( Go Green )/Penghutanan semula | Penanaman tumbuhan hijau adalah bertujuan untuk menngkatkan penghasilan gas gas yang bersih dalam udara.<br>Hutan baru diwujudkan semula. |
| 10 | Kitar semula | Program kitar semula perlu digiatkan dengan pelbagai idea yang lebih menarik.<br>Melalui program kitar semula, hasil mineral bumi dapat dipelihara<br>Dapat.mengurangkan sisa/ sampah dan elakkan pembakaran terbuka |
| 11 | Penggunaan tenaga alternatif | Penggunaan sumber alternatif seperti kereta hybrid yang bercirikan “hijau alam sekitar”<br>Tenaga solar, angin tanpa sisa |
| 12 | Kerjasama antarabangsa | Protokol Kyoto<br>Program Earth Hour<br>Persetujuan Paris dalam Konvensyen Rangka Kerja Bangsa-bangsa Bersatu bagi menangani masalah kenaikan suhu dan perubahan iklim dunia |
| 13 | Teknologi Hijau | Penggunaan bahan tidak mencemarkan/semulajadi<br>Zero pencemaran/ bahan terbiodegradable<br>Ke arah kehidupan lestari |

**Penutup**

Kerjasama dan komitmen semua pihak diperlukan untuk kesejahteraan masyarakat dunia.

**Format Jawapan : 3+2 @ 2+3**

**Soalan 20**

Liberalisasi dalam perdagangan banyak memberi kelebihan kepada negara. Namun begitu, kelemahannya tidak boleh dipandang ringan.Bincangkan.

**Pengenalan**

Liberalisasi perdagangan telah diamalkan oleh kebanyakan negara di dunia. Walaupun mempunyai banyak kelebihan namun, kesan negatif pengamalannya tidak boleh dipandang ringan.

| **Bil** | **Isi/idea** | **Huraian** |
|---|---|---|
| **A. Kelebihan liberalisasi perdagangan** | | |
| 1 | Merancakkan pertumbuhan ekonomi negara | pasaran bebas membolehkan produk tempatan dieksport<br>lebih banyak industri tempatan menghasilkan produk<br>kegiatan perdagangan dan industri akan lebih rancak |
| 2 | Meningkatkan daya saing | mendedahkan persaingan sengit antara produk luar dengan produk tempatan<br>pengusaha terpaksa mencari jalan meningkatkan kualiti produk<br>membolehkan persaingan sihat menepati kehendak pasaran |
| 3 | Meningkatkan produktiviti | pengusaha tempatan akan meningkatkan kualiti dan kuantiti produk<br>kepelbagaian hasil produk dapat dikeluarkan<br>meningkatkan produktiviti dan pendapatan syarikat/negara |
| 4 | Membuka lebih banyak pelaburan | negara menjadi tumpuan pelabur luar<br>lebih banyak kawasan perindustrian dibangunkan<br>AFTA, PTA, ASEAN Growth Triangle<br>membenarkan kemasukan FDI dan pegangan ekuiti asing |
| 5 | Pasaran produk lebih luas | kurangnya sekatan seperti tarif dan cukai<br>membolehkan produk negara menembusi pasaran luar<br>pasarkan ke ASEAN, Negara-negara Selatan, Jepun dsb |
| 6 | Pembangunan teknologi baru/ R&D | usaha meningkatkan produktiviti menyebabkan R&D dibangunkan dengan giat<br>pengusaha sentiasa mencari jalan meningkatkan kualiti dan mengeluarkan produk baru yang lebih baik<br>tumpuan terhadap R&D diutamakan |
| 7 | Peluang pekerjaan yang banyak | permintaan terhadap produk semakin berkembang menyebabkan<br>ekonomi berkembang.<br>lebih banyak industri dan kilang dibangunkan<br>membuka lebih banyak peluang pekerjaan. |

| **B. Kelemahan liberalisasi perdagangan** |
|---|

| | | |
|---|---|---|
| 8 | Monopoli syarikat besar/modal besar | syarikat besar mempunyai kuasa menguasai pasaran<br>menenggelamkan kemampuan syarikat kecil/tempatan<br>tidak mampu bersaing/gulung tikar |
| 9 | Pergantungan terhadap pelaburan/industri asing | rakyat dikhuatiri lebih mempercayai produk luar<br>negara juga akan bergantung kepada pelaburan asing<br>kekuatan ekonomi negara ditangan syarikat asing |
| 10. | Polisi perlindungan dihapuskan | kerajaan akan mengurangkan polisi perlindungan terhadap produk tempatan<br>menyebabkan produk tempatan menjadi kurang sambutan<br>contoh kereta nasional |
| 11 | Persaingan tinggi/tidak mampu bersaing | pengusaha tempatan tidak mempunyai modal besar<br>teknologi masih rendah tidak mampu menyamai kualiti produk luar<br>tidak mampu menyaingi kualiti produk luar . |

**Penutup**

Malaysia perlu menyediakan langkah-langkah pragmatik dalam menangani kesan buruk amalan perdagangan bebas ini.

**Format Jawapan : 3+2 @ 2+3**

**SOALAN PEPERIKSAAN PERCUBAAN PENGAJIAN AM 3(900/3), STPM 2019**

**SMKTKB**

Jawab ***semua*** soalan.

1. Dasar luar Malaysia dipengaruhi oleh
I. Keadaan politik serantau
II. Wawasan pemimpin malaysia
III. Pegangan ideologi negara-negara serantau
IV. Penubuhan antarabangsa yang dianggotai oleh Malaysia

A. I dan III
B. I dan IV
C. II dan III
D. II dan IV

2. Yang manakah objektif dasarluar Malaysia?
A. Memelihara kedaulatan negara
B. Mewujudkan keamanan sejagat
C. Melindungi negara-negara miskin
D. Mengekalkan penguasaan ekonomi

**Mengadakan dialog politik, kerjasama ekonomi, dan dialog peradaban kebudayaan**
**· Mewujudkan kerjasama antara dua benua**

3. Pernyataan di atas merujuk kepada
A. Forum Serantau ASEAN (ARF)
B. Mesyuarat Asia dan Eropah (ASEM)
C. Dialog Antarabangsa Langkawi (LID)
D. Kerjasama Ekonomi Asia Pasifik (APEC)

4. Alasan utama kerjasama serantau ASEAN khususnya dsalam bidang ekonomi kurang membanggakan kerana
A. Persaingan guna tenaga
B. Pendapatan per kapita yang seimbang
C. Pembangunan ekonomi tidak seimbang antara wilayah
D. Pasaran domestik lebih penting daripada pasaran serantau

- Perairan Ambalat di Laut Sulawesi
- Medan minyak Blok L dan M

5. Penyataan di atas merujuk kepada?
A. Zon Ekonomi Eksklusif
B. Mahkamah Keadilan Antarabangsa
C. Undang-undang Laut Antarabangsa
D. Memorandum Persefahaman Pembangunan Serantau

6. Yang manakah strategi kerjasama pembangunan wilayah kecil Pertubuhan Negara-negara Asia Tenggara (ASEAN)?
A. Kawasan Pertumbuhan Segi Tiga Indonesia-Malaysia-Thailand

B. Kawasan Perdagangan Bebas ASEAN
C. Komuniti Ekonomi ASEAN
D. Dialog Serantau ASEAN

7. Yang manakah bentuk kerjasama dalam kalangan anggota ASEAN +3?
I Kerjasama ketenteraan
II Kerjasama saintifik dan teknikal
III Pembentukan blok perdagangan
IV Bantuan kewangan dan pakejpinjaman

A. I dan II
B. I dan III
C. II dan IV
D. III dan IV

8. Permasalahan utama yang dihadapi oleh Malaysia dengan Thailand ialah
A. Pembantu rumah
B. Pendatang asing tanpaizin
C. Pembinaan tembok sempadan
D. Pencerobohan nelayan asing di perairan Malaysia

**Kumpulan 15**
**Kumpulan 77**
**Suruhanjaya Selatan-selatan**

9. Aspek utama yang diberikan perhatian oleh pertubuhan-pertubuhan di atas ialah
A. Memulaukan Barangan Import Dari Negara-Negara Barat
B. Mendapatkan Pelupusan Hutang Dari Negara-Negara Maju
C. Mewujudkan Kerjasama Ekonomi Dan Meningkatkan Produktiviti Antara Negara-Negara Anggota
D. Mewujudkan Kerjasama Social Dan Politik Antara Negara-Negara Anggota

- **Menggalakkan perdagangan bebas dalam kalangan negara anggota**
- **Memperjuangkan sistem perdagangan pelbagai hala**

10. Penyataan di atas merujuk kepada
I Kesatuan Eropah (EU)
II Forum Serantau ASEAN (ARF)
III Kerjasama Ekonomi Asia Pasifik (APEC)
IV Pertubuhan Pakatan Atlantik Utara (NATO)

A. I dan II
B. I dan III
C. II dan IV
D. III dan IV

11. Yang manakah tugas Setiausaha Agung PBB?
A. mengetuai operasi ketenteraan
B. Memantau masalah ekonomi dan sosial dunia
C. Memberikan kata putus dalam pertikaian antarabangsa
D. Mengadili kes jenayah antarabangsa yang serius

12. Yang manakah penyataan yang menunjukkan komitmen Malaysia dalam PertubuhanBangsa-bangsa Bersatu(PBB)?

I Merupakan ahli Majlis Amanah PBB
II Menjawat jawatan pentadbir utama Sekretariat PBB
III Pernah mempengerusikan mesyuarat perhimpunan agung PBB
IV Menyertai pasukan pengaman di Timor Leste di bawah naungan PBB

A. I dan II
B. I dan III
C. II dan IV
D. III dan IV

| |
|---|
| Dasar Pandang ke Timur menjadikanJepun dan Korea Selatan sebagai model bagimencapaikemajuandarisegipendidikan, teknologi, dan caraberfikir |

13. Yang manakahkesanpelaksanaandasar di atas?

A. Pengamalanetikakerja yang produktif dan berdisiplin
B. Pembinaaninfrastruktur negara berasaskankepakaranJepun
C. Penubuhancawanganuniversiti dan kolejdariJepun di Malaysia
D. PelaburandariJepunmenggantikanpelaburandari Negara Barat

14. Apakahfaedah yang diperoleh Malaysia denganmenganggotai Kumpulan Lapan Negara Membangun?

A. Pemindahanteknologiindustri automobile
B. Penurunankadarkemiskinan dan butahuruf
C. Perluasanpeluangbaharubagikerjasamaperdagangan
D. Peningkatankemasukanpelaburanlangsungasing

15. Yang manakahantarausaha Malaysia untukmenanganikeganasanserantau dan juga gerakan militant Islamic State (IS) pada peringkat global?

A. Memperkukuh Majlis Keselamatan Negara
B. Menyekatkemasukanpendatangasingsecarameluas
C. Membentuk Kawasan Keselamatan Khas Pantai Timur Sabah
D. Menubuhkan Pusat Serantau Asia Tenggara bagiMencegahKeganasan (SEARCCT)

## BAHAGIAN B

[15 markah]

Jawab**satu**soalansahajadalambahagianini.

16. Berdasarkanmaklumatdalamjadual di bawah, bandingkannilai dan peratuseksportbaranganperantara Malaysia kebeberaparakandagangantaratahun 2013 dengantahun 2014 dan jelaskancabarandalammeningkatkaneksport Negara.

**MALAYSIA : EKSPORT BARANGAN PERANTARA KE BEBERAPA RAKAN DAGANG TERPILIH DARI TAHUN 2013 HINGGA TAHUN 2014**

| *Negara* | *2013* | | *2014* | |
|---|---|---|---|---|
| | *USD bilion* | *Peratus (%)* | *USD bilion* | *Peratus (%)* |
| China | 91.86 | 35.64 | 92.12 | 34.98 |
| Singapura | 80.48 | 31.23 | 90.23 | 34.26 |
| Amerika Syarikat | 49.08 | 19.04 | 45.36 | 17.22 |
| Thailand | 36.31 | 14.09 | 35.67 | 13.54 |
| Jumlah | 257.73 | 100.00 | 263.38 | 100.00 |

(Disesuaikandaripada*PerangkaanPerdaganganLuar Malaysia*,
Kementerian PerdaganganAntarabangsa dan Industri)

17 Berdasarkan jadual, huraikan aliran perdagangan Malaysia dengan negara ASEAN terpilih pada tahun 2010. Terangkan kesan terhadap negara sekiranya imbangan perdagangan mencatatkan lebihan.

**ALIRAN PERDAGANGAN MALAYSIA DENGAN NEGARA ASEAN TERPILIH PADA TAHUN 2010**

| Negara ASEAN | Eksport (RM juta) | Import (RM juta) |
|---|---|---|
| Brunei Darussalam | 822 | 82 |
| Indonesia | 10,987 | 16,875 |
| Filipina | 5,663 | 5,909 |
| Singapura | 48,816 | 34,727 |
| Thailand | 21,068 | 19,100 |
| Vietnam | 6,500 | 4,127 |
| Jumlah | 93,856 | 80,820 |

(Disesuaikan daripada*Buku Tahunan Perangkaan Malaysia 2011*,
Jabatan Perangkaan Malaysia)

\

## BAHAGIAN C

[50markah]

*Pilih***dua***daripadatajuk di bawahini, dan tuliskarangan yang panjangnyaantara 300 hingga 350 patahperkataan.*

18 Menjaminkeselamatanrakyat dan negara sahajabukanlahsatu-satumatlamatdasarluar Malaysia. Bincangkan.

19 Usaha memindahkanproduk Malaysia secara haram ke negara jiranmerupakanmasalah yang dihadapi negara sejaksekian lama yang akhirnyatelahmerugikan negara. Bincangkan.

20 Keganasan antarabangsasemakinmenjadi-jadi dan peningkatannyamengancamkeamanan dunia. Huraikanpuncakeganasanantarabangsa dan implikasinyaterhadapkestabilanpolitik dan ekonomisesebuah Negara.

**-KERTAS SOALAN TAMAT-**

# SKEMA PEPERIKSAAN PERCUBAAN PENGAJIAN AM 3(900/3), STPM 2019

# SMKTKB

## BAHAGIAN A

[15 markah]

| NO | JAWAPAN |
|---|---|
| 1 | D |
| 2 | A |
| 3 | B |
| 4 | D |
| 5 | A |
| 6 | A |
| 7 | C |
| 8 | D |
| 9 | C |
| 10 | B |
| 11 | B |
| 12 | D |
| 13 | A |
| 14 | C |
| 15 | D |

## BAHAGIAN B

[15 markah]

**Jawapan 16**

Pengenalan :

Jadual menunjukkan eksport barangan perantara Malaysia ke beberapa rakan dagang antara tahun 2013 dengan tahun 2014.

| A | Analisis Perbandingan data | |
|---|---|---|
| Idea 1 | Jumlah eksport tahun 2014 lebih banyak berbanding tahun 2013 | • Pada tahun 2014, nilai eksport ialah USD263.38 bilion berbanding USD257.73 bilion pada tahun 2013.<br>• Perbezaan nilai eksport tahun 2014 adalah lebih tinggi sebanyak USD5.65 bilion. |
| Idea 2 | Nilai sumbangan dan peratusan eksport pada tahun 2014 lebih banyak berbanding tahun 2013 (Singapura) | • Pada tahun 2014, nilai eksport adalah USD90.23 bilion lebih banyak berbanding dengan nilai eksport pada tahun 2013 yang bernilai USD80.48 bilion. Ini menunjukkan sumbangan pada tahun 2014 adalah melebihi sebanyak USD9.75 bilion.<br>• Dari segi peratusan sumbangan juga menunjukkan tahun 2014 adalah lebih banyak berbanding dengan tahun 2013 iaitu daripada 31.23% kepada 34.26% dengan perbezaan peratusan sebanyak 3.03%. |
| Idea 3 | Nilai sumbangan tahun 2014 lebih banyak tetapi | • Pada tahun 2014 nilai sumbangan eksport barangan perantara adalah sebanyak sebanyak USD92.12 bilion |

<table>
<tr><td></td><td>peratusan sumbangan tahun 2014 adalah <u>lebih kecil</u> berbanding tahun 2013 (China)</td><td>lebih tinggi berbanding perolehan tahun 2013 yang berjumlah USD91.86 bilion. Hal ini menunjukkan beza sebanyak USD 0.26 bilion.<br>• Walaubagaimanapun peratusan sumbangan adalah lebih rendah iaitu sebanyak 34.98% berbanding peratusan sumbangan pada tahun 2013 iaitu 35.64 %. Hal ini menunjukkan perbezaan sebanyak 0.66%.</td></tr>
<tr><td>Idea 4</td><td>Nilai sumbangan dan peratusan ekspor tahun 2014 <u>lebih kecil</u> berbanding tahun 2013 (Amerika Syarikat dan Thailand)</td><td>• Amerika Syarikat<br>- Eksportke Amerika Syarikat pada tahun 2014 berjumlah USD 45.36 bilion berbanding tahun 2013. Ini menunjukkan bahawa perbezaan nilai eksport adalah sebanyak USD 3.72 bilion berbanding tahun 2013.<br>- Dari segi peratusan juga menunjukkan 2014 lebih rendah berbanding 2013 iaitu pada tahun 2013 mencatatkan eksport sebanyak 17.22 % berbanding 19.04% pada tahun 2013. Hal ini menunjukkan perbezaan sebanyak 1.82%<br><br>• Thailand<br>- Eksportke Thailand pada tahun 2014 menunjukkan sebanyak USD35.67 bilion lebih kecil berbanding tahun 2013 iaitu USD 36.31 bilion. Ini menunjukkan perbezaan nilai eksport sebanyak USD 0.64 bilion.<br>- Dari segi peratusan, eksport negara pada tahun 2014 adalah lebih rendah iaitu 13.54% berbanding tahun 2013 iaitu 14.09 %. Hal ini menunjukkan perbezaan sebanyak 0.55%.</td></tr>
<tr><td>B</td><td>Cabaran-cabaran</td><td>Huraian</td></tr>
<tr><td>Idea 5</td><td>Persaingan dalam perniagaan</td><td>• Berhadapan persaingan sihat dan persaingan tidak sihat dari negara lain<br>• Terpaksa bersaing dari segi <u>kualiti, harga perkhidmatan</u> dan sebagainya.<br>• Mendapatkan kepercayaan dari negara lain</td></tr>
<tr><td>Idea 6</td><td>Logistik</td><td>• Kemudahan logistik seperti pengangkutan dan stor penyimpanan barangan di seberang laut.<br>• Jadual perjalanan boleh terjejas apatah lagi jika wujud ganguan spt rampasan lanun, ganguan penerbangan dan sebagainya.<br><br>• Pelaksanaan dasar lindungan bagi</td></tr>
</table>

| | | |
|---|---|---|
| | | barangan tempatan mereka |
| Idea 7 | Peraturan Negara Pengimport | • Malaysia mungkin berhadapan dengan sekatan tarif dan bukan tarif oleh negara pengimport<br>• Boleh menjejaskan eksport jika tiada pelan kecemasan |
| Idea 8 | Pertukaran wang asing | • Perubahan kadar pertukaran wang asing mempunyai kesan yang ketara terhadap eksport negara.<br>• Cthnya, jika nilai ringgit Malaysia terlalu meningkat, eksport barangan dan perkhidmatan boleh terjejas kerana pengimport mendapati harga relative barangan Malaysia tinggi |

Penutup
Malaysia perlu meningkatkan ekonomi berasaskan eksport. Pelbagai usaha perlu dilaksanakan terutamauntuk mendapatkan pasaran baharu serta mempelbagaikan produk barangan dan perkhidmatan

**Jawapan 17**

17. Pengenalan:
Jadualmenunjukkanaliran perdagangan Malaysia dengan negara ASEAN terpilih pada tahun 2010.

| Bil | Isi/Idea | Huraian |
|---|---|---|
| 1. | Keseluruhan aliran perdagangan Malaysia dengan negara ASEAN terpilih menunjukkan lebihan | Jumlah eksport Malaysia sebanyak RM 93,856 juta manakala jumlah import Malaysia sebanyak RM 80,820 juta.<br>Lebihan sebanyak RM 13,036 juta |
| 2 | Aliran dagangan Malaysia dengan Brunei Darussalam, Singapura, Thailand dan Vietnam menunjukkan lebihan | Contoh Singapura<br>Aliran dagangan Malaysia dengan Singapura menunjukkan lebihan dagangan. Jumlah eksport Malaysia sebanyak RM48,816 juta manakala jumlah import Malaysia dari Singapura sebanyak RM34,727 juta<br>Lebihan dagangan sebanyak RM14,089 juta |
| 3 | Aliran dagangan Malaysia dengan Indonesia dan Filipina menunjukkan aliran defisit | Contoh Indonesia<br>Aliran dagangan Malaysia dengan Indonesia menunjukkan defisit dagangan. Jumlah eksport sebanyak RM 10,987 juta manakala jumlah import dari Indonesia sebanyak RM 16,875 juta. Defisit sebanyak RM 5,888 juta |
| | **Kesan kepada negara jikaberlaku lebihan dagangan** | |
| 4 | Rizab antarabangsa negara bertambah | Rizab antarabangsa Bank Negara akan bertambah<br>Pengukuhan nilai rizab negara |
| 5 | Nilai mata wang negara akan kukuh | Nilai matawang akan kukuh ekoran pengaliran mata wang yang minima |
| 6 | Pengurangan kebergantungan | Kerajaan tidak perlu meminjam daripada negara |

| | | |
|---|---|---|
| | kepada pinjaman dari negara asing | lain atau asing |
| 7 | Peningkatan pelaburan | Kemasukan pelaburan asing meningkat kerana keyakinan terhadap ekonomi |
| 8 | Peningkatan pengeluaran untuk eksport | Produktiviti meningkat menyebabkan eksport juga meningkat |

Kesimpulan:
Usaha perlu dilakukan bagi memastikan aliran perdagangan sentiasa mencatatkan lebihan dagangan .

**BAHAGIAN C**
[50markah]

18 Menjamin keselamatan rakyat dan negara sahaja bukanlah satu-satu matlamat dasar luar Malaysia. Bincangkan.
Pendahuluan –
Dasar luar negara merujuk kepada perhubungan negara Malaysia dengan negara luar hubungan ini merupakan suatu tindakan yang diperlukan oleh sesebuah negara untuk berinteraksi dengan sebuah negara lain sama ada dekat atau jauh terdapat beberapa matlamat negara Malaysia mengadakan hubungan luar

| Bil | Idea | Huraian |
|---|---|---|
| 1 | Menjamin keselamatan rakyat dan negara | - Hubungan luar yang erat dan saling menghormati negara lain akan meningkatkan persefahaman<br>- Perselisihan dengan negara luar akan menjejaskan keselamatan negara disebabkan pencerobohan dan keganasan<br>- Mengadakan persahabatan dengan negara luar boleh meningkatkan kerjasama serantau dan antarabangsa<br>- Dapat mengatasi ancaman musuh dengan menjalankan latihan tentera bersama-sama dengan negara serantau dan antarabangsa<br>- Menyediakan negara dengan peralatan tentera berteknologi tinggi |
| 2 | Mengekalkan kedaulatan Negara | - Perhubungan dengan negara luar akan mendedahkan identiti negara kepada dunia luar<br>- Mendapat pengiktirafan dari negara luar untuk mengadakan hubungan dengan Malaysia kerana negara ini aman dan damai<br>- Menempatkan duta atau Pesuruhjaya Tinggi<br>- Mengelak pencerobohan atau penindasan dari negara kuasa besar<br>- Menghormati negara sebagai negara berdaulat |
| 3 | Meningkatkan ekonomi | - Mengadakan hubungan ekonomi dua hala<br>- Mengadakan perjanjian ekonomi untuk meningkatkan eksport dan produktiviti seperti AFTA, FTA dll<br>- Membaiki imbangan bayaran<br>- Menambah sumber tenaga dari luar negara dan memesatkan aktiviti ekonomi negara<br>- Meningkatkan kemasukan pelabur asing dan meluaskan pasaran<br>- Menguntungkan negara |
| 4 | Kepentingan sosio-budaya | - Membolehkan budaya penduduk asing dipelajari<br>- Menguasai bahasa asing dan meningkatkan silaturrahim dalam kalangan negara di peringkat serantau atau antarabangsa<br>- Mengenal corak hidup masyarakat luar negara dan menerapkannya dengan budaya tempatan jika sesuai seperti |

| | | |
|---|---|---|
| | | budaya pekerja Jepun yang bersungguh-sunggh, berdisiplin dan cekap<br>- Membawa manafaat kepada negara |
| 5 | Mewujudkan keamanan sejagat | - Hubungan dengan negara luar membolehkan Malaysia bekerjasama untuk menjaga keamanan bersama-sama<br>- Dapat menggunakan saluran yang sesuai untukmemberi pendapat tentang cara mengekalkan keamanan negara<br>- Mengadakan kerjasama dengan Negara-negara Asia Tenggara untuk mengekalkan kawasan Asia Tenggara sebagai kawasan aman dan berkecuali<br>- Mengadakan kerjasama dengan PBB untuk menjadikan dunia ini aman tanpa konflik perkauman dan ideologi |

Idea 1 wajib – 1 + 4

19 Usaha memindahkan produk Malaysia secara haram ke negara jiran merupakan masalah yang dihadapi negara sejak sekian lama yang akhirnya telah merugikan negara. Bincangkan.

**Pendahuluan**

Antara masalah besar negara yang turut menjejaskan pendapatan negara ialah usaha membawa keluar produk negara secara haram bagi dibawa masuk ke negara jiran untuk kegunaan di negara berkenaan Aktiviti ini turut mengancam kesejahteraan dan keselamatan negara.

| Bil | Idea/Isi | Huraian |
|---|---|---|
| | A : Mengapa berlaku pemindahan | |
| 1 | Perbezaanhargabarangan | Harga sesetengah barang yang lebih inggi di negara jiran membuatkan wujud usaha untuk membawa keluar suatu produk negara untuk dijual di negara jiran<br>Sebagai contoh, harga petroleum yang lebih rendah di Malaysia menyebabkan timbul usaha untuk menyeludup sumber tenaga berkenaan ke Thailand bagi membolehkan penggunaan dengan kos yang rendah |
| 2 | Kekurangan sumber di negara jiran | Menyebabkan harga barangan akan meningkat di negara jiran<br>Kekurangan sumber barangan dan peningkatan hargaakan menyebabkan wujud usaha membawa keluar suatu produk negara ke negara jiran.<br>Sebagai contoh kekurangan minyak masak di Thailand telah mewujudkan usaha membawa masuk produk minyak masak Malaysia ke negara berkenaan |
| 3 | Urusniaga yang menguntungkan | Cukai eksport yang dikenakan negara ke atas barangan yang hendak dijual dan diedar di luar negara akan meningkatkan harga suatu barangan<br>Tanpa membayar cukai, suatu barangan dapat dijual dengan harga yang lebih menguntungkan dan akan mendapat permintaan yang tinggi di pasaran negara jiran |
| 4 | Undang-undang yang berbeza | Undang-undang negara melarang eksport kayu balak menta hatau yang belum diproses<br>Undang-undang di sesetengah negara jiran membenarkan berbuat demikian. Berlaku penyeludupan keluar kayu balak yang belum diproses ke negara jiran bagi memenuhi permintaan kayu bala kmentah di pasaran antarabangsa. |
| | B : Mengapa tidak harus dibiarkan | |
| 5 | Merugikan pendapatan negara | Suatu produk negara yang dibawa keluar untuk dipasarkan di negara jiran tanpa melalui proses yang sah akan merugikan negara dari segi pungutan cukai<br>Cukai eksport ke atas suatu produk tidak dapat dipungut sedangkan kos pemeriksaan kastam tetap dikeluarkan |

| | | |
|---|---|---|
| 6 | Menjejaskan imej negara | Penyeludupan keluar barangan untuk dibawa masuk ke negara jiran boleh menggambarkan wujud kelonggaran dalam system kawalan sempadan negara.<br>Satu situasi yang boleh menjejaskan imej negara dan boleh dieksploitasi oleh pihak berkepentingan atas 'kelemahan' tersebut |
| 7 | Membukaruangaktiviti haram lain | Persepsik awalan sempadan yang longgarakan merangsang sindiket penyeludupan senjata dan dadah antarabangsa untuk melakukan aktiviti berkenaan ke Malaysia dengan menggunakan kaedah yang sama<br>Kemasukan senjata dan dadah akan mengancam keselamatan negara |
| 8 | Meningkatkan peruntukan subsidi negara | Sebahagian produk yang diseludup melibatkan barangan yang disubsidi oleh kerajaan seperti petroleum dan minyak masak. Wujud 'kebocoran' keluar kos yang ditampung oleh kerajaan untuk kebajikan rakyat. Sasaran untuk meringan-kan beban rakyat atau meningkatkan daya beli rakyat tidak akan mencapai kesan yang menyeluruh. |

**Penutup**

Langkah yang berkesan perlu dirangka yang mungkin juga akan melibatkan kepakatan antara dua negara.

**Jawapan : 3A + 2B atau 2A + 3B idea**

**Nota : Bahagian A:Faktor melibatkan Malaysia tidak diterima**

20 Keganasan antarabangsa semakin menjadi-jadi dan peningkatannya mengancam keamanan dunia. Huraikan punca keganasan antarabangsa dan implikasinya terhadap kestabilan politik dan ekonomi sesebuah negara.

| Bil | **Pengenalan** | Konflik keganasan antarabangsa banyak meragut nyawa dan kerap berlaku di seluruh dunia.<br>Keadaan ini seolah-olah tiada titik noktah walaupun banyak usaha yang telah diambil oleh PBB |
|---|---|---|
| A | **Punca** | |
| 1 | **Konflik agama antarabangsa** | Berlaku percanggahan pandangan antara dua puak penganut agama yang berbeza<br>Mempunyai fikiran sempit- terlalu taksub dengan fahaman sendiri<br>Keengganan kedua-dua pihak untuk bertolak ansur dan berdamai |
| 2 | **Negara penceroboh bersikap angkuh** | Kuasa veto disalahgunakan<br>Menceroboh negara-negara tertentu dengan alasan membanteras keganasan antarabangsa<br>Kuasa besar secara tidak langsung menghalalkan keganasan terhadap sesebuah negara terutamanya negara yang lemah<br>Timbul penentangan daripada penduduk tempatan kerana merasakan kepentingan mereka terancam |
| 3 | **Pemimpin diktator** | Memerintah secara kuku besi dan membuat apa sahaja yang diinginkan oleh mereka<br>Tiada kebebasan yang diberikan kepada rakyat- menggunakan polis rahsia untuk mengekalkan kestabilan politik<br>Menghalalkan keganasan dengan alas an tertentu menyebabkan puak tertentu tidak puas hati dengan pemimpin |
| 4 | **Keganasan sengaja disalahtafsir** | Apabila sesuatu kaum itu membuat penentangan terhadap pencerobohan yang dibuat, mereka akan dianggap sebagai pengganas<br>Mereka melakukan pengeboman berani mati untuk memerangi keganasan<br>Keganasan yang melampaudianggappenyelamatbangsa |
| 5 | **Konflikperkauman** | Sikap benci membenci, salah faham dan hasutan perkauman mencetuskan keganasan<br>Perselisihanakan berlaku apabila satu kaum lebih maju daripada kaum yang lain |

| | | |
|---|---|---|
| | | Timbul rasa tidak puas hati yang menyebabkan berlaku perselisihan faham |
| B I | **Implikasi terhadap kestabilan politik dan ekonomi** | |
| 6 | **Keselamatan penduduk terancam** | Pergolakan politik dalaman sesebuah negara menyebabkan keganasan<br>Pemimpin mengapi-apikan sesuatu isu dan menghasut penyokong membenci kaum lain<br>Hilang perasaan rasional- mengambil bahagian dalam tunjuk perasaan dan bertindak liar dengan merosakkan harta benda dan melakukan pembunuhan |
| 7 | **Menjejaskan pertumbuhan ekonomi** | Pelabur asing dan tempatan tidak berani melabur<br>Tiada keyakinan kerana takut kerugian<br>Keganasan berpanjangan akan menjejaskan ekonomi dunia |
| 8 | **Industri pelancongan terancam** | Rampasan kapal terbang dan pengeboman bangunan menyebabkan pelancong takut<br>Tidak berani pergi ke negara yang dilanda pergolakan politik keganasan<br>Perniagaan agensi pelancongan akan mengalami kemerosotan<br>Menjejaskan pendapatan negara |
| 9 | **Negara/ masyarakatakan huru hara** | Timbul kegiatan penghapusan etnik<br>Saling mencurigai dan berprasangka negatif antara satu sama lain<br>Perasaan dendam, irihati, saling menuduh dan membenci-benci<br>Masyarakan tidak dapat bersatupadu dan keamanan tidak dapat dikecapi |
| | **Penutup** | Konlik keganasan ini perlu dibendung dengan segera sebelum meragut lebih banyak nyawa |

2+ 3 @ 3 +2

**SOALAN PEPERIKSAAN PERCUBAAN PENGAJIAN AM 3(900/3), STPM 2019**

# SSIJB

**BAHAGIAN A** [ 15 *markah*]

*Jawab semua soalan.*

1. Yang manakah faktor penting yang mempengaruhi penggubalan dasar luar Malaysia pada zaman Tunku Abdul Rahman?

   I Peningkatan pengaruh komunis.
   II Hubungan dengan negara China.
   III. Konfrontasi Malaysia-Indonesia.
   IV. Kepentingan negara-negara membangun.

   A. I dan III
   B. I dan IV
   C. II dan III
   D. II dan IV

2. Prinsip yang menjadi amalan Malaysia dalam melaksanakan dasar luar adalah

   I Menghormati kedaulatan setiap negara.
   II Mengutamakan kestabilan ekonomi serantau.
   III. Mengadakan hubungan tanpa mengira ideologi.
   IV. Meningkatkan kepentingan pertahanan dan ketenteraan.

   A. I dan II C. II dan IV B. I dan III D. III dan IV

3.,Yang manakah matlamat penubuhan Pertubuhan Negara-Negara Asia Tenggara (ASEAN)?

I Mengekalkan keamanan dan kestabilan serantau serta menikmati kemakmuran bersama.
II Mengakui persamaan semua ras, agama dan negara
III Menyelesaikan masalah bersama melalui persidangan ketua-ketua negara anggota.
IV Memupuk kerjasama dan mengembang kepentingan bersama dalam ekonomi, sosial, kebudayaan, teknikal, saintifik dan pentadbiran.

A I dan II
B I dan IV
C II dan III
D III dan IV.

4. Yang manakah Piagam ASEAN yang ditermeterai semasa Sidang Kemuncak ke-13 di Singapura?

I Membangunkan modal insan menerusi kerjasama dalam pendidikan.
II Tidak campur tangan dalam masalah negara anggota.
III Membentuk hubungan harmoni antarabangsa.
IV Mendaulatkan keutuhan wilayah sesebuah negara.

A. I dan II
B. I dan III
C. II dan IV
D. III dan I

| |
|---|
| Mengurangkan kemiskinan dan jurang pendapatan<br><br>Membaiki kualiti hidup di serata rantau Negara ASEAN |

5, Penyataan di atas merujuk objektif

A Komuniti Sosial ASEAN.
B Rundingan Perjanjian Perdagangan Bebas (FTA)
C Komuniti Ekonomi ASEAN (AEC)
D Pertumbuhan Ekonomi Serantau Utara dan Selatan Malaysia.

6. Yang manakah berikut merupakan matlamat kerjasama dalam ASEAN + 3?

I Mewujudkan kerjasama dalam politik.
II Mewujudkan kerjasama dalam perdagangan.
III Mewujudkan kerjasama dalam keselamatan.
IV Mewujudkan kerjasama dalam perusahaan kecil dan sederhana

A. I dan II
B. I dan III
C. II dan IV
D. III dan IV

7. Yang manakah berikut isu yang pernah disuarakan oleh Malaysia dalam Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu?

A. Kerangka kewangan antarabangsa.
B. Mewujudkan kawasan perdagangan bebas.
C. Menghapuskan kuasa veto yang dimiliki oleh lima buah negara.
D. Menyokong tindakan ketenteraan ke atas negara-negara yang dianggap pengganas.

8. Yang manakah padanan yang betul antara perkara dengan peranan badan-badan tertentu di bawah Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu.

| | **Perkara** | **Agensi PBB** |
|---|---|---|
| A | Membasmi penyakit AIDS | Pertubuhan Kesihatan Sedunia. |
| B | Semua kanak-kanak mendapat makanan | Pertubuhan Makanan dan Pertanian |
| C | Penangkapan pemimpin Regim Pol Pot | Mahkamah Keadilan Antarabangsa |
| D | Tragedi Darfur di Sudan | Mahkamah Jenayah Antarabangsa |

| |
|---|
| ❖ Persidangan negara-negara Asia Afrika di Bandung 1955. |
| ❖ Kerjasama ekonomi dan teknikal dalam kalangan negara berkenaan |

9.Yang manakah merupakan faktor Malaysia menyertai Pergerakan Negara-Negara Berkecuali?

I. Meningkatkan kerjasama ekonomi.
II. Menyumbang bantuan ketenteraan.
III. Mendaulatkan keutuhan wilayah sesebuah negara.
IV. Menolak kekerasan dalam penyelesaian sengketa politik.

A. I dan II
B. I dan IV
C. II dan III
D. III dan IV

10 Yang manakah merupakan sumbangan Malaysia kepada OIC?

I Menjadi Pengerusi negara-negara OIC pada tahun 2003.
II Memperjuangkan hak rakyat Palestin untuk memiliki negara mereka sendiri yang merdeka.
III Menganjurkan kejohanan sukan negara-negara OIC pada tahun 1995.
IVPerdana Menteri Malaysia yang pertama menjadi Setiausaha Agung Sekretariat OIC yang pertama.

A I dan II
B I dan IV
C II dan III
D III dan IV

11 Yang manakah keputusan yang dicapai dalam Mesyuarat Ketua Negara Komanwel (CHOGM) di Kuala Lumpur pada tahun 1989?

I .Mengehadkan penggunaan nuklear.
II. Meningkatkan kualiti alam sekitar.
III. Membanteras penyalahgunaan dadah
IV. Membanteras aktiviti pemerdagangan orang.

A. I dan II
B. I dan III
C. II dan IV
D. III dan IV

12

- Rundingan membentuk negara-negara perindustrian.
- Lahir daripada Persidangan Perdagangan dan Pembangunan Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (UNCTAD)

Pernyataan berikut benar tentang

A. Dialog Utara Selatan.
B. Suruhanjaya Selatan-Selatan.
C. Kerjasama Selatan-Selatan
D. Persidangan Ekonomi Asia Pasifik.

Sebuah pergerakan telah ditubuhkan bagi mempercepatkan pelaksanaan program-program Kerjasama Selatan-Selatan

13.Penyataan di atas merujuk kepada pergerakan

A. G-7
B. G-15
C. G-77
D. Kumpulan Membangun 8

14. Masyarakat antarabangsa telah mengiktirafkan Malaysia sebagai sebuah negara yang komited dalam memulihara alam sekitar global, terutamanya dengan pemuliharaan lapisan izin global

Yang manakah yang bersesuaian dengan penyataan di atas?

A. Protokol Kyoto.
B. Protokol Madrid
C. Protokol Montreal
D. Protokol Cartagena

15. Yang manakah langkah Malaysia bagi mengatasi isu Islamofobia di peringkat antarabangsa?

A. Menyekat kebebasan media berunsur keagamaan.
B. Memusnahkan pusat gerakan kegiatan keganasan.
C. Melaksanakan konsep wasatiyah dalam Islam.
D. Bekerjasama dengan Interpol memburu pengganas.

**Bahagian B [*15 markah*]**

*Jawab* ***satu*** *soalan sahaja*

16. Dengan berpandukan pola nilai import mengikut jenis barangan utama dalam carta di bawah, berikan ulasan anda tentang cabaran Malaysia dalam mengurangkan import di negara ini.




Sumber : Kementerian Perdagangan antarabangsa dan Industri (MITI)

17. Berdasarkan maklumat dalam jadual di bawah, ulaskan faktor yang menyebabkan keadaan jumlah kemasukan penjenayah warga asing dari negara ASEAN terpilih yang ditangkap bagi suku terakhir tahun 2018.

MALAYSIA : BILANGAN PENJENAYAH WARGA ASING DARI NEGARA ASEAN TERPILIH YANG DITANGKAP BAGI SUKU TERAKHIR TAHUN 2018

| BULAN<br>NEGARA | Bilangan Penjenayah warga Asing (orang) | | | Jumlah |
|---|---|---|---|---|
| | Oktober | November | Disember | |
| Filipina | 15 | 21 | 69 | 105 |
| Thailand | 75 | 156 | 183 | 414 |
| Indonesia | 170 | 210 | 259 | 639 |
| Singapura | 20 | 32 | 38 | 90 |
| Lain-lain | 23 | 34 | 60 | 117 |
| 5. | Menyokong Zon Ekonomi Eksklusif (ZEE) | • Menyokong kawasan mengeksploitasi 200 batu nautika perairan sesebuah negara untuk tujuan sumber perikanan dan petroleum.<br>• Memastikan negara aggota mematuhi dan menghormati keputusan yang telah dipersetujui. |
| 6. | Melaksanakan Projek Perindustrian ASEAN | • Projek Perindustrian ASEAN<br>- Projek baja urea – Malaysia-Indonesia<br>- Projek Garam Batu soda – Tahailand<br>- Projek Fabrikasi tembaga-Filipina<br>- Projek Vaksin Hepatitis B- Singapura |
| 7. | Menyokong pelaksanaan Kawasan Perdagangan Bebas ASEAN (AFTA) | • Menyokong kawasan ASEAN mengamalkan kadar tarif atau cukai perdagangan yang rendah<br>• Menggalakkan perdagangan antara negara anggota ASEAN dengan lebih aktif dan menguntungkan semua pihak<br>• Semua barangan negara ASEAN boleh menembusi pasaran negara anggota dengan bebas tanpa sekatan takrif<br>• Saling membantu memajukan pasaran barangan dalam kalangan negara anggota untuk pembangunan dan kemajuan bersama |
| 8. | ASEAN +3 | • Melibatkan Negara ASEAN dan mtiga Negara Asia iaitu Jepun, China dan Korea Selatan<br>• Malaysia menjadi tuan rumah sekretariat ASEAN +3<br>• Pakatan ini dibentuk bagi meningkatkan kerjasama ekonomi iaitu pembentukan kawasan pembangunan ekonomi Asia Timur. |
| 9. | Komuniti Ekonomi ASEAN (AEC) | • Dirangka untuk meningkatkan status ASEAN sebagai destinasi pelabur<br>• Langkah menggembleng semua usaha ke arah pembentukan pasaran tunggal ASEAN pada tahun 2015<br>• Menarik minat pelabur luar ASEAN<br>• Mengurangkan kemiskinan dan merapatkan jurang kemiskinan |

Kesimpulannya pemuafakatan yang ditunjukkan oleh Malaysia merupakan bukti sokongan yang tidak berbelah bahagi bagi sama-sama membantu ASEAN maju dan dihormati .

Skema 2+3 / 3+2

19. Pencemaran melintasi sempadan di Malaysia disebabkan daripada pelbagai punca . Oleh itu , pelbagai usaha dilaksanakan oleh Malaysia bagi menangani masalah tersebut . Jelaskan .

Pengnalan :- Pencemaran melintasi sempadan sering berlaku apabila punca pencemaran yang terjadi disesebuah negara menyebabkan pencemaran ke negara lain . Pencemaran rentas sempadan yang serring berlaku ke atas Malaysia ialah pencenaran udara dan air .

| Bil | Isi/idea | Huraian |
|---|---|---|
| 1 | **A. Punca pencemaran merentasi sempadan**<br><br>Letusan gunung berapi | • Letusan gunung berapi yang dahsyat akan menghembuskn debu panas akan menyebabkan jerebu di kawasan sekitar dan juga ynng berdekatan<br>• Letusan gunung berapi yang menghembuskan gas pencemar dan debu sehingga melebihii 30 m yang boleh menyebabkan pencemaran udara di negara berdekatan apabila ditiup angin<br>• Sebagai contoh , letusan gunung berapi di Sumatera , Indonesia menyebabkaan pencemaran udara di Semenanjung Malaysia dan Singapura |
| 2 | Keakaran hutan / tanah gambut secara semula jadi | • Keadaan cuaca di kaaan hutan hropika yang panas berpanjangan dan kering serta panahan petir / kilat mencetuskan kebakaran secara semula jadi<br>• Keadaan ini menyebabkan kebakaran hutan sehingga membebaskan gas-gas pencemar seperti karbon monosikda dan karbon diosikda serta sisa karbon |
| 3 | Pemabakaran terbuka | • Aktiviti pembakaran terbuka bagi tujuan perladangan di negara jiran mengakibatkan pencemaran udara dan jerebu di Malaysia<br>• Sesetengah syarikat perladangan di Indonesia melakukan pembakaran terbuka bagi menghapuskan sisa pertanian sehingga menyebabkan pencemaran jerebu di Malaysia dan singapura |
| 4 | Aktiviti penambakan laut | • Aktiviti penambakan laut terutamanya di negara-negara jiran yang berdekatan dengan Malaysia memudahkan pencemaran air dengan tanah dan juga pasir<br>• Air laut yang tercemar menjejaskan tangkapan ikan nelayan-nelayan pantai |
| 5 | Aktiviti pengangkutan air | • Aktiviti pengangkutan air yang melibatkan kapal dagang dan tangki terutamanya di Selat Melaka yang merupakan laluan kapal tersibuk di rantau ini iaitu Malaysia , Indonesia dan singapura menjadi punca masalah pencemaran perairan negara kita . Kes pelanggaran kapal tangki yang sering berlaku , terdedah kepada risiko tumpahan minyak .Sebagai contoh, kes Nagasaki Spirit melibatkan tumpahan minyak 13 000 tan merupakan antara pencemaran |

| | | |
|---|---|---|
| | | minyak di Selat Melaka |
| 6 | Aktiviti cari gali minyak | • Terdapat 165 pelantar minyak dari pelbagai syarikat di seluruh dunia yang menjalankan aktiviti cari gali minyak dan pengeluaran minyak dan gas<br>• Tumpahan minyak mencemarkan pantai di sekitar Laut Cina Selatan |
| 7 | **B Langkah Malaysia :-**<br><br>Menandatangani perjanjian alam sekitar | • Malaysia menandatangani Perjanjian ASEAN mengenai Pencemaran Jerebu MerentasSempadan ( AATHP )<br>• Melalui perjanjian ini . jerebu yang diSebabkan kebakaran tanh gambut atau hutan secara semula jadi perlu diatasi dengan usaha kerjasama serantau dan antarabangsa |
| 8 | Mengambil tindakan melalui undang-undang antarabangsa | • Malaysia memulakan prosiding terhadap negara-negara jiran di Tribunal Antarabangsa Undang-undang Laut bagi menangani pencemaran laut dan udara<br>• Tindakan ini membolehkan negara-negara yang terlibat mengambil tindakan bersama bagi mengatasi kesan buruk pencemaran udara dan laut seperti menagani jerebu oleh Malaysia , Indonesia dan Singapura |
| 9 | Meningkatkan kerjasama bersepadu dengan negara jiran atau lian | • Malaysia boleh bekerjasama dengan negara jiran atau lain terutamanya negara maju bagi mengatasi masalah pencemaran yang melanda di rantau Asia Tenggara<br>• Sebagai contoh , Malaysia , Singapura dan Indonesia bertindak untuk memadam kebakaran hutan abila berlakunya pencemaran jerebu di rantau ini . |
| 10 | Meningkatkan usaha pembenihan awan | • Hujan adalah pembersih udara semula jadi yang terbaik untuk mengatasi pebcemaran udara terutamanya jerebu<br>• Pihak Jabatan Alam Sekitar telah bekerjasama dengan Puncak Niaga Sdn. Bhd telah melakukan beberapa siri pembenihan awan khususnya di sekitar Lembah Klang dan negeri Selangor. |

Kesimpulan :- Pencemaran rantassemapadan perlu ditangani bagi menjamin kesihatan penduduk dan melancarkan kegiatan ekonomi dan social di near ini .

20 . Berlakunya keadaan yang membolehkan sesetengah pihak untuk mengaitkan Malaysia dengan kegiatan keganasan antarabangsa semakin membimbangkan . Pelbagai pendekatan yang diambil telah berjaya menolak persepsi tersebut . Bincangkan .

**Pengenalan** :- Aktiviti keganasan merupakan satu manifestasi kegagalan dalam mengurus ketidakpuasan terhadap kumpulan lain atau kerajaan yang memerintah . Terdapat banyak faktor yang mempengaruhi kecenderungan ini dan Malaysia telah berjaya menangani dengan pendekatan-pendekatan tertentu .

| **Bil** | Isi / Idea | Huraian |
|---|---|---|
| **1** | **A :-Keadaan kegiatan keganasan antarabangsa dikaitkan dengan Malaysia**<br><br>Rakyat Malaysia mudah terpengaruh dengan gerakan militant/ Gerakan pengganas | • Militan Islam mudah mempengaruhi rakyat Malaysia dengan perjuangan atas nama agama Islam atau jihad<br>• Rakyat Malaysia menjadi sumber tenaga yang boleh direkrut sebagai pengganas yang dikatakan berjihad untuk mendapat tempat di syurga apabila mati Syahid.<br>• 15 rakyat Malaysia yang terbabit dalam keganasan dan aktiviti jihad dengan kumpulan militan Negara Islam Iraq dan Levant (ISIL), kumpulan yang berpecah dari Al-Qaeda, telah terbunuh di Syria.) |
| **2** | Kedudukan geostrategik Malaysia | • Kedudukan Malaysia yang berdekatan dengan negara-negara jiran yang terpenagruh dengan kumpulan-kumpulan atau sel- sel pengganas antarbangsa seperti Jemaah Islamiah dan DAESH menyebabkan Malaysia turut dikaitkan dengan kumpulan-kumpulan ini<br>• JI. Dari Indonesia, ia berkembang ke Malaysia, Singapura dan Filipina Selatansehingga munculnya Kupulan Pengganas Abu Sayyaf dan munculnya anggota kanan JI dari Malaysia iaitu Azahari dan Noordin , seorang bekas pensyarah UTM yang juga pakar bom |
| 3 | Kewujudan aktivis rakyat Malaysia di luar negara | • Penglibatan aktif aktvis Malaysia di negara--negara Timur Tengah , Indonesia dan juga Filipina meletakkanMalaysia sebagai tempat melahirkan penjenayah-penjenayah pengganas ini PP<br>• Paparan berita di media barat dan juga social yang menunjukkan aktivis pengganas bergerak aktif di Syria , Iraq dan juga Selatan Filipina menyebabkan Malaysia dikaitkan dengan gerakan pengganas |
| 4 | Pengaruh media antarabangsa | • Media antarabangsa yang meluaskan masalah |

| | | |
|---|---|---|
| | | “ Islam Phobia “ terhadap negara-negara Islam termasuk Malaysia menyebabkan masyarakat dunia tirut melabaelkan Islam senagai agama keganasan turut mengaitkan Malaysia dengan kegiatan keganasan antarabangsa<br>• Paparan mengenai aktivis pengganas Malaysia dalam peristiwa pengemboman di Bali , penculikan di Filipina dan juga peperangan di Syria melabelkan Malay |
| 5 | <u>**B . Pendekatan yang diambil Malaysia :**</u><br><br>Meningkatkan perjanjian kerjasama antara negara . | • Perjanjian kerjasama keselamatan akan membolehkan Malaysia berkongsi maklumat dan data akan tktivis-aktivis kumpulan pengganas termasuk rakyat Malaysia yang terlibat<br>• Sebagai contoh , Kerajaan Malaysia dalam perjanjian kerjasama keselamatan , bersedia menerima aset bantuan ketenteraan Amerika Syarikat (AS) sekiranya wujud tawaran dari negara itu bagi membanteras kegiatan pengganas terutamanya di Sabah. |
| <u>6</u> | Menjadi perantara | • Malaysia terus mengambil langkah menjadi perantara antara kumpulan radikal atau militant Islam dan juga kerajaan-kerajaan di negara-negara jiran<br>• Sebagai contoh , Konflik selama empat dekad dan meragut lebih 120,000 nyawa berjaya ditamatkan menerusi Perjanjian Rangka Kerja Mengenai Bangsamoro antara kerajaan Filipina dan Barisan Pembebasan Islam Moro (MILF) di Istana Malacanang adalah atas inisiatif yang diambil oleh Malaysia menerusi tanggungjawabnya sebagai perantara.<br>• |
| <u>7</u> | **Memperkasakan penguatkuasaan undang-undang** | • Malaysia boleh bertindak memperkasakan penguatkuaaan undang-undang anti pengganas bagi membendung masalah pengganas dalam negara seperti memberkas rakyat Malaysia yang menyokong kegiatan kumpulan penggana antarabangsa DEASH dan IS<br>• Sebagai contoh , Akta Pencegahan Keganasan 2015 boleh diperkasakan bagi menahan sesiapa yang menyokong IS atau yang berusaha untuk membawa masuk ideologi berkenaan ke Malaysia. |
| <u>8</u> | Fahaman kesederhanaan | • Kerajaan Malaysia mengamalkan fahaman sederhana dalam pelbagai bidang politik, agama, ekonomi dan hubungan sosial antarabangsa. –<br>• Penubuhan Gerakan Kesederhanaan Global (GMM) mengubah tanggapan salah dunia terhadap Malayssia tdalam isu |

| | | |
|---|---|---|
| | | keganasan.antarabangsa<br>• Timbulnya Islamfobia, Malaysia mengambil pendekatan sederhana melalui Islam dan penganutnya mempunyai sikap toleransi dan penyayang. |
| 9 | Meningkatkan kesedaran masyarakat. | • Melalui media massa, kempen dilakukan untuk menyedarkan rakyat bahawa aktiviti keganasan boleh merosakkan keamanan dan kesejahteraan yang dinikmati kini.<br>• Mengadakan forum dan seminar dalam negara dan antarabangsa untuk memberikan maklumat yang jelas tentang kewujudan dan perjuangan kumpulan pengganas kepada masyarakat.<br>• Menuntut tindakan masyarakat untuk menyalurkan maklumat yang berkaitan dengan penglibatan individu dan kegiatan keganasan kepada pihak berwajib. |
| 10 | Pertukaran / Ekstradisi pengganas | • Kerajaan Malaysia menangani perjanjian pertukaran pengganas yang telah melakukan keganasan dalam Malaysia yang melarikan diri ke luar negara.<br>• Individu yang terlibat dihantar balik ke Malaysia untuk dibicarakan di mahkamah Malaysia. Jika di sabitkan kesalahan akan dipenjarakan di Malaysia |

Kesimpulannya, Malaysia mengamalkan pendekatan menolak keganasan antarabangsa tidak kira siapa yang melakukannya. Pendekatan sederhana dilaksanakan dalam pelbagai perkara supaya keamanan dan keselamatan negara terjamin.

**SOALAN PEPERIKSAAN PERCUBAAN PENGAJIAN AM 3(900/3), STPM 2019**

# PAHANG

**Bahagian A**

[15 markah]

Jawab *semua* soalan.

1. Antara pernyataan berikut, yang manakah menjadi asas penentuan hubungan Malaysia dengan negara luar?

I Dasar dan ideologi yang sehaluan
II Kepentingan hubungan negara serantau
III Kepentingan hubungan dua hala dengan negara-negara terlibat
IV Mengukuhkan hubungan ketenteraan untuk menguatkan pertahanan

A I dan II
B I dan IV
C II dan III
D III dan IV

2.

- Berubah kepada dasar berkecuali
- Memperluas hubungan diplomatik dengan negara komunis

A Tun Abdul Razak
B Tun Hussein Onn
C Tunku Abdul Rahman
D Tun Dr Mahathir Mohamad

3. Antara berikut, yang manakah merupakan matlamat penubuhan ASEAN?

Mengadakan usahasama industri.
II mengeratkan hubungan dan kerjasama serantau dan antarabangsa
III Membantu dan menyelesaikan krisis dan konflik di peringkat antarabangsa
IV Menggalakkan keamanan dan kestabilan politik dengan mematuhi prinsip PBB

A I dan II B I dan III C II dan IV D III dan IV

4.

Objektif

- Mengurangkan kemiskinan dan jurang pendapatan
- Membaiki kualiti hidup di rantau negara ASEAN

4 Objektif di atas merujuk

A Komuniti Sosial ASEAN

B Komuniti Ekonomi ASEAN (AEC)

C Rundingan Perjanjian Perdagangan Bebas (FTA)

D Pertumbuhan Ekonomi Serantau Utara dan Selatan Malaysia.

5 .Berpegang teguh untuk memakmurkan jiran merupakan antara asas dasar Malaysia kerana

Apeluang pasaran baharu yang terbuka luas di negara jiran

Bkesedaran untuk saling memahami dan memerlukan jiran

Ckepentingan memahami kepelbagaian budaya negara jiran

Dkemakmuran negara dipengaruhi oleh kestabilan politik negara jiran

6 Dialog Utara-Selatan diadakan melalui:

I Order Baru Ekonomi Dunia (NIEO)

II Perjanjian Am tentang Tarif dan Perdagangan (GATT)

III Persidangan Pertubuhan Bangsa-bangsa Bersatu (UNCTAD)

IV Pertubuhan Kerjasama dan Pembangunan Ekonomi (OECD)

A I dan II B I dan III C II dan IV D III dan IV

7.

- Syarat perdagangan yang merugikan
- Beban hutang yang tinggi
- Perdagangan yang menguntungkan negara maju sahaja

Masalah-masalah di atas dialami oleh sekumpulan negara di dunia. Untuk mengatasi masalah di atas, negara-negara tersebut menubuhkan

A Pertubuhan Komanwel
B Pertubuhan Kumpulan 15
C Suruhanjaya Selatan-selatan
D Kerjasama Ekonomi Asia Pasifik

8.

- Perairan Ambalat di Laut Sulawesi
- Medan Minyak Blok L dan M

Pernyataan di atas merujuk kepada
A Zon Ekonomi Eksklusif
B Mahkamah Keadilan Antarabangsa
C Kawasan Perdagangan Bebas ASEAN
D Memorandum Persefahaman Pembangunan Serantau

9. Yang manakah yang benar tentang kejayaan Malaysia ketika menerajui Pergerakan Negara-negara Berkecuali dari tahun 2003 hingga tahun 2006?

I Menubuhkan NAM Network
II Mesyuarat Menteri Pertahanan NAM
III Menjadi anggota Suruhanjaya Selatan-selatan
IV Mesyuarat Menteri Pembangunan Wanita NAM

A I dan III B I dan IV C II dan III D II dan IV

10. Yang manakah faktor luaran yang boleh mempengaruhi dasar luar Malaysia?

A Ahli Pertubuhan Persidangan Negara Islam
B Pengerusi Pergerakan Negara-negara Berkecuali
C Perubahan Dasar luar Rusia terhadap Cremia dan Ukraine
DPengerusi Majlis Keselamatan Pertubuhan Bangsa-bangsa Bersatu

11 Yang manakah merupakan sebab tuntutan pembentukan Orde Baharu Ekonomi Dunia?

A Polisi ekonomi yang berbeza-beza antara negara
B Kumpulan negara kaya menguasai ekonomi dunia
C Menyelaraskan pertumbuhan ekonomi semua negara
D Pembuat keputusan ekonomi dunia perlu melibatkan negara membangun

12

| |
|---|
| Presiden Amerika Syarikat, Donald Trump mengiktiraf Baitulmuqaddis sebagai ibu negara Israel |

Antara yang berikut, yang manakah merupakan tindakan Malaysia dalam menghadapi kontroversi di atas?

A Mengemukakan nota bantahan kepada Israel
B Menyokong sekatan ekonomi terhadap Israel
C Menghantar tentera pemerhati ke Baitulmuqaddis
\D Menyokong resolusi untuk mempertahankan Baitulmuqaddis

13.

- Memupuk kesedaran awam yang lebih komprehensif
- Menganjurkan Gerakan Kesederhanaan Global

Penyataan di atas merujuk kepada kaedah Malaysia menyelesaikan masalah berkaitan dengan

A pendatang asing tanpa izin
B pemerdagangan manusia
C keganasan antarabangsa
D pencerobohan nelayan asing

14 Yang manakah antara langkah yang berikut menunjukkan kesungguhan Malaysia untuk mempertahankan isu alam sekitarnya?

I Mmemajukan teknologi hijau
II Mewartakan semua hutan di Malaysia sebagai hutan simpanan

III Menyokong Protokol Montreal untuk menyelamatkan lapisan ozon

IV Memutuskan hubungan diplomatik dengan negara yang tidak menguatkuasakan undang-undang alam sekitar

A I dan II B I dan III C II dan IV D III dan IV

`15 Antara berikut yang manakah merupakan pendirian Malaysia dalam isu Antartika?

A Keselamatan benua tersebut menjadi tanggungjawab Pertubuhan Bangsa-bangsa Bersatu

B Semua negara bebas menjalankan penyelidikan dan eksploitasi sumber alam secara teratur

CSemua negara didunia perlu menyediakan peruntukan kewangan untuk melaksanakan kawalan

DAntartika dan segala sumber yang terdapat di sana adalah sebahagian daripada warisan bersama

Bahagian B

[15 markah]

Jawab ***satu*** soalan sahaja.

16 Berdasarkan maklumat dalam jadual di bawah, hubungkaitkan nilai dan peratus import buah-buahan oleh Malaysia pada tahun 2013 dan tahun 2014. Jelaskan mengapa Malaysia masih banyak mengimport buah-buhan dari luar negara.

MALAYSIA: IMPORT BUAH-BUAHAN DARI NEGARA TERPILIH PADA TAHUN 2013 DAN TAHUN 2014

| TAHUN/ NEGARA | 2013 | | 2014 | |
|---|---|---|---|---|
| | RM Juta | Peratus (%) | RM | Peratus (%) |
| Australia | 11101.1 | 22.1 | 10425.8 | 20.8 |
| China | 11754.2 | 23.4 | 11829.2 | 23.6 |
| Pakistan | 5173.8 | 10.3 | 5964.7 | 11.9 |
| New Zealand | 7132.9 | 14.2 | 7618.8 | 15.2 |
| **Thailand** | 9142.1 | 18.2 | 8821.8 | 17.6 |
| **Amerika Syarikat** | 5927.3 | 11.8 | 5463.5 | 10.9 |
| **Jumlah** | 50231.4 | 100.00 | 50123.8 | 100.00 |

(Sumber: Disesuaikan daripada Laporan Jabatan Perangkaan Malaysia, Bahagian Perdagangan Antarabangsa 2015)

2 Berdasarkan jadual di bawah, ulaskan pola tangkapan pendatang asing oleh agensi yang berkaitan dari tahun 2012 hingga tahun 2014.

MALAYSIA: TANGKAPAN PENDATANG ASING DARI TAHUN 2012 HINGGA TAHUN 2014

| Negara/Tahun | 2012 | 2013 | 2014 |
|---|---|---|---|
| | (orang) | | |
| China | 1200 | 900 | 1280 |
| India | 352 | 420 | 425 |
| Indonesia | 8325 | 8490 | 8539 |
| Bangladesh | 458 | 423 | 345 |
| Thailand | 546 | 568 | 650 |
| Lain-lain | 143 | 120 | 98 |
| **Jumlah** | **11024** | **10921** | **11337** |

(Disesuaikan daripada Buku Perangkaan Sosial,Jabatan Perangkaan Malaysia 2015)

## Bahagian C [50 markah]

Pilih dua daripada tajuk di bawah ini, dan tulis karangan yang panjangnya antara 300 hingga 350 patah perkataan.

15. Keganasan antarabangsa bukan sahaja mendatangkan kesan kepada negara-negara yang terlibat tetapi juga kepada negara-negara lain. Oleh itu, langkah-langkah harus diambil untuk menangani masalah ini. Bincangkan

16. Saban tahun masalah jerebu rentas sempadan semakin membimbangkan dan s menimbulkan pelbagai kesan. Jelaskan.

17. Isu pelarian di beberapa buah negara di dunia telah meninggalkan pelbagai kesan kepada Malaysia. Tindakan perlu dilaksanakan bagi menangani isu tersebut. Bincangkan.

# SKEMA PEPERIKSAAN PERCUBAAN PENGAJIAN AM 3(900/3), STPM 2019

# PAHANG

**Skema Pemarkahan dan Skema Jawapan Pengajian Penggal 3**

Bahagian A [15 markah]

| No.Soalan | Jawapan | No Soalan | Jawapan | No Soalan | Jawapan |
|---|---|---|---|---|---|
| 1 | C | 6 | D | 11 | D |
| 2 | A | 7 | C | 12 | D |
| 3 | C | 8 | A | 13 | C |
| 4 | A | 9 | B | 14 | B |
| 5 | B | 10 | C | 15 | D |

**Bahagian B [15 markah]**

16.

Pengenalan

Buah-buahan merupakan makanan kegemaran rakyat Malaysia. Bagi memenuhi permintaan ini, Malaysia sentiasa mengimport buah-buahan dari negara asing.

| Bil | ISi | Huraian |
|---|---|---|
| | A. | Hubungkait nilai dan peratus import buah-buahan |
| 1 | Nilai dan peratus import meningkat dari tahun 2013 hingga tahun 2014<br>China<br>Pakist<br>an<br>New<br>Zealan<br>d<br>(Perlu ditulis nama tiga negara) | China (pilih mana-mana satu negara) Dari segi nilai:<br>Pada tahun 2013 nilai import Malaysia sebanyak RM11754.2 juta dan meningkatkan sebanyak RM75.0 juta menjadi RM 11829.2 juta pada 2014 dengan perubahan peratus peningkatan 0.64%<br>Dari segi peratus:<br>Peratusan import meningkat daripada 23.4% (2013) kepada 23.6% (2014). Meningkat sebanyak 0.20%<br><br>Pakistan:<br>Dari segi nilai:<br>Pada tahun 2013 nilai import Malaysia sebanyak RM5173.8 juta dan meningkat sebanyak RM790.9juta menjadi RM5964.7 juta pada 2014 dengan perubahan peratus peningkatan 15.29%<br>Dari segi peratus<br>Peratusan import meningkat daripada 10.3% (2013) kepada 11.9% (2014). Meningkat sebanyak 1.60%<br><br>New Zealand Dari segi nilai:<br>Pada tahun 2013 nilai import Malaysia sebanyak M7132.9 juta dan meningkat sebanyak RM485.9 juta menjadi RM 7618.8 juta pada 2014 dengan perubahan peratus |

| | | |
|---|---|---|
| | | peningkatan 6.81%.<br>Dari segi peratus:<br>Peratusan import meningkat daripada 14.2% (2013) kepada 15.2% (2014). Meningkat sebanyak 1.0% . |
| 2 | Nilai dan peratus import menurun dari tahun 2013 hingga tahun 2014 Australia Thailand<br><br>(Perlu ditulis nama dua negara) | Australia: (pilih salah satu negara) Dari segi nilai:<br>Pada tahun 2013 nilai import Malaysia sebanyak M11101.1 juta dan menurun sebanyak RM675.3 juta menjadi RM 10425.8juta pada 2014 dengan perubahan peratus peningkatan 6.08%.<br>Dari segi peratus:<br>Peratusan import menurun daripada 22.10% (2013) kepada 20.80% (2014). Menurun sebanyak 1.30%<br><br>Thailand:<br>Dari segi nilai:<br>Pada tahun 2013 nilai import Malaysia sebanyak RM 9594.2juta dan menurun sebanyak RM772.4 juta menjadi RM 8821.8 juta pada 2014 dengan perubahan peratus peningkatan 8.05%.<br>Dari segi peratus:<br>Peratusan import menurun daripada 19.1% (2013) kepada 17.6% (2014). Menurun sebanyak 1.50% . |
| 3 | Nilai menurun dan peratus import konsisten<br>Amerika Syarikat | Dari segi nilai:<br>Pada tahun 2013 nilai import Malaysia sebanyak RM5475.2juta dan menurun sebanyak RM11.7juta menjadi RM 5463.5 juta pada 2014 dengan perubahan peratus penurunan 0.21%.<br>Dari segi peratus:<br>Peratusan import konsisten 10.9% bagi tahun 2013 dan 2014 |

| B | Sebab Malaysia masih mengimport buah-buahan dari negara luar | |
|---|---|---|
| 4 | Memenuhi keperluan kesihatan masyarakat tempatan | Manusia memerlukan buah-buahan untuk tujuan pemakanan kesihatan.<br>Buah-buahan yang diimport mengandungi banyak vitamin yang diperlukan oleh badan. |
| 5 | Keadaan geografi yang berbeza | Buah epal, oren, kiwi, dan seumpamanya hanya sesuai ditanam di negara asing.<br>Tidak ekonomik jika Malaysia menanam buah-buahan tersebut untuk tujuan komersial di atas faktor cuaca, suhu, dan tanah yang kurang sesuai. |
| 6 | Menyediakan peluang perniagaan | Meningkatkan aktiviti import dan eksport negara ke peringkat global<br>Menyediakan peluang perniagaan kepada pemborong atau peniaga tempatan<br>Buah-buahan import yang diproses dikilang akan menyediakan pekerjaan kepada rakyat tempatan |
| 7 | Memenuhi citarasa penduduk tempatan | Keperluan memenuhi selera penduduk tempatan yang berbeza<br>Belian mengikut status masyarakat |
| 8 | Meneruskan hubungan perdagangan antarabangsa | Mengukuhkan perdagangan timbal balik antarabangsa<br>Merupakan sebahagian daripada pemangkin untuk menjana pendapatan negara<br>Negara boleh mengutip bayaran perkhidmatan dan cukai |

Penutup:
Malaysia harus menjalankan penyelidikan dan pembangunan untuk meningkatkan pengeluaran buah-buahan import dapat dikurangkan.
(Kombinasi idea: 2+2)
Nota: * Jika satu idea melibatkan banyak negara, calon mestilah menyatakan semua negara tersebut tetapi untuk huraian data, calon hanya perlu mengemukakan satu negara sahaja.17.

17

<u>Pengenalan:</u>

Malaysia seperti juga dengan negara-negara lain berhadapan dengan kehadiran pendatang asing.

| Bil | Idea | Huraian Data | Huraian Sebab |
|---|---|---|---|
| A- Pola perubahan | | | |
| 1 | Jumlah keseluruhan tidak konsisten iaitu turun dan naik | 2012- seramai 11 024 orang pendatang asing telah ditahan<br>2013- bilangan menurun kepada 10 921 orang iaitu penurunan sebanyak 103 orang @ 0.93%<br>2014- jumlah tangkapan pendatang asing meningkat kepada 11337 orang, peningkatan sebanyak 416 orang @ 3.81% | (i)Keupayaan penguatkuasaan yang berbeza dan mengikut situasi kehadiran pendatang asing<br>(ii)pelaksanaan tawaran pengampunan dan pendaftaran pendatang asing berdasarkan Program 6P |
| 2 | Pola meningkat:<br>India<br>Indonesia<br>Thailand | *<u>India:</u>*<br>2012- jumlah tangkapan 352 orang<br>2014- meningkat kpd 425 orang dgn peningkatan sebanyak 73 orang @ 20.74% | (I) Kebanyakan pendatang asing India bekerja di restoran dan sektor perladangan<br>(ii) Majikan tidak memperbaharui permit mereka |
| | | *<u>Indonesia:</u>*<br>2012- jumlah tangkapan: 8325 orang<br>2014- meningkat kpd 8539 orang dengan peningkatan 214 orang @ 2.57% | (i) pendatang asing dari Indonesia dapat membolosi sempadan negara kita<br>(ii) melarikan diri kembali ke negara asal melalui perairan Selat Melaka semasa operasi menangkap mereka dilakukan oleh pihak |

| | | |
|---|---|---|
| | | berkuasa |
| | *Thailand:*<br>2012-jumlah tangkapan: 546 org<br>2014-meningkat kpd 650 orang<br>peningkatan sebanyak 104 orang @ 19.57% | (i) Kebykan pendatang asing Thailand yang ditangkap di laut menyamar sebagai nelayan<br>(ii) Mereka bekerja di pusat2 hiburan |
| 3. *Pola Menurun*:<br>Bangladesh<br>Lain-lain negara | *Bangladesh:*<br>2012- jumlah tangkapan 458 orang<br>2014- menurun kpd 345 orang<br>penurunan sebanyak 113 orang /24.67%<br><br>*Lain-lain negara:*<br>2012- jumlah tangkapan seramai 143 orang menurun kepada 98 orang. Penurunan sebanyak 45 orang @ 31.47% | (i) Pendatang asing Bangladesh bimbang ditahan oleh pihak berkuasa Malaysia. Mereka tidak boleh melarikan diri kembali ke negara asal kerana jarak jauh.<br>(ii) Majikan pula sentiasa bertanggungjawab dan bekerjasama dengan pejabat kedutaan |
| 4. *Pola tidak konsisten*<br>(turun dan naik)<br>China | 2012- jumlah tangkapan 1200 org<br>2013- turun kpd 900 org. Turun sebyk 300 org @ 25.00%<br>2014- naik ke paras 1280 org. Naik sebanyak 380 orang @ 42.22%. | (i) Pendatang asing China masuk semula selapas ditahan dan diarahkan pulang ke negara asal mereka.<br>(ii) Penurunan tangkapan menunjukkan kejayaan besar pihak imigresen menahan mereka dlm operasi dipusat2 hiburan |
| B. Pola Perbandingan | | |
| 5. Tangkapan paling banyak dari tahun 2012 hingga tahun 2014 : Indonesia<br>Dan tangkapan paling sedikit dari tahun 2012 hingga tahun 2014: lain-lain negara | Sepanjang tahun 2012 hingga 2014, negara Indonesia mencatatkan bilangan tangkapan pendatang asing paling ramai iaitu 8539 orang atau 76.18% daripada jumlah keseluruhan 11 337 orang. Manakala tangkapan paling sedikit ditunjukkan oleh lain-lain negara dengan jumlahnya 361 orang atau 1.08% daripada jumlah keseluruhan 11 337 orang | (i) Indonesia merupakan negara yang berkedudukan paling hampir dengan Malaysia<br>(ii) Bilangan mereka yang tidak ramai di Malaysia dan kes yang berlaku lazimnya disebabkan kegagalan mempengaruhi visa atau passport mereka |

Penutup:
Kesimpulannya, Malaysia harus mengambil langkah berjaga-jaga dengan kehadiran pendatang asing yang bertambah dari semasa ke semasa.

Jawapan: 4+0
Mana-mana 4 idea

Bahagian C [50 markah]

*Pilih* **dua** *daripada tajuk di bawah ini dan tulis karangan yang panjangnya antara 300 hingga 350 patah perkataan*.

18. Keganasan antarabangsa bukan sahaja mendatangkan kesan kepada negara-negara yang terlibat tetapi juga kepada negara-negara lain. Oleh itu, langkah-langkah harus diambil untuk menangani masalah ini. Bincangkan.

*Pengenalan:*

Keganasan antarabangsa kerap berlaku di seluruh dunia seperti pengeboman, pembunuhan dan penculikan oleh kumpulan pengganas banyak mendatangkan kesan kepada negar yang terlibat. Pelbagai langkah perlu dilakukan untuk menangani masalah ini daripada berleluasa.

| Bil | Idea | Huraian |
|---|---|---|
| | A.Kesan-kesan | |
| 1 | Mengancam keselamatan negara yang terlibat | • Keganasan yang berlaku sama ada angkara dalaman mahupun luaran dalam sesebuah negara akan menimbulkan huru-hara dan kacau-bilau.<br>• Keganasan angkara dalaman seperti perebutan kuasa, penghapusan etnik, dan krisis agama menyebabkan ketidakstabilan politik. Situasi ini akan menyebabkan masyarakat antarabangsa dan pelabur hilang keyakinan terhadap keselamatan negara. |
| 2 | Menjejaskan ekonomi negara | • Aktiviti keganasan yang tercetus akan mengganggu kelancaran aktiviti ekonomi seperti urus niaga dan perdagangan.<br>• Keganasan yang berlaku di sesebuah negara juga akan menjejaskan ekonomi dunia. |
| 3 | Menjejaskan industri pelancongan | • Keganasan antarabangsa seperti aktiviti penculikan, rampasan kapal terbang, pengeboman berani mati pengganas akan mengurangkan kehadiran pelancong.<br>• Di samping itu, banyak syarikat berkaitan pelancongan dan penerbangan antarabangsa mengalami kerugian besar dan terpaksa gulung tikar. |
| 4 | Menjejaskan imej negara | • Memberikan imej buruk kepada keberkesanan pentadbiran negara. Ketidak upayaan negara di dalam menangani isu keganasan antarabangsa. |
| 5 | Menjejaskan hubungan diplomatik antara negara | • Berlakunya konflik antara negara yang terlibat dengan kejadian keganasan. Risiko campur tangan kuasa besar. |
| | B. Langkah-langkah | |

| | | |
|---|---|---|
| 6 | Meningkatkan kerjasama antarabangsa | • Keganasan antarabangsa boleh diatasi melalui kerjasama antarabangsa. Malaysia percaya melalui perkongsian maklumat risikan serta |
| | | perjuangan melalui Suruhanjaya Pencegahan Jenayah dan Keadilan Jenayah (CCPCJ) mampu meredakan aktiviti keganasan.<br>• Malaysia dan negara ASEAN bergerak aktif dan berjuang di bawah Program Kerja ASEAN untuk membanteras keganasan dan jenayah terancang transnasional. |
| 7 | Memperkasakan penguatkuasaan undang-undang | • Keganasan antarabangsa boleh diatasi melalui pemerkasaan penguatkuasaan undang-undang oleh sesebuah negara.<br>• Badan penguatkuasaan undang-undang seperti pihak polis dan tentera memainkan peranan penting membanteras keganasan. Undang-undang khas untuk menangani keganasan perlu digubal. |
| 8 | Memperluaskan konsep kesederhanaan global | • Mementingkan keharmonian hubungan sosial, politik, dan kerjasama ekonomi di peringkat antarabangsa.<br>• Setiap negara bertanggungjawab penuh menjaga keamanan dalam negara. Menolak dasar campurtangan. |

Kesimpulan: Jenayah antarabangsa perlu dicegah secara menyeluruh dan kolektif dengan melibatkan usaha di peringkat antarabangsa kerana jenayah ini memberi impak yang pelbagai.

Skema Jawapan: 2+3 @ 3+2

19. Saban tahun masalah jerebu rentas sempadan semakin membimbangkan dan menimbulkan pelbagai kesan . Jelaskan.

Pendahuluan:
Masalah jerebu yang semakin kerap berlaku merupakan masalah yang dihadapi oleh Malaysia dan jiranny. Banyak faktor penyumbang kepada masalah ini dan wujud kesan yang harus ditanggung bersama.

| Bil | Idea | Huraian |
|---|---|---|
| | A. Kenapa semakin membimbangkan | |
| 1 | Sikap penduduk | • Masih mengamalkan amalan pertanian secara membakar untuk membersihkan ladang dan menyuburkan tanah<br>• Perbuatan ini tidak dianggap sebagai suatu kesalahan<br>• Seharusnya dididik untuk menguruskan ladang secara moden |
| 2 | Pembakaran terbuka | • Pembakaran terbuka di ladang-ladang masih diamalkan dengan tujuan membersihkan sisa tanaman bagi tanaman semula. Aktiviti sebegini sering dilakukan di Kalimantan kerana teknologi penanaman yang masih rendah.<br>• Aktiviti pembakaran turut dilakukan di tapak pelupusan sampah. |
| 3 | Kebakaran Hutan | • Kebakaran hutan berpunca daripada cuaca yang terlalu kering mempunyai kaitan dengan fenomena El-Nino.<br>• Kebakaran hutan yang luas menyebabkan serakan asap yang meliputi kawasan yang luas |
| | B. Kesan | |
| 4 | Menjejaskan kesihatan | • Mengganggu sistem pernafasan<br>• Boleh menyebabkan kematian sekiranya lambat diambil tindakan<br>• Mata menjadi berair dan pedih serta kulit menjadi gatal |
| 5 | Menjejaskan hidupan akuatik | • Menjejaskan hidupan laut yang seterusnya memberi kesan kepada aktiviti perikanan<br>• Pembiakan yang terjejas akan mengurangkan sumber perolehan protein<br>• Jerebu menyekat kemasukan cahaya matahari akan memberi kesan kepada hidupan seni / plankton yang menjadi makan ikan |
| 6 | Mengganggu industri pelancongan | • Menjejaskan aktiviti harian/ rutin penduduk. Rakyat tidak digalakkan berada di luar rumah. Larangan ini akan menjejaskan industri pelancongan.<br>• Pelancong tidak akan berminat untuk melancong ke negara yang dilanda jerebu kerana menjejaskan kesihatan mereka |

| | | |
|---|---|---|
| 7 | Menjejaskan aktiviti penerbangan | • Banyak penerbangan terpaksa dibatalkan atau ditunda.Hal ini kerana habuk dan jerebu menyekat pandangan yang boleh menyebabkan jarak penglihatan terhad |
| 8 | Menjejaskan sektor pertanian dan perhutanan | • Proses fotosintesis akan terhalang. Tisu daun akan musnah. Kesannya pengeluaran hasil akan terbantut. Hutan juga akan kehilangan kesuburan kerana faktor hujan asid dan sekatan kemasukan cahaya matahari |

Kesimpulan:
Semua pihak perlu bekerjasama membanteras masalah jerebu bagi memastikan alam sekitar sentiasa bersih untuk dihuni.

Skema Jawapan: 2+3/3+2

20. Isu pelarian di beberapa negara di dunia telah meninggalkan pelbagai kesan kepada Malaysia. Tindakan perlu dilaksanakan bagi menangani isu tersebut. Bincangkan.

**Pendahuluan**

Pelarian adalah mereka yang memilih untuk meninggalkan negara asal disebabkan kebimbangan akan ditindas oleh pemerintah. Hal ini menyebabkan mereka melarikan diri ke negara berhampiran termasuk Malaysia untuk mendapat perlindungan sementara sebelum ditempatkan ke negara ketiga. Namun demikian, tindakan ini menimbulkan pelbagai kesan kepada Malaysia.

| **Bil** | **Isi/idea** | **Huraian** |
|---|---|---|
| **A.** | **Kesan Isu Pelarian kepada Malaysia** | |
| 1 | Keselamatan negara terancam | • Kegiatan subversif golongan pelarian yang menentang negara asal mereka akan memberi kesan kepada politik negara<br>• Memudahkan berlakunya kegiatan jenayah rentas sempadan. |
| 2 | Peningkatan kadar jenayah | • Pelarian terlibat dalam pelbagai kes jenayah.<br>• Melakukan jenayah untuk menampung kos hidup kerana tidak mempunyai pekerjaan. |
| 3 | Peningkatan kos penyediaan tempat perlindungan | • Kerajaan terpaksa menanggung kos penyediaan penempatan/ makanan/ perubatan pelarian.<br>• Membebankan negara kerana meningkatnya tanggungan kerajaan. |

| | | |
|---|---|---|
| 4 | Penularan pelbagai penyakit | • Kebanyakan negara tidak memberikan perkhidmatan kesihatan yang baik kepada rakyatnya.<br>• Kumpulan pelarian mungkin tidak diberikan perkhidmatan kesihatan di negara asal seperti vaksin untuk melawan penyakit.<br>• Membawa penyakit berbahaya ke negara ini bila mereka bergaul dengan penduduk tempatan. |
| 5 | Ketegangan hubungan diplomatik dengan negara yang terlibat | • Hubungan Malaysia dengan negara asal tegang akibat penerimaan pelarian negara mereka.<br>• Contoh Malaysia –Myanmar yang menerima pelarian etnik Rohingya yang beragama islam.<br>• Negara asal mencemuh tindakan Malaysia menerima pelarian. |
| | **B.Tindakan Malaysia menangani isu pelarian** | |
| 6 | Mengadakan kerjasama antarabangsa | • Kerjasama dengan pertubuhan antarabangsa bagi orang migran<br>• Menyuarakan masalah ini di peringkat antarabangsa seperti Pertubuhan Bangsa-Bangsa bersatu (PBB) |
| 7 | Memperketat kawalan di pintu sempadan negara. | • Keselamatan di kawasan sempadan dipertingkatkan.<br>• Penguatkuasaan undang-undang oleh agensi berkaitan dilakukan.<br>• Imigresen menyekat kemasukan iaitu dengan menegaskan bahawa hanya ada pasport sahaja baru boleh memasuki sempadan Malaysia<br>• Menutup lorong-lorong tikus |
| 8. | Mengurus penempatan semula | • Mewujudkan penempatan sementara<br>• Memindahkan pelarian ke negara ketiga yang sanggup menerima mereka |
| 9. | Memperketat pemberian kad UNHCR | • Mngemaskini dan mengukuhkan ciri-ciri keselamatan dokumen UNHCR secara berkala untuk mengekang kad palsu<br>• Memudahkan urusan agensi2 penguatkuasaan |
| 10. | Melakukan tapisan kesihatan | • Memantau tahap kesihatan golongan pelarian<br>• Memberi rawatan yang bersesuaian sekiranya menghidapi penyakit berjangkit / berbahaya |
| 11. | Memberi peluang pendidikan | • Memberi peluang pendidikan kepada kanak-kanak pelarian sebagai hak asasi mereka |

| | | |
|---|---|---|
| 12. | Menyerapkan dalam sektor pelarian | • Kerajaan mengambil manfaat kehadiran golongan pelarian ini dengan menyerap mereka dalam sektor pekerjaan<br>• Memberi latihan kemahiran kepada golongan wanita dan lelaki |
| 13. | Memperkasa penguatkuasaan undang-undang | • Mengenakan tindakan undang-undang sekiranya pelarian terlibat dalam kegiatan jenayah<br>• Dapat mengurangkan kadar jenayah dalam kalangan pelarian |

Penutup:
Isu pelarian perlu ditangani dengan bijak supaya keharmonian sejagat dapat

dikekalkan. Skema Jawapan: 3+2/2+3